05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PENGLIBATAN PELAJAR DALAM AKTIVITI KEUSAHAWANAN DI KOPERASI SEKOLAH

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

NOR ASIKIN BINTI ABDULLAH

UNIVERSITI PENDIDIKAN SUTAN IDRIS

2012

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PENGLIBATAN PELAJAR DALAM AKTIVITI KEUSAHAWANAN DI KOPERASI SEKOLAH

NOR ASIKIN BINTI ABDULLAH

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
PENGURUSAN PERNIAGAAN

FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2012

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PENGAKUAN

Saya mengaku disertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

01.03.2012

NOR ASIKIN BINTI ABDULLAH
M20091000773

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke Hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah rahmat dan kurnia-Nya yang telah memberikan kesihatan, keyakinan dan kekuatan kepada saya dalam menyiapkan disertasi ini mengikut tempoh yang telah ditetapkan. Buat suami yang tersayang Ramlan bin Pardi, terima kasih kerana memberi keizinan dan menyokong saya dalam apa jua yang saya lakukan. Tak lupa juga buat ibu bapa yang tercinta Zawiah binti Mat Daud dan Abdullah bin Ismail serta semua ahli keluarga di atas iringan doa dan sokongan kalian semua kepada saya.

Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia saya iaitu Prof. Dr. Abdul Jumaat bin Mahajar kerana telah banyak memberi bimbingan dan tujuk ajar kepada saya sehingga terhasilnya penulisan kajian ini. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada pensyarah-pensyarah Universiti Pendidikan Sultan Idris, kakitangan Fakulti Pengurusan dan Ekonomi serta Institut Pengajian Siswazah yang banyak memberi kerjasama dan bantuan kepada saya.

Ribuan terima kasih diucapkan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia terutamanya Bahagian Biasiswa dan Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (EPRD), Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan, Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Maktab Kerjasama Malaysia, Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad, Pengetua-pengetua sekolah MRSM Pengkalan Chepa, SMK Kota, SMK Sultan Ibrahim (1), SMK Dato' Mahmud Paduka Raja (1), SMK Wakaf Bharu, SM Sultan Yahya Petra, SM Dato' Ahmad Maher, SM Teknik Bachok, SMK Berangan dan SMK Hamzah serta semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak lansung. Segala bantuan dan kerjasama yang telah diberikan diharapkan mendapat ganjaran dari Allah S.W.T.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap penglibatan pelajar dalam aktiviti keusahawanan di koperasi sekolah. Objektif kajian ini ialah untuk mengenal pasti sama ada terdapat hubungan di antara pemupukan ciri-ciri keusahawanan, pengetahuan pelajar, kemahiran pelajar dan sikap pelajar dalam bidang keusahawanan dengan penglibatan pelajar dalam aktiviti keusahawanan di koperasi sekolah. Kajian ini dijalankan ke atas 150 orang pelajar yang menjadi Ahli Lembaga Koperasi di sepuluh buah sekolah menengah yang terpilih di negeri Kelantan. Satu set soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian dan penganalisisan data dilaksanakan dengan menggunakan perisian *Statistic Package for the Social Science* (SPSS) versi 16.0. Statistik deskriptif yang digunakan ialah peratusan, kekerapan, min dan sisihan piawai. Sementara statistik inferensi pula ialah ujian-t, ANOVA satu hala, ujian korelasi dan regresi. Berdasarkan dapatan yang diperolehi menerusi analisis deskriptif dan inferensi telah mendapati bahawa tahap ciri-ciri keusahawanan dan penglibatan pelajar dalam aktiviti keusahawanan adalah berada pada tahap tinggi manakala pengetahuan, kemahiran dan sikap pelajar dalam bidang keusahawanan berada pada tahap sederhana tinggi. Terdapat hubungan yang signifikan di antara pemupukan ciri-ciri keusahawanan, kemahiran pelajar mengenai keusahawanan dan sikap pelajar dalam bidang keusahawanan dengan penglibatan pelajar dalam aktiviti di koperasi sekolah. Namun dapatan kajian juga mendapati tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan pelajar terhadap bidang keusahawanan dengan penglibatan pelajar dalam aktiviti di koperasi sekolah. Dapatan kajian juga menunjukkan ciri-ciri keusahawanan di kalangan pelajar memberi sumbangan sebanyak 24.2% kepada penglibatan pelajar dalam aktiviti keusahawanan di koperasi sekolah dan diikuti oleh kemahiran pelajar dalam bidang keusahawanan 12.4%. Pengetahuan pelajar dalam bidang keusahawanan menyumbang 11.4% manakala sikap pelajar dalam bidang keusahawanan tidak menyumbang langsung kepada penglibatan pelajar dalam aktiviti keusahawanan di koperasi sekolah. Sehubungan dengan itu, beberapa cadangan kepada pihak yang terlibat dikemukakan oleh pengkaji bagi meningkatkan lagi penglibatan pelajar dalam aktiviti keusahawanan di koperasi sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ABSTRACT

The aim of this study is to identify the level of involvement among students in entrepreneurial activity at the school cooperatives. Moreover, the objective of the study is to discover whether the relationship of entrepreneurship features is being cultivated which include students' knowledge, skills and attitude in entrepreneurial field through their involvement in entrepreneurial activities at the school cooperatives. A research was being done to 150 students who are also the Board Members of the Cooperative School in about ten secondary schools selected in Kelantan. A set of questionnaires is used as a study instrument and the data analysis is done by using Statistic Package for the Social Science (SPSS) version 16.0. The descriptive statistics used are percentage, frequency, mean and standard deviation whereas for the inferential statistics, they used t-test, one-way ANOVA, correlation and regression tests. Based on the outcomes obtained from the descriptive and inferential analysis, it is found that the entrepreneurship features among the students and their involvement are at high level while their knowledge, skills and attitude are at high moderate level. There is a significant connection between cultivating entrepreneurship features, skills and attitude in entrepreneurship in students' involvement in school cooperatives. Nevertheless, from the findings, it is found that there is no significant correlation between students knowledge in entrepreneurship and their involvement in the school cooperatives activities. Based from the findings, it is also discovered that entrepreneurship features among the students contribute about 24.2% to their involvement in the entrepreneurial activities and this is followed by their skills in entrepreneurial field. Apart from that, 11.4% are from their knowledge on entrepreneurial field whereas students' attitude in entrepreneurial does not contribute to the activities at all. Therefore, a few suggestions are made by the researcher to those involved to increase students involvement in entrepreneurial activities in school cooperatives.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KANDUNGAN

		Muka Surat
PENGAKUAN		ii
PENGHARGAAN		iii
ABSTRAK		iv
ABSTRACT		v
KANDUNGAN		vi
SENARAI JADUAL		xi
SENARAI RAJAH		xiv
SENARAI SINGKATAN		xv
BAB I	PENDAHULUAN	
1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar belakang kajian	8
1.3	Pernyataan masalah	26
1.4	Kerangka teori	29
	1.4.1 Teori Tindakan Bertujuan	29
	1.4.2 Teori Tingkah Laku Terancang	30
1.5	Kerangka konseptual kajian	31
1.6	Objektif kajian	34
1.7	Soalan kajian	36
1.8	Hipotesis	37
1.9	Kepentingan kajian	38
	1.9.1 Kepentingan kepada pelajar	38
	1.9.2 Kepentingan kepada sekolah	38
	1.9.3 Kepentingan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia	39
	1.9.4 Kepentingan kepada pihak ANGKASA, MKM dan SKM	39
1.10	Definisi istilah	40
	1.10.1 Penglibatan	40
	1.10.2 Pelajar	40
	1.10.3 Aktiviti	40
	1.10.4 Keusahawanan	41
	1.10.5 Koperasi	42

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

	1.10.6 Koperasi sekolah	43
1.11	Batasan kajian	44
1.12	Rumusan	44
BAB II	TINJAUAN LITERATUR	
2.1	Pengenalan	45
2.2	Kepentingan pendidikan keusahawanan	46
2.3	Kajian-kajian yang lepas	49
	2.3.1 Ciri-ciri keusahawanan	49
	2.3.2 Pengetahuan pelajar dalam bidang keusahawanan	57
	2.3.3 Kemahiran pelajar dalam bidang keusahawanan	62
	2.3.4 Sikap pelajar dalam bidang keusahawanan	65
	2.3.5 Penglibatan pelajar dalam aktiviti keusahawanan	72
2.4	Rumusan	75
BAB III	METODOLOGI	
3.1	Pengenalan	77
3.2	Reka bentuk kajian	78
3.3	Instrumen kajian	79
3.4	Populasi dan sampel kajian	86
3.5	Kajian rintis	87
3.6	Prosedur pengumpulan data	89
3.7	Prosedur analisis data	90
3.8	Rumusan	92
BAB IV	DAPATAN KAJIAN	
4.1	Pengenalan	93
4.2	Analisis latar belakang responden	94
	4.2.1 Jantina responden	95
	4.2.2 Bangsa responden	96
	4.2.3 Aliran pengajian responden	96
	4.2.4 Umur	97
	4.2.5 Pekerjaan bapa atau penjaga	98

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

	4.2.6 Pekerjaan ibu atau penjaga	98
	4.2.7 Cita-cita responden	99
	4.2.8 Pengalaman berniaga	100
	4.2.9 Pengalaman menjadi Ahli Lembaga Koperasi	100
	4.2.10 Anugerah koperasi cemerlang	101
4.3	Analisis aktiviti koperasi sekolah	102
	4.3.1 Tahun penubuhan koperasi sekolah	102
	4.3.2 Bilangan Ahli Lembaga Koperasi guru dan pelajar	103
	4.3.3 Aktiviti yang dijalankan di koperasi sekolah	104
4.4	Analisis deskriptif	105
	4.4.1 Analisis min, sisihan piawai dan peratusan ciri-ciri keusahawanan di kalangan pelajar	108
	4.4.2 Analisis min, sisihan piawai dan peratusan pengetahuan pelajar dalam bidang keusahawanan	110
	4.4.3 Analisis min, sisihan piawai dan peratusan kemahiran pelajar dalam bidang keusahawanan	112
	4.4.4 Analisis min, sisihan piawai dan peratusan sikap pelajar dalam bidang keusahawanan	114
	4.4.5 Analisis min, sisihan piawai dan peratusan penglibatan pelajar dalam aktiviti keusahawanan	116
4.5	Analisis inferensi	118
	4.5.1 Ujian-t	118
	4.5.1.1 Analisis ujian-t perbezaan ciri-ciri keusahawanan berdasarkan faktor jantina	118
	4.5.1.2 Analisis ujian-t perbezaan pengetahuan keusahawanan berdasarkan faktor jantina	119
	4.5.1.3 Analisis ujian-t perbezaan kemahiran kemahiran berdasarkan faktor jantina	120
	4.5.1.4 Analisis ujian-t perbezaan sikap keusahawanan berdasarkan faktor jantina	121
	4.5.1.5 Analisis ujian-t perbezaan ciri-ciri keusahawanan berdasarkan faktor bangsa	122

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.5.1.6 Analisis ujian-t perbezaan pengetahuan keusahawanan berdasarkan faktor bangsa 122
4.5.1.7 Analisis ujian-t perbezaan kemahiran keusahawanan berdasarkan faktor bangsa 123
4.5.1.8 Analisis ujian-t perbezaan sikap keusahawanan berdasarkan faktor bangsa 124
4.5.2 Analisis varians ANOVA satu hala 124
4.5.2.1 Analisis ANOVA satu hala ciri-ciri keusahawanan berdasarkan aliran pengajian 125
4.5.2.2 Analisis ANOVA satu hala pengetahuan keusahawanan berdasarkan aliran pengajian 126
4.5.2.3 Analisis ANOVA satu hala kemahiran keusahawanan berdasarkan aliran pengajian 128
4.5.2.4 Analisis ANOVA satu hala sikap keusahawanan berdasarkan aliran pengajian 129
4.5.2.5 Analisis ANOVA satu hala penglibatan pelajar berdasarkan aliran pengajian 131
4.5.3 Keputusan analisis ujian korelasi terhadap hipotesis nul kajian 132
4.5.3.1 Ringkasan keputusan analisis ujian korelasi terhadap hipotesis nul kajian 137
4.6 Keputusan analisis ujian regresi 138
4.7 Rumusan 139

BAB V PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN
5.1 Pengenalan 141
5.2 Perbincangan dapatan kajian 142
5.2.1 Latar belakang responden 142
5.2.2 Latar belakang koperasi sekolah 144
5.2.3 Ciri-ciri keusahawanan pelajar 146
5.2.4 Pengetahuan keusahawanan pelajar 148
5.2.5 Kemahiran keusahawanan pelajar 150
5.2.6 Sikap keusahawanan pelajar 152

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

	5.2.7 Penglibatan pelajar dalam aktiviti keusahawanan	153
5.3	Kesimpulan dapatan kajian	154
5.4	Cadangan kajian	158
5.5	Rumusan	160
RUJUKAN		161
LAMPIRAN		
A	Borang soal selidik	177
B	Keputusan ujian analisis deskriptif dan inferensi	185
C	Surat kebenaran menjalankan penyelidikan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia	215
D	Surat kebenaran menjalankan penyelidikan oleh Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan	217
E	Penentuan saiz sampel berdasarkan jumlah populasi	218

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
1.1	Surat pekeliling ikhtisas Kementerian Pelajaran Malaysia	2
1.2	Koperasi sekolah perintis di Malaysia	4
1.3	Tarikh-tarikh penting peristiwa gerakan koperasi di Malaysia	9
1.4	Perangkaan am koperasi sekolah mengikut negeri pada 31 Disember 2010	15
1.5	Peranan yang boleh dimainkan oleh koperasi sekolah	17
3.1	Ciri-ciri keusahawanan mengikut spesifikasi item	82
3.2	Pengetahuan keusahawanan mengikut spesifikasi item	82
3.3	Kemahiran keusahawanan mengikut spesifikasi item	83
3.4	Sikap keusahawanan mengikut spesifikasi item	84
3.5	Pembahagian item mengikut objektif kajian	85
3.6	Skala Likert	85
3.7	Jumlah persampelan mengikut sekolah	87
3.8	Nilai pekali kebolehpercayaan *alpha cronbach* bagi setiap item	89
3.9	Pengkelasan tafsiran pekali korelasi	91
4.1	Taburan kekerapan dan peratusan responden mengikut jantina	95
4.2	Taburan kekerapan dan peratusan responden mengikut bangsa	96
4.3	Taburan kekerapan dan peratusan responden mengikut aliran pengajian	96
4.4	Taburan kekerapan dan peratusan responden mengikut umur	97
4.5	Taburan kekerapan dan peratusan responden mengikut pekerjaan bapa atau penjaga	98
4.6	Taburan kekerapan dan peratusan responden mengikut pekerjaan ibu atau penjaga	98
4.7	Taburan kekerapan dan peratusan responden mengikut cita-cita	99
4.8	Taburan kekerapan dan peratusan responden mengikut pengalaman berniaga	100
4.9	Pengalaman menjadi Ahli Lembaga Koperasi	100
4.10	Anugerah Koperasi Cemerlang	101
4.11	Tahun penubuhan koperasi sekolah	102

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.12	Bilangan Ahli Lembaga Koperasi guru dan pelajar	103
4.13	Aktiviti koperasi sekolah	104
4.14	Intepretasi julat skor min tahap ciri-ciri, pengetahuan, kemahiran, sikap dan penglibatan pelajar dalam bidang keusahawanan	106
4.15	Interpretasi penilaian responden berdasarkan peratusan	107
4.16	Min tahap ciri-ciri keusahawanan	108
4.17	Keputusan analisis peratusan ciri-ciri keusahawanan	109
4.18	Min tahap pengetahuan dalam bidang keusahawanan	110
4.19	Keputusan analisis peratusan pengetahuan keusahawanan	111
4.20	Min tahap kemahiran dalam bidang keusahawanan	112
4.21	Keputusan analisis peratusan kemahiran keusahawanan	113
4.22	Min tahap sikap dalam bidang keusahawanan	114
4.23	Keputusan analisis peratusan sikap keusahawanan	115
4.24	Min tahap penglibatan pelajar dalam bidang keusahawanan	116
4.25	Keputusan analisis peratusan penglibatan pelajar dalam bidang keusahawanan	117
4.26	Ujian-t ciri-ciri keusahawanan berdasarkan faktor jantina	118
4.27	Ujian-t pengetahuan keusahawanan berdasarkan faktor jantina	119
4.28	Ujian-t kemahiran keusahawanan berdasarkan faktor jantina	120
4.29	Ujian-t sikap keusahawanan berdasarkan faktor jantina	121
4.30	Ujian-t ciri-ciri keusahawanan berdasarkan faktor bangsa	122
4.31	Ujian-t pengetahuan keusahawanan berdasarkan faktor bangsa	122
4.32	Ujian-t kemahiran keusahawanan berdasarkan faktor bangsa	123
4.33	Ujian-t sikap keusahawanan berdasarkan faktor bangsa	124
4.34	Keputusan ujian ANOVA ciri-ciri keusahawanan berdasarkan aliran pengajian	125
4.35	Keputusan ujian Post Hoc ciri-ciri keusahawanan berdasarkan aliran pengajian	125
4.36	Keputusan ujian ANOVA pengetahuan keusahawanan berdasarkan aliran pengajian	126
4.37	Keputusan ujian Post Hoc pengetahuan keusahawanan berdasarkan aliran pengajian	127

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.38	Keputusan ujian ANOVA kemahiran keusahawanan berdasarkan aliran pengajian	128
4.39	Keputusan ujian Post Hoc kemahiran keusahawanan berdasarkan aliran pengajian	128
4.40	Keputusan ujian ANOVA sikap keusahawanan berdasarkan aliran pengajian	129
4.41	Keputusan ujian Post Hoc sikap keusahawanan berdasarkan aliran pengajian	130
4.42	Keputusan ujian ANOVA penglibatan pelajar dalam bidang keusahawanan berdasarkan aliran pengajian	131
4.43	Keputusan ujian Post Hoc penglibatan pelajar dalam bidang keusahawanan berdasarkan aliran pengajian	131
4.44	Pengelasan tafsiran pekali korelasi	133
4.45	Keputusan ujian korelasi	134
4.46	Ringkasan keputusan analisis ujian korelasi terhadap hipotesis nul kajian	137
4.47	Keputusan analisis ujian regresi	138

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
1.1	Kerangka konseptual kajian	34

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI SINGKATAN

DPN	Dasar Pendidikan Negara
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
SKM	Suruhanjaya Koperasi Malaysia
ANGKASA	Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad
DKN	Dasar Koperasi Negara
MKM	Maktab Kerjasama Malaysia
KPDNKK	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan
SEKKOP	Sistem Keanggotaan, Perakaunan dan Perniagaan Koperasi Sekolah
ALK	Ahli Lembaga Koperasi
PKS	Pelancongan Koperasi Sekolah
HKS	Hari Koperasi Sekolah
JAD	Jawatankuasa Audit Dalaman
KKB	Kursus Keterampilan Bertutur
MoU	Memorandum of Understanding
MEB	Model Ekonomi Baru
KDNK	Keluaran Dalam Negara Kasar
SPSS	Statistic Package for the Social Science

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 1

PENDAHULUAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.1 Pengenalan

Sekolah adalah institusi sosial yang penting dalam membentuk sesebuah masyarakat. Melalui pendidikan yang teratur, sistematik dan berterusan, sekolah berupaya membentuk peribadi yang sempurna di kalangan pelajar tanpa mengira jantina, kaum dan agama. Sumbangan pendidikan adalah jelas berasaskan fungsinya sebagai pusat penyampaian ilmu, pembentukan dan pembangunan potensi serta perubahan minda. Perubahan ini akan tercapai melalui gandingan kegiatan kurikulum dan kokurikulum yang mantap dan sistematik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seiring dengan penggubalan Dasar Pendidikan Negara (DPN) dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK), Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) menggalakkan penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum dalam usaha merealisasikan FPK. KPM juga berusaha menyatupadukan kegiatan kokurikulum dengan kegiatan kurikulum melalui perancangan takwin tahunan yang diedarkan kepada Jabatan Pendidikan Negeri, Jabatan Pendidikan Daerah dan sekolah.

Koperasi sekolah telah diiktiraf sebagai salah satu aktiviti penting kokurikulum sekolah di mana faedah dan kepentingan aktivitinya dapat merealisasikan FPK dan pengetua sekolah menengah diberi galakan oleh KPM untuk menubuhkannya berdasarkan surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pelajaran Malaysia seperti berikut:-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 1.1

Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pelajaran Malaysia

Bil	No. Rujukan	Tarikh
1.	KP 8591- Jld II (222)	8 Mei 1976
2.	KP(BS)8586/303/(57)	20 April 1989
3.	KP(BS/HEP)8586/014(15)	15 Mei 1999
4.	KP(BS/HEP)8586/013/(91)	8 Ogos 2002
5.	KP(BS/HEP)8586/013/(74)	3 Oktober 2006
6.	KP(BS/HEP)8586/013Jld.6(22)	4 September 2007
7.	KP(BS/HEP)8586/013Jld.6(40)	12 Februari 2008

Sumber : KPM (2010)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Cadangan mengadakan koperasi sekolah bermula pada tahun 1953 melalui satu usul yang diluluskan melalui persidangan kerjasama Malaysia. Kata sepakat telah dicapai antara Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pertanian atas dasar penubuhan koperasi sekolah adalah sama dengan koperasi lain. Sebelum Akta Koperasi 1993 digubal kegiatan koperasi sekolah di Semenanjung didaftarkan dibawah Akta Koperasi Bil. 33 tahun 1948, di Sarawak koperasi sekolah didaftarkan di bawah *Cooperative Societies Ordinance Chapter 66 of the Law of Sarawak* manakala di negeri Sabah ia di bawah *Cooperative Societies Ordinance of Sabah No. 3/1958*. Tetapi penubuhan koperasi pada masa itu tidak kesampaian sehinggalah idea penubuhan koperasi sekolah dibangkitkan oleh Profesor Diraja Ungku A. Aziz pada tahun 1968 (Ahmad Marzuki, 2007).

Sehubungan dengan itu pada tahun 1968, sebanyak 9 buah koperasi sekolah telah dijadikan percubaan kepada pergerakan koperasi sekolah di Malaysia. Antara koperasi sekolah tersebut ialah:-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 1.2

Koperasi Sekolah Perintis di Malaysia

Bil	Koperasi	Tarikh Pendaftaran
1.	Koperasi Sekolah Menengah Dr Burhanuddin, Taiping	4 November 1969
2.	Koperasi Sekolah Menengah Sultan Sulaiman, Kuala Terengganu	24 November 1969
3.	Koperasi Sekolah Menengah Abdul Rahman Talib, Kuantan	24 November 1969
4.	Koperasi Sekolah Menengah Abu Bakar, Kuantan	24 November 1969
5.	Koperasi Sekolah Menengah Tengku Menteri Changkat Jering, Taiping	18 Disember 1969
6.	Koperasi Sekolah Menengah Padang Midin, Kuala Terengganu	20 Disember 1969
7.	Koperasi Sekolah Menengah Zainab, Kota Bharu	20 Disember 1969
8.	Koperasi Jimat Cermat Penuntut-penuntut Sekolah Menengah Iskandar Shah, Jasin Melaka	20 Disember 1969
9.	Syarikat Kerjasama Jimat Cermat Murid-murid Sekolah Dato' Jaafar, Johor Bahru	20 Disember 1969

Sumber : SKM (2010)

Koperasi-koperasi sekolah perintis tersebut mula menjalankan perniagaan kantin sekolah, mengatur perkhidmatan bas sekolah dan sebagainya di samping menyemai dan mendidik semangat kerjasama dan jimat-cermat serta menyimpan di kalangan pelajar. Pada peringkat awal penubuhannya, peranan koperasi sekolah berfungsi sebagai kredit di mana lebih kepada mendidik pelajar mengamalkan jimat cermat, berdikari dan mendedahkan kepada amalan perniagaan. Fungsi ini ada kaitan dengan sosioekonomi pelajar pada ketika itu. Semenjak tahun 1995, perkembangan dan sumbangan koperasi sekolah semakin nyata di mana fungsinya telah berubah daripada kredit kepada perkhidmatan dan pengguna.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selaras dengan itu Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) sentiasa memantau gerakan koperasi sekolah dari semasa ke semasa dan gerakan ini akan terus mantap dengan pemerhatian yang berterusan oleh KPM. Pengiktirafan dan pemantauan koperasi sekolah semakin jelas di mana SKM dan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) telah memperkenalkan pelbagai anugerah kualiti koperasi sekolah di peringkat negeri dan kebangsaan setiap tahun.

Pada 14 Januari 1989, Profesor Diraja Ungku A. Aziz dalam perjumpaan Agung Kumpulan Fungsi Pendidikan, ANGKASA mendapati peranan dan sumbangan koperasi sekolah semakin nyata dengan memberikan beberapa saranan bagi mencapai matlamat koperasi sekolah ketika itu. Antaranya ialah:-

(a) Membentuk amalan jimat cermat dan berdikari

(i) Mengamalkan sikap menabung dan melabur

(ii) Menghindar daripada sikap meminjam

(iii) Mampu berusaha sendiri tanpa mengharapkan bantuan orang lain

(iv) Memupuk sikap para pelajar merancang perbelanjaan mereka

(b) Membantu dalam mewujudkan suasana latihan amali bagi mempraktikkan teknik-teknik pengurusan dan perdagangan

(i) Koperasi digunakan bagi mengamalkan teori yang dipelajari dari mata pelajaran perdagangan, perakaunan dan keusahawanan di sekolah

(ii) Memahirkan diri dalam aktiviti yang dijalankan sebelum melangkah keluar dari alam persekolahan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(iii) Membentuk daya fikir kreatif kepada penuntut untuk mempelbagaikan aktiviti

(iv) Menghindari tipu helah perniagaan yang tidak sihat

(c) Menyemai sifat-sifat serta unsur-unsur demokrasi di kalangan generasi muda

(i) Memberi latihan praktikal atas perjalanan dan sistem demokrasi yang tulen

(ii) Membentuk sikap tolak ansur di kalangan para pelajar

(iii) Membentuk sikap para pelajar dalam interaksi sesama manusia

(iv) Memberi penghayatan kepada para pelajar terhadap hak dan tanggungjawab sebagai ahli masyarakat dan rakyat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(d) Menggalakkan sikap bekerjasama serta saling bantu-membantu antara satu sama lain

(i) Menyemai sikap pelajar ke arah bersatu

(ii) Saling percaya mempercayai antara kaum

(iii) Membentuk sikap murni di kalangan pelajar

(iv) Menyemai semangat setiakawan

(e) Mengasuh bakat kepimpinan di kalangan generasi muda

(i) Menyemai semangat bertanggungjawab dalam kumpulannya

(ii) Berupaya mempertahankan hak-hak ahlinya

(iii) Membentuk para pelajar yang berfikiran rasional

(iv) Melatih para pelajar berani menyuarakan pendapat serta pandangan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manakala pada tahun 1994, KPM telah membuat saranan dalam mencapai matlamat dan objektif pergerakan koperasi sekolah. Dalam kertas kerjanya "Dasar Kementerian Pendidikan Berhubung Dengan Perlaksanaan Koperasi Sekolah", antara cadangannya ialah:-

(a) Memajukan kepentingan sosioekonomi ahli-ahli menurut prinsip-prinsip koperasi

(b) Mengamalkan sikap dan amalan jimat cermat

(c) Mengamalkan cara hidup bermasyarakat secara demokratik

(d) Mengamalkan prinsip berdikari

(e) Memberi pengalaman mentadbir, mengurus, membuat keputusan dan memimpin kepada khususnya pemimpin-pemimpin koperasi di kalangan pelajar

(f) Menyertai kaedah dan masalah urusan perniagaan

(g) Memberi sokongan kepada sekolah dalam usaha-usaha yang memberi faedah kepada pelajar-pelajar

Berdasarkan saranan Profesor Diraja Ungku A. Aziz (1989) dan KPM (1994), menunjukkan pergerakan koperasi sekolah ke arah melahirkan generasi yang seimbang, mapan dan berketrampilan. Nilai-nilai dan prinsip-prinsip yang diamalkan dalam koperasi boleh melahirkan minat pelajar kepada koperasi sekolah terutamanya dalam menerapkan nilai-nilai yang positif kepada pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.2 Latar Belakang Kajian

Di Malaysia, koperasi diperkenalkan untuk menyelesaikan masalah petani di luar bandar yang ditindas oleh orang tengah di bawah sistem padi kunca dan masalah keberhutangan di kalangan penjawat awam di bandar. Pada tahun 1922, Pejabat "Sharikat Bersama-sama Kerja Kerana Bantu Membantu" telah ditubuhkan di Taiping, Perak. Dalam tahun yang sama, *Co-operative Societies Enactment 1922* diperkenalkan untuk mengawasi syarikat kerjasama yang kini dikenali sebagai koperasi (Ahmad Marzuki, 2004).

Penubuhan koperasi bertujuan menggalakkan jimat cermat, menolong diri sendiri dan bekerjasama di kalangan mereka yang mempunyai keperluan yang sama. Berikut ialah tarikh-tarikh penting peristiwa gerakan koperasi di Malaysia:-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 1.3

Tarikh-tarikh Penting Peristiwa Gerakan Koperasi di Malaysia

Tarikh/Tahun	Turutan Peristiwa
28 Jun 1922	Undang-undang koperasi pertama *Co-operative Societies Enactment 1922* diluluskan hasil daripada kajian dan beberapa perakuan yang dibuat oleh En. A. Cavendish.
1 Julai 1922	Pejabat Kemajuan Kerjasama ditubuhkan dan diketuai oleh En. A. Cavendish (Pendaftar Pertama).
21 Julai 1922	Syarikat Bekerjasama-sama Jimat Cermat dan Pinjam Wang Pekerja-pekerja Jabatan Pos dan Telekom Berhad didaftarkan.
3 Disember 1923	Syarikat Kampung Tebuk Haji Musa Bekerjasama-sama Dengan Tanggungan Berhad, Parit Buntar, Krian, Perak didaftarkan.
1924	*Capt.* Noor M. Hashim dilantik sebagai Penolong Pendaftar. (orang melayu pertama)
1935	Enakmen 1922 disemak dan disiar sebagai *FMS Cap. 97*.
1938	Sebanyak 76 koperasi jenis kredit telah ditubuhkan dengan keanggotaan seramai 30,626 orang dan yuran sebanyak RM6,393,100.
1939	Jumlah koperasi ialah 515 buah.
1941-1945	Pergerakan koperasi tidak aktif akibat Perang Dunia Kedua.
1948	*Co-operative Societies Enactment 1922* dimansuhkan dan diganti dengan *Co-operative Societies Ordinance 1948*.
1949	*Sarawak Co-operative Ordinance 1949* diluluskan.
1949	Koperasi Pemborong Malaya (MCWS) ditubuhkan.
1954	Sebanyak 172 koperasi jenis pemasaran telah didaftarkan dengan modal pusingan sebanyak RM10.5 juta.
2 Ogos 1954	Koperasi Insurans se Malaysia (MCIS) telah didaftarkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 1.3 (Sambungan)

Tarikh/Tahun	Turutan Peristiwa
1954	Penubuhan Bank Persatuan Kerjasama. Kemudian ianya bergabung dengan Bank Agung Kampung Bekerjasama Persekutuan Tanah Melayu. Koperasi bank ini kemudiannya dikenali sebagai Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat).
1955	Sebanyak 22 koperasi perumahan telah didaftarkan.
1956	Penubuhan Maktab Kerjasama Malaysia (MKM); dan Datuk Abdul Majid b. Haji Mohamed dilantik pengetua yang pertama.
1957	Terdapat 2,243 buah syarikat kerjasama, dengan modal pusingan berjumlah RM74,051,354 dan keahlian seramai 267,685 orang.
1958	Sabah Co-operative Ordinance 1958 diluluskan.
1965	Koperasi Sekolah-sekolah Tamil Kedah Berhad didaftarkan.
1966	Koperasi sekolah mula diperkenalkan.
1971	Kongres Koperasi Malaysia Pertama diadakan dengan matlamat untuk menubuhkan kesatuan koperasi peringkat kebangsaan, tujuannya untuk menyatukan semua koperasi-koperasi dalam satu gerakan yang lebih menyeluruh.
1972	Penubuhan Angkatan Kerjasama Kebangsaan Malaysia (ANGKASA) hasil Kongres Koperasi Malaysia kali kedua.
1975	Penubuhan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP). Serentak dengan itu sebanyak 1,550 buah koperasi asas tani diletakkan di bawah pengawasan LPP.
1976	Penubuhan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan sebanyak 76 buah koperasi nelayan diletakkan di bawah pengawasan LKIM.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 1.3 (Sambungan)

Tarikh/Tahun	Turutan Peristiwa
28 Januari 1982	Pindaan ke atas Ordinan Koperasi 1948 dengan memasukkan prinsip-prinsip koperasi dan penggunaan takrif baru atas istilah-istilah tertentu.
1983	Pelancaran Era Baru Koperasi dengan memperkenalkan empat (4) jenis koperasi baru iaitu KPD, KIK, KPP dan KPN.
1986	Semakan ke atas Ordinan Koperasi 1948 dan dikenali sebagai Akta Koperasi 1948 (Semakan 1983).
1987	Sebanyak 2,913 buah koperasi berdaftar di Malaysia iaitu 2,138 di Semenanjung, 322 di Sabah dan 443 di Sarawak. Jumlah keanggotaan seramai lebih 2.8 juta orang.
1988	Bank Pusat Kerjasama (CCB) disiasat oleh Bank Negara Malaysia kerana masalah pengurusan dan insolven.
Oktober 1990	Hasil siasatan, CCB diletakkan dibawah firma audit yang menjadi penanggung (receiver).
1990	Jabatan Pembangunan Koperasi diletakkan di bawah Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi.
22 Januari 1993	Jumlah koperasi berdaftar di Malaysia sebanyak 3,028 buah, keanggotaan 3.33 juta orang, modal syer RM1.64 bilion dan aset sebanyak RM6.15 bilion.
4 Februari 1993	Akta Koperasi 1993 mendapat persetujuan di Raja setelah dibentang di persidangan Parlimen.
22 Februari 1994	Akta Koperasi 1993 diterbitkan dalam warta.
September 1995	Akta Koperasi 1993 dikuatkuasakan. Akta Koperasi 1993 dipinda dengan menambah seksyen baru 71A iaitu panduan pembubaran dan penyusunan semula sesebuah koperasi kepada syarikat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 1.3 (Sambungan)

Tarikh/Tahun	Turutan Peristiwa
14 Disember 1996	Dengan wujudnya seksyen 71A, satu sejarah tercatat di mana Koperasi Usaha Bersatu Malaysia Berhad (KUBB) telah dibatalkan pendaftarannya untuk menjadikannya koperasi pertama dikorporatkan.
31 Disember 2001	Jumlah koperasi berdaftar di Malaysia sebanyak 4,246 buah, keanggotaan 4.76 juta orang, modal syer RM4.30 bilion dan aset sebanyak RM18.90 bilion.
21 Julai 2002	Hari Koperasi Negara peringkat Kebangsaan kali pertama diadakan di PWTC.
1 Januari 2008	Jabatan Pembangunan Koperasi (JPK) telah ditransformasikan kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).

Sumber: SKM (2010)

Gerakan koperasi di Malaysia menunjukkan perkembangan yang positif dan perkembangan ini dapat dilihat apabila kerajaan mengambil langkah memperkenalkan satu dasar iaitu Dasar Koperasi Negara (DKN). Dasar Koperasi Negara (DKN) 2002 - 2010 telah diperkenalkan dengan menggariskan beberapa strategi pelaksanaan untuk membolehkan gerakan koperasi berperanan lebih aktif dalam pembangunan negara bersama-sama sektor awam dan swasta. Di bawah DKN 2002-2010, struktur kepertanggungjawaban pihak berautoriti diperkemaskan di mana semua jenis koperasi telah diletak di bawah satu kementerian dengan satu pihak berautoriti iaitu Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM). Dasar ini telah berjaya menyediakan persekitaran yang kondusif bagi perkembangan gerakan koperasi secara teratur dan tersusun.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pelaksanaannya dilakukan melalui program pembangunan perniagaan, akses kepada sumber pembiayaan, penerapan pembudayaan keusahawanan, pengemaskinian perundangan dan peningkatan dalam pengawal seliaan koperasi. Impak daripada pelaksanaan program ini adalah peningkatan dalam pertumbuhan gerakan koperasi, kesejahteraan masyarakat koperasi dan sumbangannya kepada pembangunan negara. Sebagai kesinambungan daripada DKN 2002-2010 kerajaan telah menggubal DKN 2010-2020. Dasar ini lebih memfokuskan dalam menentukan sasaran pencapaian dan pelan pelaksanaan. Memandangkan ianya akan dilaksanakan bagi tempoh yang panjang sehingga 2020, satu mekanisma dinamik telah diwujudkan bagi memastikan pelaksanaan program dan aktiviti bertepatan dengan sasaran dan kajian semula dasar secara berterusan bagi mengambil kira perubahan-perubahan yang berlaku (SKM, 2010).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menjelang tahun 2020, Malaysia bercita-cita untuk menjadi sebuah negara perindustrian. Untuk merealisasikan wawasan ini, negara amat memerlukan para usahawan yang berkualiti dan berketrampilan. Justeru itu, perlu ada suatu orientasi pendidikan yang menggalakkan keusahawanan sama ada secara langsung atau tidak kepada para pelajar dalam usaha memberi didikan dan galakan awal kepada para pelajar dalam bidang perniagaan dan keusahawanan.

Perkembangan, pembangunan dan pergerakan koperasi sekolah telah dibantu oleh beberapa agensi kerajaan iaitu Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan Maktab Kerjasama Malaysia (MKM). Badan bukan kerajaan yang bergiat cergas dan diiktiraf oleh kerajaan dalam pergerakan koperasi ialah Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA). Dalam pergerakan koperasi sekolah,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kementerian Pelajaran Malaysia begitu jelas dalam menggalakkan penubuhan koperasi sekolah di setiap sekolah menengah. Ini terbukti melalui pekeliling KPM iaitu KP(BS/HEP)8586/013Jld.6(40) bertarikh 12 Februari 2008 yang menggariskan ketetapan supaya semua sekolah menengah di negara ini perlu menubuhkan koperasi sekolah sebagai salah satu daripada aktiviti kokurikulum di sekolah serta menjadi ahli ANGKASA.

Suruhanjaya Koperasi Malaysia mensasarkan 100% sekolah menengah mempunyai koperasi sekolah seperti mana yang telah dinyatakan dalam Dasar Koperasi Negara 2011-2020 – Teras IV iaitu memberi penekanan untuk meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap gerakan koperasi. Bagi mencapai sasaran ini, kefahaman berkoperasi ditingkatkan melalui:-

- Promosi kesedaran berkoperasi dengan pendekatan mesra rakyat
- Peningkatan kesedaran, kerjasama dan sokongan pihak majikan atau pemimpin persatuan
- Mempermudahkan urusan penubuhan koperasi
- Penyebaran maklumat yang lebih berkesan melalui media cetak dan elektronik serta agensi kerajaan

Menurut Puan Hajah Armi Binti Zainuddin, Naib Presiden ANGKASA (2010) Malaysia merupakan antara negara yang memiliki model koperasi sekolah yang terbaik. Beberapa buah negara seperti Jepun, India dan Fiji telah mengunjungi ANGKASA untuk mempelajari selok belok tentang gerakan koperasi di negara ini. Kenyataan beliau disokong oleh statistik di bawah yang menunjukkan bilangan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

koperasi sekolah yang telah berdaftar dengan pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia sehingga 31 Disember 2010.

Jadual 1.4

Perangkaan Am Koperasi Sekolah Mengikut Negeri Pada 31 Disember 2010

Bil	Negeri	Bil. Koperasi	Jumlah Anggota (orang)	Jumlah Modal Syer/Yuran (RM)	Jumlah Aset (RM)	Perolehan (RM)	Untung/ Rugi (RM)
1.	Johor	238	263,886	2,054,946	31,826,278	36,267,354	7,941,573
2.	Kedah	167	163,993	1,396,832	17,659,304	21,883,764	2,962,572
3.	Kelantan	141	187,612	1,506,614	13,057,438	19,906,020	2,338,019
4.	Melaka	79	78,248	651,531	9,250,172	10,154,809	1,275,963
5.	Negeri Sembilan	115	119,497	959,936	10,671,419	12,104,611	1,825,038
6.	Pahang	178	113,853	1,191,919	14,423,695	15,441,337	1,989,425
7.	Perak	229	162,277	1,777,639	19,869,513	23,682,669	2,872,604
8.	Perlis	28	29,779	170,613	2,787,777	2,560,768	320,674
9.	Pulau Pinang	125	68,541	1,201,591	10,576,101	12,160,312	1,517,218
10.	Sabah	172	146,669	1,232,537	8,296,279	11,006,499	1,279,713
11.	Sarawak	174	209,728	1,299,161	20,680,378	22,858,486	3,659,645
12.	Selangor	251	320,903	3,271,231	20,511,591	21,308,836	2,899,274
13.	Terengganu	140	112,163	1,257,247	12,707,486	19,874,938	2,003,584
14	Wilayah Persekutuan	98	109,801	944,931	7,881,342	7,784,560	957,302
	Jumlah	2,135	2,086,950	18,916,728	200,198,773	236,994,964	33,842,604

Sumber : SKM (2011)

Berdasarkan jadual di atas, sehingga bulan disember 2010 sebanyak 2,135 buah koperasi sekolah telah berdaftar dengan pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia. Keanggotaannya pula ialah seramai 2,086,950 orang dengan jumlah syer sebanyak RM18,916,728 dan jumlah aset ialah RM200,198,773. Manakala jumlah perolehan pula ialah RM236,994,964 dan jumlah keuntungan sebanyak RM33,842,604.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Statistik ini menunjukkan peranan koperasi sekolah adalah penting kepada ekonomi negara. Jumlah koperasi sekolah, jumlah anggota dan jumlah aset serta syer akan terus meningkat selaras dengan pertumbuhan sekolah menengah di Malaysia. Kejayaan gerakan koperasi sekolah melambangkan hasil pemuafakatan atau kerjasama warga koperasi dalam memenuhi matlamat penubuhan koperasi.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) mendapati gerakan koperasi sekolah boleh memainkan peranan besar dalam mempertahankan imej gerakan koperasi sekolah dan menggerakkan ekonomi negara kerana masyarakat masa kini begitu berminat dengan konsep dan amalan koperasi seperti semangat bekerjasama, berdikari dan tolong menolong antara satu sama lain (Ahmad Marzuki, 2007).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Peranan koperasi sekolah adalah berteraskan kepada nilai-nilai dan prinsip-prinsip koperasi serta matlamat sebenar penubuhan koperasi sekolah. Berikut adalah peranan yang perlu dimainkan oleh koperasi sekolah:-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 1.5

Peranan Yang Boleh Dimainkan Oleh Koperasi Sekolah

Bil	Peranan	Sumbangannya
1.	Menyebar konsep, falsafah dan amalan gerakan koperasi	Membimbing anggota koperasi sekolah memahami konsep berkoperasi dan menjadi anggota koperasi yang prihatin dan berwawasan
2.	Menanam dan menggalakkan amalan sifat-sifat murni gerakan koperasi	Menyedarkan anggota koperasi sekolah tentang perkara seperti bekerjasama, pemuafakatan, berdikari, amanah, tolong menolong dan sebagainya
3.	Menyesuaikan teori (pembelajaran dalam kelas) dengan praktikal	Membentuk daya fikir kreatif motivasi dan kemahiran anggota koperasi sekolah
4.	Menyediakan kemudahan barangan dan keperluan persekolahan	Mengurangkan kos memperolehi keperluan dan mempermudahkan proses pembelajaran seharian
5.	Meningkatkan perpaduan rakyat	Memupuk budaya masyarakat yang sihat dan mapan

Sumber : Ahmad Marzuki (2007)

Menurut Tan Sri Muhyiddin Yassin, Timbalan Perdana Menteri (2010) di mana beliau menyatakan bahawa kejayaan koperasi sekolah menyemai budaya keusahawanan di kalangan pelajar di negara ini sudah menarik minat di rautau Asia untuk mencontohinya. Beliau juga turut menyatakan bahawa negara Fiji, India dan Jepun juga berhasrat untuk menubuhkan koperasi sekolah dan mereka telah membuat kajian dan mempelajari selok belok pengurusan koperasi sekolah di bawah penyeliaan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA). Manakala negara Korea Selatan, Thailand dan Singapura juga telah mengadakan lawatan ke koperasi-koperasi sekolah di Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain daripada itu, negara Iran sudah menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) dengan Malaysia untuk program di bawah koperasi sekolah iaitu Perlancongan Koperasi Sekolah. Usaha-usaha negara tersebut telah menunjukkan keyakinan mereka terhadap organisasi, penubuhan serta pengurusan koperasi sekolah di negara kita yang amat tersusun di bawah kawal selia pihak ANGKASA dan SKM.

Koperasi sekolah akan mencapai matlamatnya apabila setiap anggota mengetahui peranan, hak dan tanggungjawab mereka dan berperanan aktif sebagai anggota. Golongan anggota ini aktif dalam setiap aktiviti yang dijalankan oleh koperasi sekolah dan memberi perkhidmatan secara sukarela tanpa memikirkan ganjaran. Untuk melahirkan golongan anggota ini, setiap anggota perlu melengkapkan diri dengan ilmu berkoperasi. Anggota yang memahami prinsip dan falsafah koperasi akan mempunyai sikap taat setia terhadap koperasi. Oleh itu, dalam berkoperasi kepentingan kumpulan perlu didahului berbanding kepentingan individu (Najmah dan Norhayati, 2010).

Perkembangan koperasi sekolah merupakan pemangkin kepada pembelajaran pelajar di sekolah terutamanya dalam menerapkan nilai-nilai yang tersirat dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh koperasi sekolah sama ada berbentuk ekonomi atau pun aktiviti sosial telah berupaya melahirkan pelajar yang bertanggungjawab, berketrampilan dan berilmu pengetahuan, (Ahmad Marzuki, 2004).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ANGKASA sebagai badan puncak gerakan koperasi Malaysia telah memainkan peranan yang cukup besar dalam membangunkan misi kejayaan gerakan koperasi sekolah melalui pengendalian program dan kegiatan yang menggerakkan matlamat gerakan koperasi sekolah secara bersepadu. Peranan ANGKASA dalam membangunkan koperasi sekolah ialah:-

- Memberikan pengetahuan dan pendedahan berkenaan pentadbiran dan pengurusan koperasi seperti falsafah koperasi, nilai dan prinsip koperasi serta tadbir urus baik koperasi
- Memberi khidmat dan senggara yang berterusan melalui program Sistem Keanggotaan Perakaunan dan Perniagaan Koperasi Sekolah (SEKKOP 123)
- Memupuk semangat keusahawanan di kalangan anggota koperasi sekolah melalui kegiatan secara langsung dalam pengurusan perniagaan koperasi seperti pengendalian operasi niaga harian, mengemaskini buku kira-kira, merancang aliran tunai dan sebagainya

Antara aktiviti yang dianjurkan oleh ANGKASA kepada koperasi sekolah ialah seperti berikut:-

(i) Kursus ANGKASA Siri 3

Kursus ini ditawarkan kepada Anggota Lembaga Koperasi (ALK) dan anggota koperasi sekolah yang terdiri daripada kalangan pelajar dengan tujuan memberi pengetahuan asas mengenai pengurusan dan pentadbiran koperasi yang mengandungi lima (5) modul iaitu:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

- Jati diri koperasi
- Kaedah simpan kira koperasi sekolah
- Kaedah tadbir urus baik koperasi sekolah
- Penyata kewangan koperasi sekolah
- Hak dan tanggungjawab anggota lembaga koperasi sekolah

(ii) Pelancongan Koperasi Sekolah (PKS)

ANGKASA memperkenalkan program PKS bagi memberikan peluang kepada para pelajar sekolah menjalankan program pelancongan sendiri. Objektif PKS ialah untuk melatih pelajar dalam merancang, mengurus dan melaksanakan projek. Ia juga bertujuan memupuk budaya keusahawanan dan mendedahkan pelajar kepada tokoh-tokoh berjasa dan beberapa fokus subjek. PKS lebih menekankan aspek pembelajaran berbanding matlamat keuntungan. Penekanan pembelajaran yang dimaksudkan ialah melalui konsep:-

- Belajar sambil bekerja (*learning by doing*)
- Melaksanakan sambil belajar (*doing by learning*)
- Pelaksanaan menjadi satu dengan pembelajaran (*doing and learning*)

PKS menekankan konsep hos dan tamu di mana pelajar akan dilatih untuk menjadi hos dan tamu yang baik. ANGKASA melalui khidmat bersepadu para pegawainya memberikan latihan yang secukupnya kepada pelajar-pelajar yang ingin menjalankan PKS berdasarkan modul yang dibangunkan khas sebelum projek lawatan dilaksanakan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(iii) Sistem Keanggotaan, Perakaunan Dan Perniagaan Koperasi Sekolah (SEKKOP 123)

SEKKOP 123 adalah satu pakej sistem perisian komputer bersepadu yang mempunyai tiga fungsi iaitu pengurusan keanggotaan, perakaunan dan perniagaan koperasi sekolah. Matlamat perkhidmatan SEKKOP 123 ialah untuk meluaskan penggunaan sistem perisian keanggotaan, perakaunan dan perniagaan dengan cara kerja khidmat, senggara dan nasihat berterusan. Secara lebih khusus, objektif SEKKOP adalah seperti berikut:-

- Memberi perkhidmatan berkesan dan memperluaskan penggunaan ketiga-tiga sistem perisian SEKKOP 123 di koperasi sekolah seluruh Malaysia
- Dengan khidmat, senggara dan nasihat berterusan koperasi sekolah boleh mengurus keanggotaan, perakaunan dan perniagaan secara berkomputer
- Memupuk minat keusahawanan dikalangan pelajar melalui kaedah pengurusan kedai koperasi yang sistematik

(iv) Hari Koperasi Sekolah (HKS)

HKS mula disambut sejak tahun 1995 dengan pelbagai program dan aktiviti seperti pertandingan kuiz, petanq, pidato, melukis, menulis esei, berpantun dan sebagainya di peringkat zon, negeri dan kebangsaan. HKS dianjurkan dengan kerjasama Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM). Pelbagai pengiktirafan diadakan seperti Anugerah Koperasi Sekolah Terbaik, Peserta Terbaik Pertandingan Kuiz dan Anugerah Cemerlang Guru Koperasi Sekolah. Di

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

antara hadiah menarik ialah lawatan ke luar negara dan pemberian hadiah set komputer.

Mulai tahun 2006, Perayaan HKS berubah kepada cara yang lebih bermakna dengan sambutan di peringkat sekolah-sekolah yang mana ianya dapat memberi peluang kepada lebih ramai warga sekolah yang terdiri daripada pelajar, guru, Persatuan Ibu Bapa dan Guru serta masyarakat setempat. Sebagai inisiatif galakan kepada pelajar-pelajar, ANGKASA memberikan hadiah lawatan ke luar negara kepada koperasi sekolah yang berjaya dipilih sebagai koperasi sekolah 6 bintang. Pada tahun 2006, tiga orang pelajar dan seorang guru koperasi sekolah yang berjaya dibawa melawat ke Korea Selatan manakala tahun 2007, enam orang pelajar dan dua orang guru berpeluang ke China dan Vietnam.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(v) Program ICT Koperator Muda

ANGKASA menganjurkan Program ICT kepada pelajar-pelajar lepasan sekolah atau Koperator Muda yang bertujuan untuk memberi pengetahuan dan kemahiran dalam bidang ICT. Program ini merupakan sumbangan ANGKASA kepada masyarakat ke arah mencapai hasrat dan wawasan kerajaan. Bagi tahun kewangan 2007/2008 seramai 38 koperator muda telah diberi latihan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(vi) Petanq

ANGKASA menganjurkan kursus dan bengkel permainan Petanq kepada pelajar-pelajar sekolah. Di samping itu, pertandingan Petanq di peringkat negeri dan kebangsaan turut diadakan pada setiap tahun (Hasnan, 2008).

Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) menyediakan peruntukan RM7 juta untuk menjalankan pelbagai kursus bagi mengembangkan budaya perniagaan dan berkoperasi di sekolah. Presiden Angkasa, Prof. Datuk Dr. Mohd. Ali Baharum (2010) berkata, peruntukan yang besar itu bertujuan mewujudkan budaya berkoperasi serta membentuk daya kreatif dan inovatif di kalangan pelajar. Beliau juga menyatakan bahawa kewujudan koperasi sekolah bukan sekadar untuk memenuhi aktiviti kokurikulum tetapi ia mampu melahirkan bakal pemimpin yang cemerlang dan kompetitif.

Peranan Maktab Kerjasama Malaysia (MKM) juga penting dalam gerakan koperasi sekolah. MKM berperanan memberi latihan dan pendidikan koperasi secara formal, menyebarkan maklumat dan memberi khidmat nasihat kepada Ahli Lembaga Koperasi (ALK), Jawatankuasa Audit Dalaman (JAD) dan anggota-anggota koperasi sekolah. Peranan ini dilaksanakan untuk meningkatkan kemahiran, kecekapan, keberkesanan pentadbiran dan pengurusan koperasi. Untuk mencapai matlamat ini MKM sentiasa mengedarkan takwim tahunan berkaitan dengan kursus pendidikan koperasi. Perpustakaan atau pusat sumber MKM merupakan sumber pengetahuan koperasi dan memberi peluang kepada pemimpin-pemimpin koperasi meningkatkan ilmu pentadbiran dan pengurusan koperasi berdasarkan bahan-bahan dari dalam dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

luar negeri. Kemudahan ini memberi peluang kepada pemimpin koperasi sekolah yang sentiasa berusaha mengembang dan membangunkan koperasi mereka.

MKM juga mempunyai Bahagian Khidmat Nasihat Koperasi yang menyediakan perkhidmatan perundingan untuk koperasi-koperasi yang menghadapi pelbagai masalah terutamanya pentadbiran koperasi. Selain itu MKM juga menjalankan penyelidikan dan kajian ilmiah berkaitan dengan koperasi sekolah. Pada tahun 1990 MKM telah membuat kajian dan penyelidikan tentang gerakan koperasi sekolah. Hasil kajian ini membolehkan koperasi sekolah menyusun strategi perancangan kegiatan koperasi dan meningkatkan kefahaman di kalangan guru koperasi berkaitan dengan pentadbiran koperasi yang telus (Ahmad Marzuki, 2004).

Mengikut Tuan Haji Mat Deris Jusoh, Pengarah Bahagian Statutori & Pendaftaran SKM (2010) Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) memainkan peranan yang penting dan bertanggungjawab dalam urusan penubuhan dan pendaftaran sesebuah koperasi. Bagi melaksanakan tanggungjawab tersebut, SKM telah melakukan pelbagai inisiatif seperti memudahkan urusan penubuhan koperasi iaitu melalui perkhidmatan atas talian, memberi tunjuk ajar dan pandangan berkenaan urusan penubuhan koperasi sekolah dari awal hingga akhir, mewujudkan pejabat SKM di setiap wilayah di seluruh negeri bagi memudahkan pihak sekolah berhubung dengan pegawai SKM serta membantu koperasi sekolah yang ditubuhkan berkenaan dengan cara mendaftarkan koperasi terutamanya undang-undang kecil koperasi.

SKM menyediakan bantuan pembangunan kepada koperasi sekolah seperti bantuan asas, bantuan penstrukturan, bantuan penyelidikan dan pembangunan,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bantuan pengukuhan atau pemantapan dan bantuan pemasaran. Selain itu, SKM turut mengadakan pelbagai bentuk program pendidikan koperasi bagi memastikan koperator sekolah memiliki ilmu pengetahuan koperasi yang tinggi. Program pendidikan diadakan bagi memastikan koperator sekolah memahami jati diri, tadbir urus koperasi, hak dan tanggungjawab Ahli Lembaga Koperasi (ALK), perundangan dan pengetahuan kewangan yang baik. SKM juga menjalin kerjasama dengan MKM, ANGKASA dan KPM bagi menjayakan program untuk koperasi sekolah seperti kursus wajib, seminar, bengkel dan forum.

Dari segi penyeliaan pula, SKM melaksanakan penyeliaan terhadap semua koperasi sekolah melalui lawatan yang berterusan oleh pegawai SKM yang berwibawa, mengemaskini sistem perundangan koperasi iaitu Akta Koperasi 1993, garis panduan penyeliaan koperasi dan peraturan-peraturan koperasi sebagai panduan kepada koperasi dalam menjalankan aktivitinya selaras dengan peruntukan undang-undang, memastikan tiadanya penyelewengan, salah laku dan kebocoran dalam tadbir urus koperasi sekolah. Sekiranya didapati wujud gejala tidak sihat, SKM mengambil tindakan proaktif bagi mengekang gejala tersebut.

SKM melalui Jawatankuasa Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi telah memperuntukkan perbelanjaan kepada ANGKASA bagi membiayai program dan aktiviti pembangunan koperasi sekolah. SKM melalui Jawatankuasa Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi pula telah memperuntukkan perbelanjaan kepada MKM bagi membiayai program dan aktiviti pendidikan koperasi sekolah. Selain dari itu, SKM turut bekerjasama dengan KPM dan ANGKASA dalam menganjurkan Hari Koperasi Sekolah terutamanya dari segi kewangan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Oleh itu, jelaslah bahawa ANGKASA, MKM dan SKM mempunyai peranan yang penting dalam pembangunan gerakan koperasi sekolah di Malaysia. Koperasi sekolah merupakan salah satu kegiatan kokurikulum di sekolah menengah di mana melaluinya penerapan nilai-nilai demokrasi, kepimpinan dan semangat keusahawanan dapat dipupuk dalam diri para pelajar bagi membina sahsiah yang cemerlang. Berdasarkan kenyataan-kenyataan di atas, pengkaji merasakan perlu dalam mengenalpasti sejauhmana penglibatan pelajar dalam aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh koperasi sekolah dapat memupuk ciri-ciri keusahawanan di kalangan pelajar, pengetahuan dalam bidang keusahawanan, kemahiran dalam bidang keusahawanan dan sikap pelajar dalam bidang keusahawanan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.3 Pernyataan Masalah

Anggota merupakan teras kepada penubuhan sesebuah koperasi. Oleh itu amat penting bagi seseorang anggota memainkan peranan mereka bagi memastikan penubuhan koperasi sekolah tersebut mencapai matlamat penubuhannya. Walau bagaimanapun melihat kepada senario koperasi di negara ini, masih ramai anggota koperasi yang tidak mahu melibatkan diri dalam perjalanan sesebuah koperasi. Mereka hanya lebih suka untuk menerima pulangan daripada terlibat secara langsung dalam pengurusan koperasi. Ini disebabkan oleh ketidakfahaman anggota terhadap prinsip dan falfasah berkoperasi (Hayati, et al., 2008).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Zazali (2002) dalam Kertas Program Pembangunan Koperasi Sekolah dalam Rancangan Malaysia ke-7 oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia telah mengutarakan beberapa isu dan permasalahan koperasi sekolah untuk perhatian pembuat dasar. Masalah utama yang dihadapi oleh kebanyakan koperasi sekolah ialah ada di antara koperasi sekolah yang berfokus kepada keuntungan perniagaan dan melupakan hasrat dan konsep koperasi sekolah seperti memupuk nilai-nilai mulia mengikut falsafah koperasi. Keghairahan ini atas dasar meningkatkan keuntungan dari tahun ke setahun hingga aktivitinya mencapai peringkat memohon saham-saham terbitan dan tidak kurang juga berlaku penyelewengan dalam urus niaga koperasi sekolah di mana pelajar-pelajar menjadi mangsa. Pelajar-pelajar juga kurang didedahkan dengan amalan pengurusan dan pengendalian koperasi serta teknik-teknik pengurusan perniagaan. Pengurusan lebih banyak terletak di tangan guru-guru. Timbul istilah *"one man show"* dalam pengurusan koperasi yang merugikan para pelajar. Keadaan ini telah menyimpang dari tujuan sebenar koperasi sekolah ditubuhkan.

Dato' Haji Mohd Ghazali Ab Rahman, Pengarah Bahagian Kokurikulum Dan Kesenian, KPM (2010) menyatakan pengendalian koperasi sekolah oleh guru-guru yang kurang mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam bidang koperasi akan menyebabkan koperasi sekolah tidak dapat memanfaatkan kebaikan-kebaikan berkoperasi kepada para pelajar. Aktiviti-aktiviti keusahawanan tidak dapat dijalankan seperti mana yang disarankan oleh pihak KPM, SKM dan pihak ANGKASA. Ini menyebabkan pelajar tidak dapat terlibat secara langsung dalam aktiviti yang banyak memberi manfaat dan kebaikan kepada mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manakala menurut Pn. Hajah Armi Haji Zainudin, Naib Presiden ANGKASA (2010) penyertaan bilangan sekolah dalam Sambutan Hari Koperasi Sekolah (HKS) tidak mencapai sasaran 100% penyertaan daripada seluruh sekolah menengah di Malaysia. Pada tahun 2009 jumlah penyertaan sekolah dalam aktiviti sambutan HKS adalah sebanyak 1,149 (64%) manakala pada tahun 2010 pula ialah sebanyak 1,326 (71%). Manakala bagi program Pelancongan Koperasi Sekolah (PKS) pula, bilangan koperasi sekolah yang telah menyertai program ini ialah sebanyak 159 buah sekolah pada tahun 2009 dan 200 buah sekolah pada tahun 2010. Bilangan pelajar yang terlibat secara langsung dalam program PKS ini dalam tempoh masa Julai 2009 hingga Jun 2010 ialah seramai 17,311 orang. Penglibatan pelajar dalam aktiviti-aktiviti tersebut sememangnya mempunyai banyak kebaikan kepada para pelajar dari segi ilmu pengetahuan, kemahiran dan sikap pelajar terhadap bidang keusahawanan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Melihat kepada permasalahan ini, pengkaji merasakan perlu untuk mengkaji penglibatan pelajar dalam aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh koperasi sekolah dalam memupuk ciri-ciri keusahawanan, pengetahuan, kemahiran dan sikap pelajar dalam bidang keusahawanan. Dengan gabungan dan jalinan yang terbentuk di antara Kementerian Pelajaran Malaysia, Suruhanjaya Koperasi Malaysia, MKM dan ANGKASA dengan koperasi sekolah, pelbagai program pembangunan dapat dirangka bagi manfaat bersama. Dalam jangka masa panjang ianya dapat memberi impak dan pulangan yang baik kepada semua pihak terutamanya pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.4 Kerangka Teori

1.4.1 Teori Tindakan Bertujuan (Theory of Reasoned Action-TORA)

Fishben dan Ajzen (1980) memulakan teori dengan premis bahawa sikap terhadap tingkah laku bermula dengan kepercayaan tentang kesan tingkah laku tersebut. Oleh demikian, sikap merupakan penentu kepada sesuatu bentuk tingkah laku. Secara tradisional, pengukuran sikap dapat diukur daripada sikap seseorang terhadap sesuatu objek atau peristiwa.Contohnya sikap terhadap keusahawanan. Mereka memfokuskan tentang sikap terhadap tingkah laku yang boleh dijangkakan seperti melibatkan diri dalam aktiviti keusahawanan. Namun menurut ahli psikologis, satu cara yang paling mudah untuk mengetahui sama ada seseorang mahu melakukan sesuatu ialah dengan bertanyakan hasrat atau keinginannya. Bagaimanapun, tidak semua hasrat atau niat dapat ditunaikan. Korelasi antara tingkah laku sebenar dengan hasrat bergantung kepada faktor-faktor tertentu seperti sejauh mana khususnya niat tersebut, jangka waktu antara niat dengan tindakan tersebut dan kebolehan individu melakukan apa yang ingin dilakukannya.

Ajzen dan Fishbein (1980) memutuskan bahawa sikap dan tingkahlaku mengandungi empat elemen iaitu tindakan yang khusus, sasaran sesuatu tindakan tersebut dilakukan, konteks di mana tindakan tersebut dilakukan dan waktu tindakan tersebut dilakukan. Teori ini adalah berdasarkan andaian bahawa sikap seseorang akan terbentuk daripada kepercayaan tentang ciri-ciri dan tanggapannya terhadap ciri tersebut.Teori ini mengandungi beberapa pembolehubah. Pembolehubah tersebut adalah keazaman atau kemahuan tingkah laku, niat melakukan tingkah laku tersebut,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sikap terhadap tingkah laku tersebut, nilai kepercayaan seseorang terhadap tanggapan orang lain terhadap apa yang perlu dilakukannya dan dorongan untuk memenuhi jangkaan orang lain. Kesan kepada tingkah laku ini mungkin bersifat utilitarian, iaitu pengalaman terhadap ganjaran dan dendaan atau bersifat nomatif iaitu persepsi orang lain bagi membenarkan tingkah laku ataupun tidak.

1.4.2 Teori Tingkah Laku Terancang (Theory of Planned Behavior)

Teori Tingkah Laku Terancang adalah urutan kepada Teori Tindakan Bertujuan iaitu mengambil kira kawalan ke atas tingkah laku yang dilihat. Menurut teori ini, seseorang hanya akan melaksanakan niatnya apabila dia merasakan mampu mengawal perlaksanaan tindakan tersebut. Kawalan yang dirasakannya itu adalah pelbagai mengikut persepsi kesukaran melakukan tingkah laku tersebut. Persepsi ini adalah berdasarkan refleksi pengalaman seseorang dan juga halangan atau rintangan bagi melakukan tingkah laku tersebut.

Ajzen (1980) menyimpulkan bahawa, kepentingan kawalan yang dirasakan dalam menentukan hubungan antara sikap dan tingkah laku telah dibuktikan dalam beberapa kajian empirikal. Kedua-dua teori ini mengandaikan tingkah laku adalah hasil daripada keputusan yang disedari untuk bertindak mengikut perlakuan tertentu. Sebagai contoh, apabila seseorang perlu membuat pilihan antara dua bentuk perlakuan maka beliau akan memproses maklumat tentang perlakuan tersebut. Beliau akan mengambil kira ciri objek atau situasi, sikap yang sesuai dengan perlakuan tersebut dan keburukan serta kebaikan atas pelakuan tersebut. Semuanya akan diproses secara

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kognitif. Namun terdapat juga tingkah laku yang dilakukan secara spontan. Keadaan ini berlaku apabila motivasi dan tahap kesedaran adalah rendah.

Kajian ini menyokong hipotesis iaitu pelajar-pelajar yang mempunyai minat dan motivasi yang tinggi akan menunjukkan sikap yang positif untuk melibatkan diri secara lansung dalam aktiviti keusahawanan yang dianjurkan melalui aktiviti di koperasi sekolah. Tingkah laku ini menunjukkan para pelajar terdorong untuk menambahkan ilmu pengetahuan dan kemahiran mereka dalam bidang keusahawanan. Tingkah laku ini juga secara tidak lansung menunjukkan tindakan yang dilakukan adalah bertujuan dan terancang.

1.5 Kerangka Konseptual Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pelajar-pelajar generasi sekarang diibaratkan sebagai tiang negara kerana merekalah pewaris kepada generasi akan datang. Oleh itu, pelajar-pelajar sekolah semestinya diberikan bimbingan di dalam sistem pendidikan supaya mereka akan menjadi masyarakat yang berakhlak mulia, berdedikasi, jujur, berdisplin dan bertanggungjawab. Pengetahuan dan bimbingan dalam sistem pendidikan boleh diperolehi secara formal iaitu melalui kurikulum atau secara tidak formal dengan perlaksanaan kegiatan kokurikulum dan antara kegiatan kokurikulum yang diktiraf oleh sistem pendidikan ialah aktiviti koperasi sekolah (Asmawati, 2002).

Pendidikan keusahawanan yang berkesan di sekolah boleh memastikan dan membentuk pelajar yang mempunyai potensi atau ciri-ciri keusahawanan untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menjadi usahawan (Nor Aishah, 2000). Banyak sifat-sifat dan ciri-ciri keusahawanan yang boleh dipupuk dalam diri melalui pembelajaran dan melalui pengalaman pelajar di sekolah. Persekitaran sekolah juga memainkan peranan yang penting dalam memupuk sifat-sifat keusahawanan ini (Asmawati, 2002). Beliau juga mendapati bahawa pengetahuan dan kemahiran sangat penting bagi mereka yang memilih kerjaya dalam bidang keusahawanan. Pelajar-pelajar digalakkan untuk menimba sebanyak mungkin pengetahuan dan kemahiran keusahawanan semasa berada di sekolah agar dapat digunakan pada masa hadapan. Ab Aziz (2010) pula menyatakan bahawa kemahiran boleh dipelajari daripada pembelajaran. Usahawan boleh mendapatkan kemahiran-kemahiran asas keusahawanan dari pembelajaran atau pendidikan.

Menurut Rahinah (1997) sikap melibatkan pengetahuan mengenai sesuatu situasi. Aspek yang penting dalam sikap ialah sifat-sifat atau ciri-ciri perasaan atau emosi yang dialami oleh seseorang yang akan melahirkan kecenderungan terhadap sesuatu tingkahlaku. Kajian oleh Asmawati (2002) juga mendapati bahawa sikap adalah suatu konsep yang boleh dipelajari atau dipengaruhi dan ia dapat membantu fikiran, perasaan dan tingkahlaku terhadap sesuatu perkara atau peristiwa yang berkaitan.

Daripada perbincangan di atas, kesimpulannya ialah terdapat empat pembolehubah yang digunakan dalam kajian ini iaitu pemupukan ciri-ciri keusahawanan, pengetahuan keusahawanan, kemahiran keusahawanan dan sikap pelajar dalam bidang keusahawanan. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti sama ada terdapat hubungan di antara pemupukan ciri-ciri keusahawanan, pengetahuan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

keusahawanan, kemahiran keusahawanan dan sikap pelajar terhadap keusahawanan dengan penglibatan pelajar dalam aktiviti di koperasi sekolah.

Rajah 1.1 di bawah menggambarkan kerangka konseptual kajian ini secara menyeluruh. Kerangka konseptual kajian menunjukkan bahawa penglibatan pelajar dalam aktiviti koperasi sekolah mempunyai hubungan dalam memupuk ciri-ciri keusahawanan, pengetahuan pelajar mengenai keusahawanan, kemahiran pelajar dalam bidang keusahawanan dan sikap pelajar dalam bidang keusahawanan. Pembolehubah tak bersandar ialah pemupukan ciri-ciri keusahawanan, pengetahuan, kemahiran pelajar dan sikap pelajar terhadap bidang keusahawanan. Manakala pembolehubah bersandar ialah penglibatan pelajar dalam aktiviti koperasi sekolah. Anak panah dalam rajah menggambarkan adanya hubungan pembolehubah tak bersandar dengan pembolehubah bersandar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 1.1
Kerangka Konseptual Kajian

1.6 Objektif Kajian

Matlamat utama kajian ini ialah:-

1.6.1 Mengenalpasti sama ada terdapat perbezaan di antara pemupukan ciri-ciri keusahawanan, pengetahuan keusahawanan, kemahiran keusahawanan dan sikap pelajar terhadap keusahawanan berdasarkan jantina.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.6.2 Mengenalpasti sama ada terdapat perbezaan di antara pemupukan ciri-ciri keusahawanan, pengetahuan keusahawanan, kemahiran keusahawanan dan sikap pelajar terhadap keusahawanan berdasarkan bangsa.

1.6.3 Mengenalpasti sama ada terdapat perbezaan di antara pemupukan ciri-ciri keusahawanan, pengetahuan keusahawanan, kemahiran keusahawanan dan sikap pelajar terhadap keusahawanan berdasarkan aliran pengajian.

1.6.4 Mengenalpasti sama ada terdapat hubungan di antara pemupukan ciri-ciri keusahawanan dengan penglibatan pelajar dalam aktiviti di koperasi sekolah.

1.6.5 Mengenalpasti sama ada terdapat hubungan di antara pengetahuan pelajar mengenai keusahawanan dengan penglibatan pelajar dalam aktiviti di koperasi sekolah.

1.6.6 Mengenalpasti sama ada terdapat hubungan di antara kemahiran pelajar mengenai keusahawanan dengan penglibatan pelajar dalam aktiviti di koperasi sekolah.

1.6.7 Mengenalpasti sama ada terdapat hubungan di antara sikap pelajar terhadap keusahawanan dengan penglibatan pelajar dalam aktiviti di koperasi sekolah.

1.6.8 Mengenalpasti sama ada terdapat perbezaan di antara pemupukan ciri-ciri keusahawanan, pengetahuan keusahawanan, kemahiran keusahawanan dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sikap pelajar terhadap keusahawanan dengan penglibatan pelajar dalam aktiviti di koperasi sekolah.

1.7 Soalan Kajian

1.7.1 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan di antara pemupukan ciri-ciri keusahawanan, pengetahuan keusahawanan, kemahiran keusahawanan dan sikap pelajar terhadap keusahawanan berdasarkan jantina?

1.7.2 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan di antara pemupukan ciri-ciri keusahawanan, pengetahuan keusahawanan, kemahiran keusahawanan dan sikap pelajar terhadap keusahawanan berdasarkan bangsa?

1.7.3 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan di antara pemupukan ciri-ciri keusahawanan, pengetahuan keusahawanan, kemahiran keusahawanan dan sikap pelajar terhadap keusahawanan berdasarkan aliran pengajian?

1.7.4 Adakah terdapat hubungan yang signifikan di antara pemupukan ciri-ciri keusahawanan dengan penglibatan pelajar dalam aktiviti di koperasi sekolah?

1.7.5 Adakah terdapat hubungan yang signifikan di antara pengetahuan pelajar mengenai keusahawanan dengan penglibatan pelajar dalam aktiviti di koperasi sekolah?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.7.6 Adakah terdapat hubungan yang signifikan di antara kemahiran pelajar mengenai keusahawanan dengan penglibatan pelajar dalam aktiviti di koperasi sekolah?

1.7.7 Adakah terdapat hubungan yang signifikan di antara sikap pelajar terhadap keusahawanan dengan penglibatan pelajar dalam aktiviti di koperasi sekolah?

1.7.8 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan di antara pemupukan ciri-ciri keusahawanan, pengetahuan keusahawanan, kemahiran keusahawanan dan sikap pelajar terhadap keusahawanan dengan penglibatan pelajar dalam aktiviti di koperasi sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.8 Hipotesis

Berdasarkan persoalan kajian ke-4, ke-5, ke-6 dan ke-7 hipotesis nul yang digunakan adalah seperti berikut:

Ho1 - Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara pemupukan ciri-ciri keusahawanan dengan penglibatan pelajar dalam aktiviti di koperasi sekolah.

Ho2 - Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara pengetahuan pelajar mengenai keusahawanan dengan penglibatan pelajar dalam aktiviti di koperasi sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ho3 - Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara kemahiran pelajar mengenai keusahawanan dengan penglibatan pelajar dalam aktiviti di koperasi sekolah.

Ho4 - Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara sikap pelajar terhadap keusahawanan dengan penglibatan pelajar dalam aktiviti di koperasi sekolah.

1.9 Kepentingan Kajian

1.9.1 Kepentingan Kepada Pelajar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hasil kajian ini diharapkan dapat memberi kesedaran kepada pelajar betapa pentingnya penglibatan mereka dalam aktiviti di koperasi sekolah. Para pelajar bukan sahaja dapat menambahkan ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam perniagaan dan keusahawanan malah mereka juga dapat mengaplikasikan nilai-nilai murni dan positif dalam kehidupan seharian.

1.9.2 Kepentingan Kepada Sekolah

Membantu pihak pentadbiran dan pengurusan sekolah dalam mengenalpasti strategi dari semasa ke semasa bagi memantapkan lagi pengurusan koperasi sekolah agar lebih bersifat demokratik, adil, saksama dan telus. Pihak Pengurusan sekolah juga diharapkan dapat memberi sokongan yang padu kepada gerakan koperasi sekolah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dalam mencapai matlamat sebenar penubuhan koperasi sekolah. Selain dari itu, pihak pengurusan dan pentadbiran koperasi sekolah juga perlu meneruskan kerjasama yang berterusan dengan SKM, MKM dan ANGKASA bagi memastikan anggotanya terus unggul dan mantap.

1.9.3 Kepentingan Kepada Kementerian Pelajaran Malaysia

Hasil kajian ini juga diharapkan mendapat perhatian daripada pihak Kementerian Pelajaran Malaysia agar mempertingkatkan lagi galakan kepada koperasi sekolah terutamanya dari segi kecemerlangan koperasi sekolah di Malaysia. Selain itu, dapatan kajian diharapkan dapat dijadikan garis panduan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia dalam membuat dasar bagi menggalakkan lagi perkembangan koperasi sekolah dan seterusnya meningkatkan lagi penglibatan pelajar dalam aktiviti keusahawanan di koperasi sekolah.

1.9.4 Kepentingan Kepada Pihak ANGKASA, MKM dan SKM

Kajian ini juga diharapkan mendapat perhatian dan tindakan pihak ANGKASA, MKM dan SKM agar dapat menyusun dan merangka strategi dan program-program yang berbentuk pendidikan, pembangunan dan khidmat senggara kepada koperasi sekolah agar hala tuju koperasi sekolah mencapai sasarannya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.10 Definisi Istilah

1.10.1 Penglibatan

Penglibatan merujuk kepada satu set tingkah laku berdasarkan arahan-arahan yang dikeluarkan oleh pihak atasan atau pihak berwajib. Penglibatan dilihat sebagai sejauh manakah seseorang dapat menjalankan sesuatu tugas atau perkara yang diberikan atau diamanahkan kepadanya. Menurut Lipham dan Hoeh (1974) penglibatan merujuk kepada sejauh manakah sifat aktif, pasif, agresif dan pesimis yang diamalkan oleh seseorang terhadap sesuatu tugas atau tanggungjawab yang diberikan. Dalam kajian ini penglibatan merujuk kepada penglibatan pelajar dalam aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh koperasi sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.10.2 Pelajar

Mengikut Kamus Dewan edisi keempat (2005) mentakrifkan pelajar sebagai murid atau penuntut. Pelajar boleh dirujuk sebagai individu yang mempunyai tanggungjawab terhadap ilmu. Dalam kajian ini, pelajar yang dimaksudkan ialah pelajar yang menjadi Ahli Lembaga Koperasi di sepuluh buah sekolah menengah yang terpilih di negeri Kelantan.

1.10.3 Aktiviti

Dalam kajian ini, aktiviti merujuk kepada program atau kursus yang dianjurkan oleh koperasi sekolah yang memerlukan penglibatan pelajar. Antara aktiviti yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dijalankan di koperasi sekolah ialah perkhidmatan jualan runcit, fotostat, binding dan lain-lain. Koperasi sekolah juga menjalankan aktiviti melalui kursus-kursus anjuran ANGKASA seperti kursus siri 3 (kursus pengurusan dan pentadbiran koperasi sekolah), kursus pengurusan kedai koperasi sekolah, kursus Pelancongan Koperasi Sekolah (PKS) - hos dan tamu, kursus tatacara pengurusan mesyuarat dan minit koperasi sekolah, kursus asas permainan petanq dan kursus keterampilan bertutur (KKB) koperasi sekolah. Selain itu, koperasi sekolah juga menganjurkan aktiviti tahunan iaitu sambutan Hari Koperasi Sekolah.

1.10.4 Keusahawanan

Mengikut Kamus Dewan edisi keempat (2005) keusahawanan ialah segala yang berkaitan dengan usahawan ataupun kegiatan dan kemahiran usahawan. Menurut Sexton & Bowman-Upton (1991) telah mendefinisikan keusahawanan (entrepreneurship) sebagai *"A process of identifying opportunities in the market place, marshaling the resources to pursue those opportunities and committing the actions and resources necessary to exploit the opportunities for long term personal gain".* Menurut Pride, Hughes dan Kapoor (1988) keusahawanan adalah suatu bentuk perniagaan yang dimiliki secara berasingan oleh seseorang yang beroperasi untuk tujuan memperoleh keuntungan.

Stevenson, Roberts & Grousbeck (1989) dalam Ab Aziz (2010) telah memberi definisi keusahawanan sebagai kesediaan untuk merebut peluang tanpa mengambil kira sumber semasa dalam kawalan. Dolingger (1995) pula mendefinisikan keusahawanan adalah pembentukan syarikat ekonomi yang inovatif bagi tujuan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

keuntungan atau perkembangan serta kesediaan untuk berhadapan dengan risiko dan ketidakpastian. Keusahawanan merupakan suatu bentuk disiplin yang menjadikan tonggak kepada pembangunan dan pertumbuhan ekonomi sesebuah negara, juga merupakan aktiviti yang menggerakkan dan merangsang kejayaan serta peningkatan di dalam pembangunan ekonomi (Ab. Aziz & Zakaria, 2004). Robert Histrich (1985) dalam Nor Aishah (2002) pula, mendefinisikan keusahawanan adalah proses menghasilkan sesuatu yang berbeza dan bernilai dengan menumpukan usaha dan tenaga yang diperlukan, menanggung risiko kewangan, psikologi dan sosial serta menerima ganjaran dalam bentuk kewangan dan kepuasan diri.

Umumnya definisi-definisi di atas mempunyai kaitan yang rapat dengan usaha-usaha pembentukan, perubahan dan pembangunan bagi mewujudkan kombinasi baru dalam melaksanakan aktiviti yang berkaitan dengannya. Dalam konteks kajian ini, keusahawanan ialah merujuk kepada salah satu bidang yang perlu diceburi oleh pelajar setelah tamat sesi persekolahan dan bidang ini dapat dipelajari semasa berada di sekolah melalui koperasi sekolah.

1.10.5 Koperasi

Mengikut Kamus Dewan edisi keempat (2005) koperasi bermaksud kerjasama. Manakala mengikut Seksyen 4, Akta Koperasi 1993, koperasi didefinisikan sebagai suatu pertubuhan yang terdiri daripada beberapa individu dan matlamatnya adalah untuk meningkatkan ekonomi anggotanya mengikut prinsip-prinsip koperasi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Mengikut Kenyataan Jati Diri, Manchester, United Kingdom pada 24 September 1995, Koperasi didefinisikan sebagai satu pertubuhan manusia berautonomi di mana anggotanya bersatu secara sukarela demi mencapai kepentingan bersama dan aspirasi bersama di dalam bidang ekonomi, sosial dan budaya melalui suatu badan yang dimiliki bersama dan terkawal secara demokrasi.

Tokoh Koperasi Negara iaitu Profesor Diraja Ungku A. Aziz, mendefinisikan koperasi sebagai satu kaedah menguruskan kegiatan ekonomi dengan cara tolong menolong, bergotong-royong atau bekerja bersama-sama demi manfaat bersama.

Berasaskan definisi mengikut Akta Koperasi 1993, kenyataan Jati Diri 1995 dan takrifan Profesor Diraja Ungku A. Aziz sesungguhnya amalan bekerjasama dan saling memerlukan antara satu sama lain merupakan intipati perkembangan koperasi di dunia. Maka gerakan koperasi adalah berbeza dengan lain-lain organisasi terutamanya korporat kerana gerakan koperasi bergerak di atas landasannya sendiri dan keuntungan bukannya matlamat utama.

1.10.6 Koperasi Sekolah

Koperasi sekolah merupakan satu badan berkanun yang didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993 yang beroperasi di dalam lingkungan kawasan sekolah yang anggotanya terdiri daripada pelajar, guru-guru dan kakitangan sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.11 Batasan Kajian

1.11.1 Sampel kajian terbatas kepada Ahli Lembaga Koperasi di sepuluh buah sekolah menengah yang terpilih di negeri Kelantan.

1.11.2 Skop kajian hanya menumpukan kepada beberapa aspek sahaja iaitu ciri-ciri, pengetahuan, kemahiran dan sikap pelajar terhadap bidang keusahawanan.

1.12 Rumusan

Berdasarkan pernyataan permasalahan, tujuan kajian dan objektif kajian dapat menerangkan dan memberi gambaran yang jelas tentang apa yang ingin pengkaji sampaikan dan hasilnya adalah bertepatan dengan objektif kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB II

SOROTAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Dalam bab ini, pengkaji akan memberi tumpuan kepada konsep dan kajian terdahulu yang mempunyai hubung kait dengan penyelidikan yang dijalankan. Tujuan sorotan ini ialah untuk memantapkan lagi hasil kajian dan meningkatkan lagi pemahaman serta dapat menyokong kajian yang dijalankan. Kajian literatur ini juga dibahagikan kepada beberapa bahagian yang memberi penerangan lebih lanjut tentang kajian yang dikaji. Ia meliputi kajian mengenai penglibatan pelajar dalam koperasi sekolah dalam memupuk ciri-ciri keusahawanan, pengetahuan pelajar dalam bidang keusahawanan, kemahiran pelajar dalam bidang keusahawanan dan sikap pelajar dalam bidang keusahawanan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.2 Kepentingan Pendidikan Keusahawanan

Perkembangan bidang keusahawanan yang berlaku dengan pesat sangat penting bagi tujuan pembangunan ekonomi negara, mengatasi masalah pengangguran, perkembangan penggunaan teknologi baru dan memberikan inovasi kepada produk dan pasaran. Oleh itu perkembangan pendidikan keusahawanan adalah sangat penting kepada sesebuah negara terutamanya negara yang sedang maju seperti Malaysia (Juhaida, 2007).

Hansemark (1998) menyatakan sistem sokongan yang sangat baik kepada usahawan akan memudahkan dan menggiatkan lagi perkembangan bidang ini yang mana pendidikan keusahawanan memainkan peranan penting kepada sistem sokongan peniaga. Kenyataan tersebut di sokong oleh Ab. Aziz (2003) yang menyatakan tahap pembelajaran dan pendidikan akan mempengaruhi peringkat pembangunan bidang keusahawanan. Seseorang usahawan dikatakan akan berusaha untuk mempelajari dan mengambil iktibar daripada apa jua bentuk maklum balas yang mereka perolehi. Melalui pendidikan, usahawan akan boleh meningkatkan kemahiran-kemahiran baru dengan maklumat yang lebih berkesan. Beliau juga melihat kejayaan atau kegagalan sesebuah syarikat banyak bergantung kepada maklumat yang diperolehi. Secukup mana maklumat diperolehi dan bagaimana maklumat tersebut digunakan dalam membuat keputusan.

Klappa (2004) pula menyatakan bahawa kualiti keusahawanan boleh ditingkatkan dengan melalui sistem pendidikan yang baik dan berkesan. Sebab utama untuk membangunkan pendidikan keusahawanan adalah kerana peranan peniaga-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

peniaga kecil yang sangat penting kepada pembangunan ekonomi negara (Taylor & Plummer, 2003) yang boleh menyebabkan berlakunya pembaharuan pesat dalam bidang teknologi (Grebel, et al., 2003) serta persaingan antara negara akan meningkat (Audretsch, et al., 2002).

Nor Azizah (2000) menyatakan sekolah merupakan sebuah institusi yang sangat tepat berperanan sebagai tempat yang paling sesuai untuk seseorang pelajar mengambil peluang menyemai minat dan aspirasi dalam bidang keusahawanan yang boleh dijalankan melalui perlaksanaan program atau projek kerja buat sendiri dan perniagaan.

Kenyataan beliau disokong oleh Siti Nurashikin (2005) yang menyatakan keperluan menerapkan pendidikan keusahawanan di pelbagai tahap perkembangan kanak-kanak amat penting dalam usaha untuk melahirkan usahawan berjaya. Ini kerana kejayaan usahawan bukanlah bergantung kepada nilai dan budaya keusahawanan semata-mata tetapi perlu dilengkapkan dengan pelbagai bentuk pendidikan yang berteraskan kemahiran, kepakaran, latihan dan ilmu. Penerapan nilai-nilai keusahawanan ini mestilah melalui aktiviti yang boleh dikaitkan dengan kehidupan pelajar itu sendiri dan mendapat penglibatan pelajar secara aktif.

Kemampuan pendidik membangunkan pelajar sedemikian bergantung kepada kesediaan mereka untuk melihat kursus atau subjek yang diajar mempunyai nilai-nilai keusahawanan yang tersendiri. Oleh itu, setiap pendidik perlu mengetahui, memahami dan mengakui bahawa setiap kursus yang diajar memiliki nilai-nilai keusahawanan yang perlu dipupuk dalam pelbagai peringkat pembelajaran yang dilalui oleh pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ini adalah kerana kesediaan pendidik untuk memahami serta bertindak dengan berkesan akan membolehkan mereka melahirkan pelajar yang lebih bersedia untuk merebut peluang, berani menghadapi cabaran, mampu melihat kekuatan di samping memperbaiki kelemahan yang terdapat pada diri masing-masing. Aspek-aspek ini adalah amat penting untuk direalisasikan sebagai persediaan untuk menempuh alam pekerjaan (Ab. Aziz, 2010).

Keusahawanan merupakan satu bidang yang masih baru dan terdapat konsep-konsep, model-model serta teori-teori tentang keusahawanan yang belum dikaji dan dibentuk. Sungguhpun begitu, disiplin keusahawanan ini semakin hari semakin berkembang dan terus mendapat perhatian dari semua golongan masyarakat. Konsep keusahawanan mula diperkenalkan hanyalah sebagai suatu disiplin. Ia diperkenalkan di seluruh dunia melalui pusat-pusat pengajian tinggi yang menawarkan kursus sama ada sebagai kursus elektif atau membuat pengkhususan dalam bidang ini. Pusat-pusat ini cuba untuk menerajui, mempelopori, memperkenalkan dan menjadikannya sebagai pusat kecemerlangan dalam bidang keusahawanan (Ab. Aziz, 2010).

Pemupukan nilai-nilai keusahawanan di kalangan pelajar merupakan nadi kepada institusi pendidikan yang mahu memastikan pelajar memiliki kelebihan kompetatif yang tersendiri. Bidang pendidikan memerlukan pendidik yang proaktif, progresif, kreatif serta mampu membangunkan setiap potensi yang dimiliki oleh pelajar. Oleh itu, pendidik hendaklah memainkan peranan penting dalam proses pembudayaan nilai-nilai keusahawanan di kalangan pelajar yang juga merupakan bakal usahawan (Ab. Aziz, 2010).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Usaha pembudayaan ini perlu dilaksanakan kerana menyedari bahawa keusahawanan tidak semestinya diwarisi, bahkan boleh dilahirkan, diasuh dan dibangunkan terutama dalam masyarakat yang mempunyai budaya keusahawanan yang tinggi. Oleh itu, menjadi tanggungjawab pendidik untuk membangkitkan kesedaran pelajar agar membudayakan nilai-nilai keusahawanan hasil daripada penerapan, pendedahan, pengajaran, galakan dan bimbingan yang diberikan oleh pelbagai pihak terutamanya golongan pendidik (Ab. Aziz, 2010).

2.3 Kajian-kajian Yang Lepas

2.3.1 Ciri-ciri Keusahawanan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Kamus Dewan (2005) ciri-ciri bermaksud sifat, unsur atau tanda-tanda yang khusus pada sesuatu yang membezakannya daripada yang lain. Joseph A. Schumpeter (1934) pula menyatakan ciri-ciri utama keusahawanan ialah cara menghasilkan sesuatu yang telah ada dengan cara yang baru.

Ab. Aziz dan Zakaria (2004) pula mendefinisikan usahawan adalah merupakan orang yang bersedia mengambil risiko yang tinggi akan lebih cepat membuat keputusan dengan menggunakan maklumat yang sedikit dan masa yang diambil dalam membuat keputusan juga singkat. Kenyataan ini di sokong oleh Koh H. C. (1996) di mana beliau berpendapat bahawa usahawan merupakan seorang individu yang mempunyai ciri-ciri mengambil risiko boleh ditakrifkan sebagai individu yang sanggup berhadapan dengan kemungkinan-kemungkinan untuk merebut peluang-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

peluang yang wujud dalam proses membuat keputusan. Seseorang usahawan itu akan sanggup mengambil risiko sederhana dalam situasi di mana mereka telahpun bersedia dengan tahap yang boleh dikawal ataupun telah memiliki kemahiran yang boleh digunakan untuk berhadapan dengan risiko tersebut dalam mengenal pasti keuntungan. Kenyataan tersebut turut disokong oleh Jamar (2009) di mana beliau menyatakan untuk maju dalam perniagaan seseorang mesti berani mengambil risiko menjadi pilihan pertama ciri-ciri keusahawanan di kalangan anggota koperasi kakitangan ANGKASA Berhad.

Schumpeter (1934) merupakan seorang ahli ekonomi Perancis, berbangsa Irish mendefinisikan usahawan sebagai seorang inovator yang kreatif. Usahawan ialah seorang yang berani melakukan pembaharuan atau perubahan terhadap kualiti sesuatu barang, mencipta sesuatu kaedah baru dalam pengeluaran, membuka sesuatu pasaran baru, mendapat sumber penawaran baru atau membentuk suatu organisasi yang baru. Pandangan ini dikongsi bersama dengan Drucker (1994) seorang pakar ekonomi dari Perancis di mana beliau berpendapat bahawa usahawan ialah seseorang yang sanggup melakukan sesuatu yang baru, berani menghadapi risiko, tidak mudah putus asa, suka pada cabaran, bertanggungjawab ke atas keputusan yang dibuat, seorang yang kreatif dan berkebolehan menguruskan perniagaan. Kao (1989) pula menyatakan selain mempunyai keupayaan menggabungkan semua faktor-faktor pengeluaran, seorang usahawan juga merupakan seorang ketua yang berkebolehan dan bertanggungjawab menguruskan penambahan kekayaan melalui percambahan idea serta sentiasa berusaha memastikan sesuatu benda terjadi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Raja Maimon, et al. (2002) mendapati betapa pentingnya sifat kreatif, inovatif dan berwawasan dalam menentukan keusahawanan koperasi. Kenyataan tersebut disokong oleh Idris (2010) di mana beliau menyatakan kreativiti melibatkan pemikiran, idea dan gagasan baru manakala inovasi pula menjurus kepada penambahbaikan dan penyesuaian kepada pemikiran, idea atau gagasan sedia ada sehingga memberi nilai tambah baru yang boleh diguna pakai, dimanfaatkan, dijadikan asas serta dasar lebih produktif. Pada dasarnya setiap anggota hendaklah mempunyai sifat kreatif, inovatif dan berwawasan di dalam membentuk keusahawanan koperasi supaya boleh memacu koperasi ke arah kejayaan. Menurut Nur Syazwani (2010) Malaysia inovatif memerlukan masyarakat yang mempunyai keberanian untuk melakukan perubahan kerana pemikiran secara kreatif dan inovatif beginilah yang diperlukan oleh negara dalam abad yang ke-21 yang serba mencabar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam kajian Ramziah (2000) mendapati ciri-ciri keusahawanan kreatif dan inovatif adalah yang paling mempengaruhi pelajar semasa pendidikan keusahawanan. Ini sesuai dengan kenyataan oleh Wan Liz Ozman dan Sulzari (2002) yang menyatakan seorang usahawan perlu berfikiran kreatif dan sentiasa mencari idea-idea baru untuk mengembangkan perniagaan mereka. Mereka kurang berpuas hati dengan keadaan yang sedia ada dan sering memperbaiki apa yang ada pada mereka. Melalui inisiatif dan kreativiti mereka mampu merubah bentuk perniagaan yang sedia ada, mengeluarkan produk baru atau pun mempelbagaikan perkhidmatan lain.

Perdana Menteri Malaysia, Y.A.B. Dato’ Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak pada majlis Invest Malaysia (2010) yang lalu, telah menggariskan salah satu ciri dalam Model Ekonomi Baru (MEB) yang menekankan penjanaan pendapatan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tinggi. Bagi mencapai kedudukan rakyat berpendapatan tinggi, strategi utama yang perlu ditekankan adalah pembudayaan inovasi dan kreativiti. Justeru, gerakan koperasi di negara kita perlu meninggikan nilai inovasi dan memiliki anggota koperasi yang kreatif agar gerakan koperasi dapat menyumbang lebih besar kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

YB Dato' Sri Ismail Sabri Yaacob, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) pula menyatakan salah satu "*Key Performance Indicator"* (KPI) Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) pada tahun 2013 adalah setiap koperasi perlu menjana purata pusingan perniagaan antara RM800,000 sehingga RM1.5 juta setahun dan seterusnya menyumbang kepada KDNK Negara sehingga 4 peratus. Cabaran ini mesti disambut baik oleh gerakan koperasi di Malaysia. Bagi mencapai maksud ini, gerakan koperasi perlu meningkatkan inovasi serta mewujudkan anggota koperasi yang kreatif (Mohamad, 2010).

Dalam kajian yang dilakukan oleh Kashry (1997) mendapati bahawa penglibatan pelajar dalam kegiatan koperasi sekolah adalah dipengaruhi oleh faktor sokongan daripada guru dan minat pelajar itu sendiri. Pemilihan pelajar sebagai Ahli Lembaga Koperasi adalah berdasarkan minat pelajar dalam perniagaan dan mereka juga mempunyai ciri-ciri seperti rajin, jujur dan bertanggungjawab. Namun berbeza pula dengan kajian yang dilakukan oleh Siti Soleha (2009) yang mendapati faktor persekitaran merupakan faktor yang paling mempengaruhi minat pelajar dalam bidang keusahawanan iaitu sebanyak 73%.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penglibatan pelajar dalam koperasi sekolah boleh memupuk ciri-ciri keusahawanan dan ini dapat dibuktikan dengan hasil kajian yang telah dilakukan oleh Asmawati (2002) di mana beliau mendapati 76.2% responden bersetuju mengatakan bahawa penglibatan pelajar dalam koperasi sekolah berupaya membentuk sifat keusahawanan. Dapatan tersebut disokong oleh Norasmah (2002) yang mendapati tahap pencapaian ciri-ciri keusahawanan dalam diri pelajar adalah pada tahap sederhana.

Kajian yang dilakukan oleh Kasim (2000) mendapati 70.97% responden menyatakan mempunyai ciri-ciri untuk menjadi usahawan di mana ciri-ciri tersebut iaitu kepimpinan, daya usaha dan daya saing dalam diri pelajar. Beliau juga telah mendapati 71% pelajar-pelajar aliran kemahiran mempunyai ciri-ciri keusahawanan. Kajian tersebut di sokong oleh Siti Nurashikin (2005) yang menunjukkan wujud ciri-ciri keusahawanan yang tinggi di kalangan pelajar dan min bagi ciri kesanggupan menerima risiko adalah paling tinggi berbanding dengan lokus kawalan dalaman, keyakinan kendiri, kreativiti dan inovasi. Manakala hasil kajian oleh Roslan (2003) di sekolah-sekolah agama rakyat negeri Perak mendapati dua dimensi kecenderungan keusahawanan yang tinggi iaitu lokus kawalan dalaman dan berpegang teguh kepada agama. Manakala tahap kecenderungan keusahawanan di kalangan pelajar adalah sederhana tinggi pada min 3.90.

Wee Liang Tan, et al. (1995) dalam kajian berbentuk explotori menguji ciri-ciri keusahawanan yang terdapat pada pelajar-pelajar Singapura. Terdapat enam ciri-ciri keusahawanan yang dikaji iaitu penanggung risiko, kawalan dalam diri, inovatif, kepimpinan, berkeyakinan dan keinginan untuk cemerlang. Soal selidik digunakan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

untuk mendapatkan maklumat dengan menggunakan seramai 240 orang pelajar. Hasil kajian menunjukkan bahawa 47% daripada responden memiliki ciri-ciri keusahawanan dan hampir 51% responden lelaki memiliki ciri-ciri ini. Dapatan kajian juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan.

Kajian tersebut di sokong oleh Juhaida (2007) yang mendapati tidak terdapat perbezaan nilai min yang signifikan antara jantina dalam mempengaruhi ciri-ciri keusahawanan seseorang pelajar. Hasil kajian beliau juga mendapati wujud hubungan antara ciri-ciri keusahawanan dengan kemungkinan untuk menceburkan diri sebagai usahawan suatu masa nanti di kalangan pelajar secara positif. Kenyataan tersebut turut disokong oleh Jamar (2009) yang menunjukkan bahawa perhubungan di antara ciri-ciri keusahawanan dengan jantina adalah tidak signifikan.

Dapatan kajian tersebut adalah bercanggah dengan Sharifah (1996) yang menjalankan kajian terhadap 390 pelajar di Daerah Hulu Langat yang mengukur 13 ciri-ciri keusahawanan di kalangan pelajar tingkatan empat menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara ciri-ciri keusahawanan pelajar lelaki dan pelajar perempuan. Kajian ini di sokong oleh Zaidatol, et al. (1998) yang mendapati pelajar perempuan mempunyai ciri-ciri keusahawanan yang lebih tinggi berbanding dengan pelajar lelaki walau pun ujian-t menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan antara skor mereka.

Hasil kajian Nor Azizah (2000) turut menyokong dapatan Sharifah (1996) dan Zaidatol, et al. (1998) di mana beliau mendapati 75.8% pelajar bersetuju menyatakan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mereka mempunyai ciri-ciri keusahawanan. Analisis kajian menunjukkan pelajar-pelajar perempuan di Sekolah Menengah Tok Janggut mempunyai ciri-ciri keusahawanan yang tinggi terutamanya dari segi keyakinan diri, bertanggungjawab, tekun dan optimis. Ini menunjukkan bahawa ramai di kalangan pelajar memang telah sedia ada ciri-ciri keusahawanan cuma ia perlu diperluaskan lagi supaya pelajar-pelajar lebih berupaya mengembangkan potensi ke arah keusahawanan.

Kajian tersebut turut di sokong oleh Zaidatol, et al. (2002) yang mendapati dari segi ciri-ciri keusahawanan, hasil ujian-t menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara ciri keusahawanan pelajar lelaki dengan pelajar perempuan. Pelajar perempuan memperoleh skor ciri keusahawanan yang lebih tinggi berbanding dengan pelajar lelaki. Ab Aziz (2003) pula menyatakan dari segi pengamalan nilai-nilai dalam keusahawanan, usahawan wanita dikatakan mempunyai kelebihan daripada kaum lelaki. Kaum wanita lebih cenderung kepada nilai dan beretika dalam perniagaan seperti jujur, bertolak ansur dan tidak terlalu agresif berbanding dengan kaum lelaki.

Hasil kajian oleh Chek Pit Chow (2002) juga turut menyokong kajian di atas yang mendapati terdapat perbezaan yang signifikan dalam ciri-ciri keusahawanan di antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan dari segi motivasi, kreativiti dan inovasi, keyakinan diri, lokus kawalan dalaman dan kesanggupan mengambil risiko. Walau bagaimanapun hasil kajian yang dilakukan oleh Siti Nurashikin (2005) menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara ciri-ciri keusahawanan berdasarkan jantina. Namun beliau mendapati pelajar lelaki mempunyai nilai min yang lebih tinggi berbanding dengan pelajar perempuan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dari segi bangsa pula, kajian oleh Chek Pit Chow (2002) menujukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar Melayu, Cina dan India. Analisis kajian menunjukkan pelajar Cina mempunyai motivasi yang lebih tinggi berbanding dengan pelajar India dan Melayu. Namun berbeza pula dengan dapatan kajian oleh Zaidatol, et al. (2002) yang mendapati terdapat perbezaan yang signifikan antara skor ciri-ciri keusahawanan pelajar berdasarkan keturunan. Pelajar bumiputera memperoleh skor yang lebih tinggi berbanding dengan pelajar Cina. Dapatan tersebut tidak menyokong kajian Siti Nurashikin (2005) yang mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi setiap ciri-ciri keusahawanan berdasarkan bangsa.

Wee Liang Tan, et al. (1995) mendapati 61.5% pelajar yang memiliki ciri-ciri keusahawanan mempunyai latar belakang keluarga yang terlibat dengan perniagaan. Namun dapatan tersebut bercanggah dengan Sharifah (1996) yang mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar yang mempunyai latar belakang perniagaan dengan yang tiada mempunyai latar belakang keluarga yang terlibat secara langsung dengan perniagaan. Walau bagaimanapun kajian yang dilakukan oleh Jamar (2009) mendapati tidak terdapat perhubungan yang signifikan di antara ciri-ciri keusahawanan dengan umur pelajar.

Meyer (1992) menyarankan adalah sesuatu yang bijak untuk melatih atau menyediakan pelajar sekolah untuk proses keusahawanan kerana apabila mereka tamat persekolahan nanti, minat untuk memulakan perniagaan akan wujud. Miller (1987) pula mencadangkan dalam usaha menghasilkan pelajar atau para graduan yang mempunyai ciri-ciri keusahawanan mereka hendaklah dipilih daripada golongan pelajar yang memang mempunyai ciri-ciri tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Oleh yang demikian, jelas menunjukkan bahawa penglibatan pelajar dalam koperasi sekolah boleh memupuk nilai-nilai murni dan ciri-ciri yang positif kepada pelajar dan ini bertepatan dengan peranan koperasi sekolah untuk melahirkan generasi yang seimbang dan berketrampilan terutamanya dalam bidang keusahawanan. Secara keseluruhannya pengkaji mendapati bahawa seseorang usahawan akan memiliki sifat dan ciri-ciri keusahawanan yang hampir sama seperti keinginan untuk cemerlang, kreatif, inovatif, berinitiatif, berani menanggung risiko, bermatlamat, mempunyai keyakinan, keinginan dalaman yang tinggi, keinginan untuk berdikari, bebas membuat keputusan, bermotivasi, bertenaga, bertanggungjawab, berilmu pengetahuan dan sentiasa peka terhadap sebarang perubahan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.3.2 Pengetahuan Pelajar Dalam Bidang Keusahawanan

Menurut Kamus Dewan (2005) maklumat boleh ditakrifkan sebagai pengetahuan. Maklumat atau pengetahuan perlu dimiliki oleh anggota koperasi agar mereka dapat merancang aktiviti koperasi dengan efektif. Menurut Gibb (1988) seseorang yang ingin terlibat di dalam dunia usahawan dan keusahawanan seharusnya terlebih dahulu memperolehi pengetahuan asas yang diperlukan untuk memulakan perniagaan, kemahiran pengurusan, pemasaran dan teknikal serta memahami masalah-masalah yang dihadapi dalam perniagaan.

Pembudayaan kreativiti boleh disuburkan di kalangan anggota koperasi apabila seseorang anggota koperasi didedahkan dengan maklumat. Memiliki

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

maklumat bermakna anggota koperasi mempunyai aset untuk dijana dan dikembangkan bagi manfaat koperasi (Mohamad, 2010).

Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin bin Hj. Mohd Yassin telah melancarkan "1 Koperasi 1 Komuniti" yang bermatlamat untuk membuka minda masyarakat agar menjadikan koperasi sebagai budaya dan gaya hidup rakyat Malaysia serta sebagai modus operandi untuk menyatu padukan rakyat. Manakala Y. B. Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob pula menyatakan bagi mengurus dan mentadbir koperasi yang dimiliki serta dilanggani oleh anggota koperasi seperti ini perlu bermaklumat agar matlamat koperasi tercapai penubuhannya dan seterusnya menyemai semangat perpaduan di kalangan anggota (Mohamad, 2010).

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah ptbupsi

Nematollah (2001) juga berpendapat bahawa sesebuah negara yang ingin maju mestilah mempunyai guna tenaga yang berpengetahuan dan berkemahiran. Pengetahuan dan kemahiran ini boleh diperoleh melalui pendidikan yang bercorak teknikal dan vokasional. Berikutan itu, reformasi terhadap sistem pendidikan perlu dilaksanakan dan pendidikan teknikal dan vokasional telah ditekankan di sekolah dalam usaha menyediakan guna tenaga yang berkemahiran ini. Senario yang serupa juga terdapat di Malaysia. Umpamanya, Hazil (1990) berpendapat bahawa pendidikan merupakan senjata untuk memajukan sesebuah negara kerana melalui pendidikan segala ilmu pengetahuan dan kemahiran boleh diperoleh.

Zaidatol, et al. (1994) turut menjelaskan bahawa pendidikan merupakan instrumen bagi membolehkan seseorang berupaya mengenal peluang perniagaan. Pendidikan membantu menyediakan seseorang menjadi usahawan berjaya kerana

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

melalui pendidikan, usahawan dapat memahami dan mengenal peluang perniagaan yang boleh diterokai. Brown (2000) pula menyatakan bahawa masalah tidak mempunyai pengetahuan yang cukup merupakan masalah yang agak membimbangkan di kalangan usahawan. Pengetahuan yang dangkal menyebabkan usahawan tidak dapat bersaing di peringkat yang lebih tinggi. Mereka tidak dapat mengurus dengan baik akibat tidak mempunyai pengetahuan pengurusan yang baik. Dalam era teknologi maklumat, pengetahuan merupakan sumber yang amat penting dan strategik.

Menurut Puan Hajah Armi Haji Zainudin (2010), Pengerusi Bahagian Pelajaran, Penerangan, Pendidikan, Penerbitan dan Perkhidmatan (B4P) ANGKASA, koperasi perlu memberi keutamaan kepada pembangunan modal insan supaya kecekapan serta kemahiran mereka sentiasa dapat dipertingkatkan seiring dengan era perniagaan masa kini. Dengan itu, ianya akan dapat memantapkan lagi hala tuju sesebuah koperasi itu. Bak kata pepatah Inggeris *"knowledge is power"* yang mana apabila modal insan di dalam sesebuah organisasi itu berpengetahuan, mereka lebih cekap dan berkebolehan untuk membawa organisasi tersebut ke tahap yang lebih cemerlang dan berdaya maju (Abdul Aziz, 2009).

Dalam menghadapi era globalisasi masa kini, gerakan koperasi di Malaysia perlu memainkan peranan yang penting dalam menuju arus pembangunan keusahawanan. Suruhanjaya Koperasi Malaysia sendiri telah menjadikan misi ketiganya sebagai usaha ke arah melahirkan modal insan yang kompeten dan berbudayakan keusahawanan. Usaha-usaha yang menjurus ke arah itu telah dijalankan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bagi menambahkan ilmu pengetahuan dan kemahiran keusahawanan terutamanya melalui pelbagai bentuk program secara formal dan tidak formal (Abdul Aziz, 2010).

Scott dan Twomey (1988) telah menjalankan kajian untuk mengenal pasti faktor yang mempengaruhi aspirasi keusahawanan pelajar. Dapatan kajian mereka mendapati pelajar memang mempunyai minat dalam keusahawanan tetapi masih rendah ilmu pengetahuan tentang cara perniagaan beroperasi. Kenyataan ini disokong oleh Sexton dan Kasarda (1992) di mana beliau berpendapat bahawa para pelajar memerlukan kefahaman konsep yang berkaitan dengan keusahawanan serta penerapan ilmu pengetahuan perniagaan merentasi bidang lain agar dapat mengenal pasti bakat yang ada serta merangsang kemahiran dan perubahan sikap.

Hasil kajian Zaharuddin (1995) mendapati ilmu pengetahuan ini boleh diperolehi secara formal atau melalui sumber yang berwibawa seperti pembacaan atau pergaulan. Kajian ini disokong oleh Rahinah (1997) yang mendapati ilmu keusahawanan sangat penting bagi pelajar yang ingin mendalami bidang keusahawanan. Dengan mempelajari ilmu keusahawanan, pelajar dapat menambahkan kefahaman dalam bidang keusahawanan dan boleh mengurangkan risiko kegagalan.

Manakala Wilson dan Marlino (2007) pula menyatakan pendapat mereka iaitu aspirasi pertama ke arah keusahawanan terhadap pelajar sekolah pada usia remaja di mana mereka harus diarahkan dan dipersiapkan diri untuk menghadapi kerjaya pada masa depan. Oleh itu adalah sangat penting memberi pendidikan dan pengetahuan keusahawanan seawal yang mungkin. Justeru itu cara terbaik untuk mengajar ilmu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

keusahawanan kepada pelajar-pelajar ialah melalui penerapannya dalam bidang kurikulum dan kokurikulum.

Hasil kajian yang dilakukan oleh Sawiyah (1997) menunjukkan 88.9% bersetuju menyatakan bahawa koperasi sekolah mampu menerapkan pengetahuan tentang pelbagai aspek perniagaan dalam aktiviti koperasi sekolah. Para pelajar dapat mempraktikkan kegiatan perniagaan seperti menjual, merekod stok, menyimpan stok, menulis buku akaun, membuat laporan dan lain-lain. Kebanyakan responden bersetuju menyatakan bahawa perkhidmatan yang diberikan oleh koperasi memberi faedah kepada mereka.

Kajian oleh Nor Azizah (2000) mendapati pelajar perempuan mempunyai pengetahuan keusahawanan pada tahap yang positif iaitu 51.8%. Kenyataan ini di sokong oleh kajian yang telah dilakukan oleh Norhatta (2003) di mana beliau mendapati tahap pengetahuan tentang perniagaan dan keusahawanan adalah berada pada tahap sederhana di kalangan pelajar. Begitu juga dengan hasil kajian oleh Norzarina (2006) yang mendapati tahap pengetahuan ahli koperasi ialah 51.5% dan ini menunjukkan tahap pengetahuan ahli koperasi tentang perniagaan dan keusahawanan secara keseluruhannya berada pada tahap sederhana.

Walau bagaimanapun kajian di atas tidak menyokong kajian yang dilakukan oleh Susila (2006) di mana beliau mendapati tahap pengetahuan keusahawanan di kalangan pelajar aliran sains dan aliran sastera ikhtisas tingkatan 4 di enam buah sekolah menengah di daerah Seremban, Negeri Sembilan adalah berada pada tahap sederhana rendah. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam pengetahuan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pelajar tingkatan 4 berdasarkan faktor jantina dan bangsa namun terdapat perbezaan yang signifikan dalam pengetahuan pelajar berdasarkan aliran sains dan sastera ikthisas. Hasil kajian beliau juga mendapati melalui koperasi sekolah pelajar dapat mempelajari aspek keusahawanan dari segi pemasaran, pengurusan, kewangan dan pengeluaran ialah sebanyak 14.4%. Pengalaman responden dalam perniagaan di koperasi sekolah hanya 6.3%.

Hasil daripada kajian-kajian yang lepas, didapati bahawa pengetahuan keusahawanan pelajar secara keseluruhannya berada pada tahap sederhana. Namun sekiranya pelajar-pelajar melibatkan diri secara langsung dalam setiap aktiviti yang dianjurkan oleh koperasi sekolah kemungkinan pengetahuan pelajar dalam bidang keusahawanan dapat ditingkatkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.3.3 Kemahiran Pelajar Dalam Bidang Keusahawanan

Nelson (1982), mendapati 19 kursus perlu dipelajari oleh pelajar dalam sesuatu program pendidikan dan latihan keusahawanan adalah seperti penyata kewangan, konsep-konsep pentadbiran dan pengurusan, pemasaran, percukaian, perancangan promosi, perhubungan dengan orang awam, insurans, perakaunan, keselamatan dalaman, korupsi, undang-undang perniagaan, kawalan inventori, hubungan dengan pelanggan dan penyimpanan rekod. Manakala menurut Terminello (1991) dalam *First Business Guide* pula menyenaraikan lima kursus penting dalam program pendidikan dan latihan keusahawanan iaitu kursus pengurusan perniagaan, perancangan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

belanjawan kewangan, penyimpanan rekod, pemasaran dan jualan, anggaran, pengurusan projek dan penjadualan serta pengendalian inventori.

Kajian oleh Mokhter (1995) terhadap 74 pelajar Program Usahawan Muda (PUM) yang terdiri daripada 29.7% pelajar lelaki dan 70.3% pelajar perempuan dengan menggunakan kaedah tinjauan mendapati bahawa PUM berjaya melahirkan minat dan sikap positif di kalangan pelajar dalam bidang perniagaan. Dapatan beliau juga menunjukkan PUM berupaya meningkatkan keupayaan pelajar dalam menyediakan laporan kewangan serta mengemas kini rekod kewangan. Ini bermakna terdapat peningkatan kemahiran dalam menyediakan perakaunan. Kenyataan tersebut bertepatan dengan kajian yang dilakukan oleh Nur Suhaila (2005) yang mendapati aktiviti yang dijalankan oleh koperasi pada masa rehat dan balik memberi pendedahan kepada ahli koperasi sekolah tentang kemahiran dalam aktiviti perniagaan dan keusahawanan.

Begitu juga dengan kajian oleh Norasmah (2002) yang menyatakan dalam asas keusahawanan pelajar didedahkan dengan pelbagai kemahiran dan kefahaman mengenai keusahawanan. Oleh itu usaha untuk melahirkan minat pelajar menceburkan diri dalam perniagaan atau bidang berkaitan dengan keusahawanan perlu diteruskan dalam kegiatan kokurikulum melalui aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan program-program keusahawanan.

Kenyataan tersebut turut disokong oleh Tan Sri Muhyiddin Yassin, Timbalan Perdana Menteri (2010) pendidikan dan latihan menerusi kegiatan koperasi sekolah banyak membantu pelajar mendalami ilmu dan kemahiran tentang selok belok

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

perniagaan sejak di bangku sekolah lagi dan seterusnya membentuk sahsiah diri secara positif. Pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi oleh para pelajar sememangnya amat berharga kerana ia mempunyai hubung jalin dengan kurikulum sekolah iaitu mata pelajaran yang dipelajari oleh pelajar seperti mata pelajaran perdagangan, ekonomi asas, perakaunan dan keusahawanan.

Dalam kajian Norashidah, et al. (2009) menunjukkan bahawa hampir semua peserta mempunyai latar belakang keluarga yang terlibat dalam perniagaan kecuali seorang peserta. Semua peserta mempunyai kemahiran dan pengetahuan dalam perniagaan yang diperolehi sama ada secara formal atau melalui pengalaman bekerja sebelum menjadi usahawan.

Kajian oleh Nor Azizah (2000) mendapati pelajar perempuan mempunyai kemahiran dalam keusahawanan iaitu sebanyak 63.5% iaitu berada pada tahap sederhana. Kenyataan ini disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Norhatta (2003) di mana beliau mendapati tahap kemahiran pelajar tentang perniagaan dan keusahawanan adalah berada pada tahap sederhana terutamanya dari aspek kemahiran dalam kewangan, pasaran dan pentadbiran. Begitu juga dengan kajian yang dilakukan oleh Norzarina (2006) yang mendapati kemahiran pelajar tentang perniagaan dan keusahawanan ialah 49.7% iaitu berada pada tahap sederhana.

Dapatan tersebut tidak menyokong kajian oleh Susila (2006) di mana beliau mendapati tahap kemahiran keusahawanan di kalangan pelajar aliran sains dan aliran sastera ikhtisas tingkatan 4 di enam buah sekolah menengah di daerah Seremban, Negeri Sembilan adalah berada pada tahap sederhana rendah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Susila (2006) mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam kemahiran pelajar tingkatan 4 berdasarkan faktor jantina dan bangsa. Dapatan kajian menunjukkan pelajar lelaki mempunyai kemahiran yang lebih tinggi berbanding dengan pelajar perempuan. Dapatan tersebut bercanggah dengan dapatan daripada kajian yang dilakukan oleh Shamsuddin (2001), Chek Pit Chow (2001), Halimah dan Roslan (2001), Muhammad (2002) dan Norhatta (2003) yang mendapati bahawa pelajar perempuan mempunyai kemahiran keusahawanan yang lebih tinggi berbanding dengan pelajar lelaki.

Hasil kajian dan kenyataan di atas menunjukkan bahawa penglibatan pelajar dalam aktiviti keusahawanan di koperasi sekolah dapat membantu pelajar mendalami ilmu dan kemahiran dalam urusan jualan, belian, pengurusan stok, pemasaran, pengurusan kewangan dan lain-lain. Dapatan daripada kajian-kajian yang lepas juga mendapati bahawa tahap kemahiran keusahawanan pelajar adalah sederhana. Terdapat perbezaan yang signifikan kemahiran keusahawanan di kalangan pelajar berdasarkan faktor jantina dan kebanyakannya menunjukkan pelajar perempuan mempunyai kemahiran keusahawanan yang lebih tinggi berbanding dengan pelajar lelaki.

2.3.4 Sikap Pelajar Dalam Bidang Keusahawanan

Menurut Kamus Dewan (2005), sikap bermaksud perbuatan atau pandangan yang berdasarkan pada suatu pendapat. Ajzen dan Fishbein (1980) memutuskan bahawa sikap dan tingkah laku mengandungi empat elemen iaitu tindakan yang khusus, sasaran sesuatu tindakan tersebut dilakukan, konteks di mana tindakan tersebut

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dilakukan dan waktu tindakan tersebut dilakukan. Syarifah Alwiah (1983) pula menyatakan sikap adalah keadaan di mana seseorang individu itu mudah dipengaruhi untuk bertindak secara positif atau negatif terhadap orang lain, idea atau sesuatu keadaan.

Mengikut Ellis (1951) dalam Rahinah (1997), sikap melibatkan sesuatu pengetahuan mengenai sesuatu situasi. Aspek yang penting terdapat dalam sikap ialah sifat-sifat atau ciri-ciri perasaan atau emosi yang dialami oleh seseorang yang melahirkan kecenderungan terhadap sesuatu tingkah laku atau perkara. Davidoff (1976) dalam Rahinah (1997) pula, mentafsirkan sikap sebagai satu konsep yang dipelajari dapat membantu fikiran, perasaan dan tingkah laku terhadap sesuatu objek seperti orang, sekumpulan orang, sebuah polisi, suatu peristiwa atau suatu perkara yang berkaitan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Lachman (1980) menyatakan usahawan memiliki nilai serta sikap yang unik terhadap kerja dan kehidupan. Dalam proses pembentukan sikap ini, pengaruh media massa seperti akhbar, majalah, televisyen, radio, filem dan media memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi sikap pelajar. Mengikut Oskamp (1977), media bukan sahaja sekadar menyebar maklumat tertentu namun apa yang penting ialah peranan media itu sendiri iaitu membuat analisa ke atas maklumat yang disebarkan yang boleh mempengaruhi pembentukan sikap seseorang.

Menurut kajian oleh Gasse (1985) ciri dan sikap keusahawanan boleh dikembangkan sejak awal lagi. Keadaan persekitaran dan keluarga merupakan faktor penting dalam pemupukan budaya keusahawanan. Ramai berpendapat bahawa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

seseorang yang mempunyai keluarga yang terlibat dalam perniagaan atau bekerja sendiri akan lebih terdorong dalam bidang keusahawanan. Malah kajian oleh Bannock dan Stanworth (1990) menunjukkan hasil yang sama dan mereka dengan penuh yakin menyatakan bahawa latar belakang keluarga banyak mempengaruhi pilihan kerjaya seseorang. Ini bermaksud bahawa jika seseorang itu mempunyai keluarga yang terlibat dalam bidang perniagaan, maka kebarangkalian mereka terlibat dalam bidang perniagaan juga adalah besar. Bagaimanapun, pernyataan ini kurang dipersetujui oleh Mann (1990) dan Storey (1994). Mereka berpendapat bahawa memang latar belakang keluarga merupakan faktor positif tetapi masih kurang kajian saintifik dibuat untuk membuktikan hubungan ini.

Muhammad (2008) menyatakan peranan guru koperasi sangat penting untuk melahirkan sikap keusahawanan di kalangan pelajar yang aktif dalam koperasi. Melalui koperasi akan dapat memupuk sikap-sikap yang terpuji di kalangan pelajar seperti amanah, bertanggungjawab, tekun, bertolak ansur, bekerjasama dan telus. Dengan bimbingan daripada guru-guru koperasi akan menjadikan mereka usahawan yang cemerlang. Kenyataan ini disokong oleh Jamar (2009) yang menyatakan pendedahan aktiviti-aktiviti keusahawanan, sikap yang positif kepada perniagaan dan keusahawanan dapat diterapkan seterusnya menjadikannya satu budaya dalam keusahawanan koperasi. Oleh itu kajian oleh Norasmah (2002) mengkategorikan sikap pelajar kepada empat kumpulan iaitu keinginan untuk cemerlang, kesungguhan untuk berniaga, mempunyai kawalan diri yang tinggi dan inovatif.

Hambali (1997) menyatakan tujuan penubuhan koperasi sekolah adalah untuk menggalakkan sikap berdikari dan saling bekerjasama serta meningkatkan taraf

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pendidikan di kalangan ahli-ahlinya dengan menyediakan latihan yang berterusan agar pembentukan sikap tersebut menjurus kepada alam perniagaan. Zainal Abidin (1997) pula menyatakan bahawa penyertaan pelajar dalam kegiatan koperasi sekolah merupakan latihan asas bagi mereka untuk menghadapi tanggungjawab apabila dewasa kelak. Ia bukan sahaja berperanan dalam bidang ekonomi tetapi juga dalam perkembangan sosial dan perasaan bersatu padu antara ahli-ahli dalam suatu masyarakat.

Menurut Harris dan Gibson (2008) pendidikan keusahawanan dan program latihan akan menyediakan peluang dan pendedahan secara langsung kepada pelajar dan ini akan menyebabkan perubahan sikap terhadap keusahawanan. Kajian ini sependapat dengan kajian yang dilakukan oleh Fuchs, Werner dan Wallau (2008) menyatakan para pelajar di peringkat sekolah perlu diberi pendedahan dan peluang terhadap keusahawanan kerana mereka lebih cenderung menunjukkan sikap keusahawanan dalam segala perkara yang mereka lakukan. Pendidikan di peringkat sekolah memberi peluang kepada pelajar memperolehi pengalaman melalui kaedah pembelajaran, latihan dan aktiviti keusahawanan.

Harris dan Gibson (2008) juga menyatakan sikap sering dibentuk oleh pengalaman pada masa lalu. Pelajar yang terlibat secara langsung dengan kegiatan keusahawanan pada masa lalu akan memiliki sikap keusahawanan yang kuat. Mereka juga mendapati pelajar di kalangan kaum Melayu yang telah mempelajari mata pelajaran perdagangan dan keusahawanan dalam kurikulum sekolah boleh membantu merubah sikap mereka terhadap bidang keusahawanan. Kajian ini menyokong kajian yang dilakukan oleh Zaidatol, et al. (2009) perubahan sikap terhadap keusahawanan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

adalah melalui proses pembelajaran, pengalaman dan keadaan persekitaran. Sikap juga dapat dipengaruhi melalui program pendidikan keusahawanan dan pengalaman masa lalu.

Baharu (1994) mengkaji sikap keusahawanan berdasarkan kepada empat aspek yang utama iaitu pencapaian, penghargaan diri, kawalan personal dan inovasi. Dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara jantina dengan orientasi sikap keusahawanan. Hasil kajian mendapati pelajar perempuan mempunyai sikap keusahawanan yang lebih tinggi berbanding dengan pelajar lelaki. Kajian ini disokong oleh Janom (1997) yang mendapati peratusan yang tinggi diperolehi bagi tahap sikap dan minat pelajar perempuan terhadap keusahawanan. Menurutnya, ini mungkin disebabkan pelajar perempuan mempunyai daya tumpuan yang lebih, mudah menerima arahan, lebih teliti dan yakin serta sabar walaupun pada peringkat awal pembelajaran mereka merasakan keusahawanan adalah mata pelajaran yang susah.

Kajian tersebut turut disokong oleh Zaidatol, et al. (1998) di mana dalam kajian yang dilakukan terhadap 1336 pelajar mendapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara sikap pelajar lelaki dengan pelajar perempuan terhadap keusahawanan. Menurut beliau, pelajar perempuan mempunyai sikap keusahawanan yang tinggi berbanding dengan pelajar lelaki.

Kajian oleh Zaidatol, et al. (2002) mendapati bahawa sikap pelajar sekolah menengah terhadap bidang keusahawanan adalah positif. Dapatan kajian menunjukkan pelajar perempuan tidak mempunyai potensi keusahawanan yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berbeza berbanding dengan pelajar lelaki. Namun begitu terdapat perbezaan yang signifikan di antara sikap pelajar perempuan dengan pelajar lelaki terhadap keusahawanan. Pada umumnya pelajar perempuan mempunyai sikap terhadap keusahawanan yang lebih tinggi berbanding dengan pelajar lelaki. Kajian ini disokong oleh Norhatta (2003) yang mendapati pelajar menunjukkan sikap yang positif terhadap perniagaan dan keusahawanan. Begitu juga dengan kajian oleh Sabariah (2005) yang mendapati lebih ramai pelajar perempuan mempunyai tahap tingkah laku kognitif keusahawanan yang lebih tinggi iaitu 28.8% berbanding dengan pelajar lelaki iaitu 27.5%.

Walau bagaimanapun kajian ini bertentangan dengan hasil kajian oleh Kundu dan Rani (2008) di mana beliau memfokuskan kajian terhadap hubungan antara jantina, latar belakang keluarga dan sikap terhadap keusahawanan. Beliau mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina dan sikap pelajar terhadap keusahawanan.

Dari segi keturunan pula kajian Baharu (1994) menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara keturunan dengan orientasi sikap keusahawanan. Perbandingan sikap keusahawanan di antara tiga keturunan iaitu Melayu (47.6%) mempunyai sikap keusahawanan yang rendah berbanding dengan Cina (54.2%) dan India (66.7%). Namun, penemuan kajian ini adalah tidak sesuai bagi kajian Mastura, et al. (2008) yang mendapati bahawa pelajar Cina mempunyai sikap yang lebih baik terhadap keusahawanan berbanding dengan pelajar Melayu kerana ibu bapa mereka terlibat secara langsung dalam bidang perniagaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian oleh Baharu (1994) dan Mastura, et al. (2008) tidak menyokong kajian yang dilakukan oleh Jumaat, et al. (2004) terhadap hubungan antara pembolehubah-pembolehubah demografi seperti umur, jantina, kaum, pengalaman dan pendidikan keluarga dengan sikap pelajar terhadap keusahawanan mendapati tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor demografi dengan sikap pelajar terhadap keusahawanan. Namun mereka berpendapat bahawa pelajar Melayu mempunyai sikap yang positif dan minat yang lebih tinggi terhadap keusahawanan. Kajian ini sependapat dengan kajian yang dilakukan oleh Zaidatol, et al. (2005) mendapati bahawa pelajar di kalangan kaum Melayu mempunyai potensi yang tinggi dalam bidang keusahawanan jika di bandingkan dengan pelajar bukan Melayu. Kajian tersebut turut disokong oleh Zaidatol, et al. (2009) yang mendapati pelajar Melayu mempunyai sikap yang positif terhadap keusahawanan berbanding dengan bangsa lain. Dapatan kajian menunjukkan pelajar Melayu yang mengambil mata pelajaran perdagangan dan mengikuti kursus keusahawanan dalam aktiviti kurikulum telah mempengaruhi sikap mereka terhadap bidang keusahawanan.

Dapatan kajian oleh Baharu (1994) menunjukkan tidak terdapat hubungan di antara jurusan pengajian yang ditawarkan di Politeknik dengan orientasi sikap terhadap keusahawanan. Walau bagaimanapun responden dari jurusan perdagangan mempunyai tahap sikap keusahawanan yang tinggi berbanding dengan responden dari jurusan lain. Namun majoriti pelajar jurusan sastera menunjukkan tahap sikap keusahawanan yang tinggi. Manakala pelajar dari jurusan teknikal mempunyai tahap sikap keusahawanan yang rendah. Hasil kajian menunjukkan majoriti (58.5%) dari pelajar jurusan sastera mempunyai orientasi sikap keusahawanan yang tinggi berbanding dengan jurusan lain. Dapatan tersebut disokong oleh Kasim (2000) yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mendapati secara keseluruhannya pelajar-pelajar aliran kemahiran mempunyai sikap yang positif terhadap bidang keusahawanan di mana 70.8% pelajar yang telah memberikan reaksi yang positif.

Kajian-kajian di atas jelas menunjukkan bahawa sikap pelajar terhadap keusahawanan boleh dibentuk dan dipupuk melalui pendidikan dan pengalaman. Oleh itu, koperasi sekolah seharusnya memainkan peranan dengan lebih giat lagi bagi memastikan penglibatan pelajar dalam koperasi sekolah akan meningkat pada masa akan datang. Penglibatan pelajar secara aktif dalan aktiviti yang dianjurkan oleh koperasi sekolah diharapkan dapat merubah sikap pelajar terhadap bidang keusahawanan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.3.5 Penglibatan Pelajar Dalam Aktiviti Keusahawanan

Program-program pembudayaan keusahawanan dalam aktiviti kokurikulum sekolah merupakan salah satu usaha ke arah memupuk dan mengembangkan minat berniaga di kalangan pelajar-pelajar sekolah. Antara tujuan utama program ini adalah untuk meningkatkan penyertaan semua kaum khususnya bumiputera dalam perniagaan dan perusahaan melalui pemantapan nilai dan unsur keusahawanan ke arah mewujudkan masyarakat perniagaan. Program-program pembudayaan keusahawanan yang terdapat di sekolah adalah seperti Koperasi Sekolah, Kelab Keusahawanan, Rancangan TV Pendidikan Dan Program Keusahawanan Remaja (Norasmah, 2002).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bahagian Perancangan dan Penyelidikan (EPRD), Kementerian Pelajaran Malaysia (1995) menyatakan tujuan koperasi ditubuhkan kerana ingin melatih pelajar bersikap bertanggungjawab, berdisiplin, berdikari, berkemahiran dan juga mempunyai semangat kekitaan di kalangan murid-murid sekolah tanpa mengira latar belakang dan cara hidup pelajar. Malah mereka juga berpeluang membuat latihan secara praktikal terhadap perkara-perkara berkaitan dengan perdagangan dan perakaunan. Tambahan lagi, sasaran utama kewujudan koperasi sekolah adalah untuk membolehkan pelajar mengalami sendiri proses pembelajaran dalam bidang perniagaan melalui pentadbiran sesebuah organisasi yang berbentuk syarikat perniagaan.

Syarifah Hanim (2008) menyatakan penglibatan golongan pelajar dalam memajukan koperasi merupakan antara keistimewaan gerakan koperasi di negara Asean. Dengan penubuhan koperasi sekolah di bawah pemerhatian ANGKASA, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) dan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), para pelajar sekolah menengah diberi peluang untuk melibatkan diri dalam setiap aktiviti yang dijalankan oleh koperasi sekolah. Dengan melibatkan diri dalam aktiviti koperasi, pelajar juga berpeluang mempelajari ilmu perniagaan yang bermanfaat untuk masa hadapan.

Selaras dengan usaha untuk melahirkan koperator-koperator yang berilmu, berkemahiran dan mampu berdaya saing, ANGKASA kini sedang bergiat aktif menjalankan pelbagai program keahlian berbentuk kursus serta seminar berkaitan kepimpinan, pengurusan koperasi, program keusahawanan dan lain-lain sebagai langkah awal memastikan penglibatan mereka benar-benar bermakna dalam gerakan koperasi. Program latihan yang berorientasikan gabungan pendekatan teori dan amali

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sedemikian bukan sahaja bermatlamat untuk meningkatkan ilmu pengetahuan di kalangan koperator malah ia turut berupaya memberi impak positif dalam membantu memberi sumbangan besar kepada masyarakat.

Menerusi kepelbagaian program latihan yang dianjurkan oleh ANGKASA ini, hasrat untuk meningkatkan lagi penglibatan, penyertaan dan kepimpinan koperator di dalam gerakan koperasi akan terserlah melalui penonjolan dan keberanian mereka berinteraksi antara satu sama lain sebaik tamat sesi kursus dan seminar yang disertai berkenaan. Peningkatan dalam penglibatan program latihan ANGKASA ini jelas membuktikan kepada kita bahawa tahap kesedaran yang tinggi tentang kepentingan pendidikan dalam kehidupan mereka terutama sebagai anggota koperasi (Wan Adrina, 2009).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manakala menurut Muhammad (2008), Pengetua SMK Semerah Padi menyatakan pelajar perlu diberi pendedahan luas mengenai kebaikan koperasi. Ini adalah kerana koperasi dapat mendidik pelajar lebih bersikap bertolak ansur, bertanggungjawab dan amanah. Oleh itu, pelajar seharusnya digalakkan bergiat aktif dalam kegiatan koperasi seperti menjadi juru jual di kedai koperasi atau Anggota Lembaga Koperasi. Melalui kegiatan koperasi pelajar akan dilatih oleh guru koperasi bekerjasama dalam satu pasukan.

Kenyataan tersebut disokong oleh Syarifah Hanim (2009), di mana beliau menyatakan Pengetua SMJK Yok Bin sering memberi galakan kepada para pelajarnya untuk turut terlibat dalam setiap aktiviti koperasi. Menurut beliau, dengan berkoperasi sahsiah dan integriti para pelajar dapat dipertingkatkan. Ini kerana prinsip koperasi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang kelima yang ditekankan membawa makna yang besar dalam pentadbiran pendidikan, latihan dan maklumat dalam pentadbiran koperasi sekolah. Dengan pendekatan prinsip berkenaan peranan koperasi sekolah dalam membantu meningkatkan ilmu pengetahuan pelajar dapat dilaksanakan.

Hasil kajian yang dilakukan oleh Kashry (1997) mendapati bahawa penglibatan pelajar dalam kegiatan koperasi sekolah adalah dipengaruhi oleh faktor sokongan daripada guru dan minat pelajar itu sendiri. Manakala mengikut kajian yang dilakukan oleh Sawiyah (1997) menunjukkan 95% daripada responden pernah berbelanja di koperasi sekolah dan hanya 33.3% melibatkan diri dalam aktiviti yang dianjurkan oleh koperasi sekolah seperti gotong royong, ceramah dan aktiviti sempena perayaan sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penglibatan pelajar dalam aktiviti keusahawanan di koperasi sekolah sama ada aktiviti sosial atau ekonomi memberi banyak manfaat kepada para pelajar. Bagi meningkatkan lagi penglibatan pelajar dalam aktiviti tersebut, guru-guru dan pihak pengurusan sekolah perlu memberi galakan kepada para pelajar dalam setiap aktiviti yang dilaksanakan.

2.4 Rumusan

Berdasarkan dapatan dari kajian-kajian di atas, menunjukkan bahawa koperasi sekolah dapat memupuk keusahawanan di kalangan pelajar. Koperasi sekolah berupaya menjadi wadah terbaik dalam menyemai dan membudayakan ciri-ciri

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

keusahawanan di kalangan pelajar. Nilai-nilai murni seperti berdikari, demokrasi, persamaan, kesaksamaan, perpaduan, sadik, amanah, ketelusan, tanggungjawab sosial dan semangat penyayang wajar menjadi amalan pelajar dalam membentuk keperibadian seorang pelajar yang cemerlang. Selain itu, koperasi sekolah juga berupaya dalam meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan sikap pelajar dalam bidang keusahawanan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB III

METODOLOGI

3.1 Pengenalan

Kajian ini merupakan kajian tinjauan terhadap penglibatan pelajar dalam aktiviti keusahawanan di koperasi sekolah. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji sama ada terdapat hubungan di antara pemupukan ciri-ciri keusahawanan, pengetahuan pelajar mengenai keusahawanan, kemahiran pelajar mengenai keusahawanan dan sikap pelajar terhadap bidang keusahawanan dengan penglibatan pelajar dalam aktiviti di koperasi sekolah. Bahagian ini akan membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan kaedah dan tatacara kajian yang dilakukan. Beberapa aspek akan dibincangkan oleh penyelidik, antaranya reka bentuk kajian, instrumen kajian, populasi dan sampel kajian, kajian rintis, prosedur pengumpulan data dan prosedur analisis data.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.2 Reka Bentuk Kajian

Bagi menyempurnakan kajian ini, pengkaji telah memilih kaedah tinjauan sebagai kaedah kajian. Pilihan kaedah ini dibuat kerana ia bersesuaian dengan kehendak pengkaji yang ingin meninjau hubungan pembolehubah bersandar dengan pembolehubah tak bersandar. Menurut Oppenheim (1966) kaedah tinjauan merupakan satu bentuk yang boleh digunakan untuk mengumpul data atau maklumat bagi tujuan perancangan masa depan atau sabagai panduan untuk menganalisa hubungan antara pembolehubah-pembolehubah.

Sementara itu, mengikut Fink dan Kasecoff (1985) berpendapat kaedah tinjauan adalah antara kaedah yang baik digunakan dalam kajian yang bertujuan mencari serta mengumpul maklumat mengenai perasaan, motivasi, perancangan, kepercayaan, personal, pendidikan atau berkenaan sesuatu program terus daripada responden. Tambah mereka lagi, kaedah ini juga amat sesuai digunakan apabila sesuatu polisi perlu dibuat atau program perlu dirancang, untuk membuat penilaian mengenai keberkesanan program dalam mengubah pengetahuan dan sikap seseorang, memberi maklumat deskriptif kepada pengkaji dan penglibatan sampel yang ramai dan bertaburan. Kaedah tinjauan juga sesuai digunakan dalam menerangkan sesuatu perkara, mempamerkan perubahan dan juga dalam membuat perbandingan.

Menurut Wiesma (1995) pula, kaedah tinjauan merupakan antara kaedah yang baik jika kajian tersebut merupakan satu kajian yang ingin mengukur atau menilai sikap, persepsi dan pencapaian. Berikutan dengan kenyataan-kenyataan di atas iaitu Oppenheim (1966), Fink dan Kasecoff (1985) dan Wiesma (1995) pengkaji memilih

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kaedah tinjauan sebagai kaedah dalam kajian kerana kaedah ini bersesuaian dengan objektif kajian pengkaji.

3.3 Instrumen Kajian

Pemilihan ini dibuat setelah mengambil kira pendapat Oppenheim (1966) dan Tuckman (1978) yang menyatakan bahawa soal selidik merupakan satu bentuk instrumen yang berkesan bagi memperoleh maklumat daripada responden selain membuat pemerhatian. Melalui penggunaan instrumen ini, pengkaji akan memperolehi data kuantitatif di mana data ini dipercayai oleh ramai ahli akademik sebagai sumber utama dan terbaik. Kenyataan ini dipersetujui oleh Patton (1990) dalam buku yang bertajuk "*How to use quantitative method in evaluation"*. Beliau menegaskan bahawa penilaian kuantitatif penting kerana kaedah ini mampu memberikan maklumat lebih tepat berbanding penilaian secara kualitatif yang lebih subjektif.

Rae (1999) pula menyatakan bahawa banyak kelebihan jika pengkaji menggunakan instrumen soal selidik dalam kajian seperti melibatkan kos pengendalian yang rendah, sampel ramai dan bertaburan seluruh tempat, cepat, dapat menggunakan format yang konsisten, mudah dianalisa, mudah dikodkan ke komputer, mengelakkan daripada berlakunya berat sebelah dan juga mengelakkan "*time and motion syndrome".* Walaupun instrumen tersebut mempunyai banyak kebaikan, pengkaji tetap menyedari beberapa kelemahannya. Sebagai contoh, kelemahan yang timbul bagi kaedah soal selidik ialah peratus untuk mendapat kesemua responden

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sukar jika tiada susulan di buat pengkaji. Soal selidik perlu dibina dengan teliti, jelas, mudah difahami serta ringkas. Sehubungan dengan itu, peluang mendapat jawapan yang tidak tepat juga mungkin kurang berlaku kecuali responden tidak membaca soalan dengan baik.

Soal selidik ini diedarkan kepada pelajar-pelajar di sepuluh buah sekolah yang terpilih di negeri Kelantan. Penyelidik menyediakan soal selidik yang dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu bahagian A, B dan bahagian C. Bahagian A mengandungi soalan yang berkaitan dengan latar belakang responden iaitu pelajar manakala bahagian B mengandungi soalan-soalan yang berkaitan latar belakang koperasi sekolah yang dikaji dan bahagian C pula adalah soalan-soalan berkaitan dengan kajian yang dijalankan. Kandungan setiap bahagian adalah seperti berikut:-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(i) Bahagian A : Latar belakang pelajar

Dalam bahagian ini skala nominal digunakan dan jawapan perlu ditanda oleh responden. Bahagian ini mengandungi soalan latar belakang pelajar. Responden dikehendaki menandakan [/] pada kotak jawapan pilihan ataupun mengisi jawapan pada tempat yang disediakan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(ii) Bahagian B : Latar belakang koperasi sekolah

Bahagian ini mengandungi soalan latar belakang koperasi sekolah iaitu berkaitan dengan tahun penubuhan, bilangan Ahli Lembaga Koperasi (ALK) dan jenis perkhidmatan atau perniagaan yang dijalankan. Responden dikehendaki menulis jawapan pada ruangan yang disediakan.

(iii) Bahagian C : Item soal selidik

Skala Likert digunakan dalam bahagian C. Skala jenis ini digunakan kerana ianya dapat memberikan gambaran yang lebih tepat terhadap maklum balas responden. Soalan ini direka bentuk untuk meninjau penglibatan pelajar dalam koperasi sekolah. Soalan atau pernyataan dibahagikan kepada lima kategori iaitu berdasarkan persoalan kajian iaitu adakah penglibatan pelajar di koperasi sekolah dapat memupuk ciri-ciri keusahawanan di kalangan pelajar, pengetahuan pelajar dalam bidang keusahawanan, kemahiran pelajar dalam bidang keusahawanan, sikap pelajar terhadap bidang keusahawanan dan penglibatan pelajar dalam aktiviti keusahawanan di koperasi sekolah. Item-item yang terkandung di dalamnya disesuaikan daripada kajian Norhatta (2003) bagi item ciri-ciri keusahawanan, Susila (2006) bagi item pengetahuan keusahawanan, Norzarina (2006) bagi item penglibatan pelajar dalam bidang keusahawanan dan Robinson, et al. (1991) bagi item sikap keusahawanan pelajar. Pengkaji akan mengetahui sama ada pelajar memiliki atau tidak ciri-ciri keusahawanan seperti kreatif, berani mencuba, bersedia menghadapi risiko dan bertanggungjawab.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.1

Ciri-ciri Keusahawanan Mengikut Spesifikasi Item

Bil	Spesifikasi Item	No Item	Jumlah
1.	Kreatif	1, 2, 3	3
2.	Berani mencuba	4, 5, 6	3
3.	Bersedia menghadapi risiko	7, 8	2
4.	Bertanggungjawab	9, 10	2
	Jumlah		10

Jadual 3.1 di atas, menunjukkan item-item yang terlibat dalam ciri-ciri keusahawanan iaitu kreatif, berani mencuba, bersedia menghadapi risiko dan bertanggungjawab. Ciri kreatif merujuk kepada item nombor 1, 2 dan 3, item nombor 4, 5 dan 6 mengukur ciri berani mencuba. Bagi ciri bersedia menghadapi risiko pula item nombor 7 dan 8. Manakala item nombor 9 dan 10 merujuk kepada ciri bertanggungjawab. Penyediaan item-item soal selidik melibatkan dua unsur pernyataan iaitu pernyataan positif dan pernyataan berbentuk negatif. Tujuan utama unsur ini adalah untuk memberikan rangsangan secara berterusan dan membolehkan persembahan soalan tidak bersifat mendatar yang boleh membosankan responden.

Jadual 3.2

Pengetahuan Keusahawanan Mengikut Spesifikasi Item

Bil	Spesifikasi Item	No Item	Jumlah
1.	Maksud usahawan	11	1
2.	Maksud peniaga	12	1
3.	Ciri-ciri usahawan	13	1
4.	Peranan usahawan	14	1
5.	Perbezaan antara peniaga dan usahawan	15	1
6.	Kelebihan menjadi usahawan	16	1
7.	Risiko-risiko keusahawanan	17	1

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.2 (Sambungan)

Bil	Spesifikasi Item	No Item	Jumlah
8.	Jenis-jenis pemilikan perniagaan	18	1
9.	Dokumen-dokumen perniagaan	19	1
10.	Sumber-sumber modal kewangan	20	1
	Jumlah		10

Jadual 3.2 di atas, menunjukkan pengetahuan pelajar dalam bidang keusahawanan meliputi maksud usahawan, maksud peniaga, ciri-ciri usahawan, peranan usahawan, perbezaan antara peniaga dan usahawan, kelebihan menjadi usahawan, risiko-risiko keusahawanan, jenis-jenis pemilikan perniagaan, dokumen-dokumen perniagaan dan sumber-sumber modal kewangan. Setiap item mewakili satu soalan sahaja.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.3

Kemahiran Keusahawanan Mengikut Spesifikasi Item

Bil	Spesifikasi Item	No Item	Jumlah
1.	Kemahiran dalam pasaran	21, 22, 23, 24	4
2.	Kemahiran dalam kewangan	25, 26, 27	3
3.	Kemahiran dalam pengurusan perniagaan	28, 29, 30	3
	Jumlah		10

Bagi menilai kemahiran pelajar dalam bidang keusahawanan ianya dibahagikan kepada tiga aspek yang utama iaitu kemahiran dalam pasaran, kemahiran dalam kewangan dan kemahiran dalam pengurusan perniagaan. Item-item tersebut ditunjukkan dalam jadual 3.3. Item nombor 21, 22, 23 dan 24. Manakala kemahiran dalam kewangan merujuk kepada item nombor 25, 26 dan 27. Kemahiran dalam pengurusan perniagaan pula adalah merujuk kepada item nombor 28, 29 dan 30.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.4

Sikap Keusahawanan Mengikut Spesifikasi Item

Bil	Spesifikasi Item	No Item	Jumlah
1.	Keinginan untuk cemerlang	31, 32, 33	3
2.	Kesungguhan untuk berniaga	34, 35, 36	3
3.	Kawalan dalam diri yang tinggi	37, 38	2
4.	Inovatif	39, 40	2
	Jumlah		10

Sikap pelajar dalam bidang keusahawanan pula dibahagikan kepada empat aspek yang utama iaitu keinginan untuk cemerlang, kesungguhan untuk berniaga, kawalan dalam diri yang tinggi dan sikap inovatif. Berdasarkan jadual 3.4 di atas, item-item yang terlibat dengan sikap keinginan untuk cemerlang merujuk kepada item nombor 31, 32 dan 33, kesungguhan untuk berniaga item nombor 34, 35 dan 36, kawalan dalam diri yang tinggi item nombor 37 dan 38 manakala sikap inovatif merujuk kepada item nombor 39 dan 40.

Bagi menguji penglibatan pelajar dalam aktiviti di koperasi sekolah sebanyak sepuluh soalan telah dibentuk dan soalan berkaitan dengan penglibatan pelajar adalah merujuk kepada item soalan nombor 41 hingga 50.

Setiap kategori mengandungi beberapa soalan dan pernyataan yang berkaitan dengan objektif kajian. Pembahagian item mengikut objektif kajian adalah seperti dalam jadual berikut:-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.5

Pembahagian Item Mengikut Objektif Kajian

Bahagian	Objektif Kajian	Nombor Item	Bilangan Item
A	Latar belakang responden	1-12	12
B	Latar belakang koperasi sekolah	13-17	5
C	1. Ciri-ciri keusahawanan	1-10	10
	2. Pengetahuan dalam bidang keusahawanan	11-20	10
	3. Kemahiran dalam bidang keusahawanan	21-30	10
	4. Sikap pelajar terhadap bidang keusahawanan	31-40	10
	5. Penglibatan pelajar dalam aktiviti keusahawanan	41-50	10
	Jumlah		67

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan jadual 3.5 di atas, menunjukkan pembahagian item mengikut objektif kajian. Dalam kajian ini, sebanyak 67 soalan telah disediakan. Jawapan kepada soal selidik dalam bahagian C adalah berbentuk skala Likert seperti jadual 3.6.

Jadual 3.6

Skala Likert

Peringkat	Singkatan	Skor
Sangat tidak setuju	STS	1
Tidak setuju	TS	2
Tidak pasti	TP	3
Setuju	S	4
Sangat setuju	SS	5

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4 Populasi Dan Sampel Kajian

Pemilihan sekolah bagi kajian ini adalah berdasarkan cadangan daripada pihak ANGKASA dan terdapat 15 buah sekolah menengah telah disenaraikan sebagai koperasi sekolah terbaik di seluruh negeri Kelantan tahun 2009. Populasi kajian adalah terdiri daripada pelajar-pelajar yang memegang jawatan Ahli Lembaga Koperasi iaitu seramai 225 orang pelajar. Pemilihan ini adalah kerana Ahli Lembaga Koperasi merupakan pelajar yang melibatkan diri secara langsung dalam pengendalian aktiviti di koperasi sekolah.

Mengenali sampel kajian adalah penting dalam menjalankan penyelidikan pendidikan untuk menentukan bidang masalah yang perlu dikaji serta berapa banyak data-data dan maklumat yang perlu dikumpulkan. Selain itu, sampel juga menentukan masa, tenaga dan kos perbelanjaan yang dikeluarkan untuk melaksanakan penyelidikan. Menurut Krejcie dan Morgan (1970) jika populasi seramai 230 orang, saiz sampelnya ialah tidak kurang daripada 140 orang. Namun dalam kajian ini saiz sampel yang digunakan ialah seramai 150 orang yang terdiri daripada pelajar-pelajar yang dilantik sebagai Ahli Lembaga Koperasi di 10 buah sekolah yang terpilih.

Pengkaji telah menggunakan persampelan ‘purposive’ atau bertujuan. Menurut Sidek (2002) tujuan persampelan ini ialah untuk memenuhi tujuan kajian yang tidak mungkin diperolehi jika menggunakan teknik persampelan yang lain. Persampelan jenis ini juga membolehkan pengkaji menggunakan pertimbangannya sendiri untuk memilih responden dan hanya memilih responden yang paling sesuai dengan tujuan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kajian. Jadual 3.7 di bawah memaparkan taburan saiz sampel responden mengikut sekolah yang dikaji.

Jadual 3.7

Jumlah Persampelan Mengikut Sekolah

Bil	Nama Sekolah	Jumlah
1.	Maktab Rendah Sains Mara Pengkalan Chepa	15
2.	Sekolah Menengah Kebangsaan Kota	15
3.	Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Ibrahim (1)	15
4.	Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Mahmud Paduka Raja	15
5.	Sekolah Menengah Kebangsaan Wakaf Bharu	15
6.	Sekolah Menengah Sultan Yahya Petra	15
7.	Sekolah Menengah Dato' Ahmad Maher	15
8.	Sekolah Menengah Teknik Bachok	15
9.	Sekolah Menengah Kebangsaan Berangan	15
10.	Sekolah Menengah Kebangsaan Hamzah	15
	Jumlah	150

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.5 Kajian Rintis

Kajian rintis telah dijalankan dengan menggunakan subjek kajian yang terdiri daripada 30 orang pelajar yang pernah memegang jawatan sebagai Ahli Lembaga Koperasi. Kajian ini telah dijalankan di Sekolah Menengah Kebangsaan Kota. Kajian rintis merupakan satu kaedah yang digunakan untuk menilai kesahan serta kebolehpercayaan soalan-soalan yang dikemukakan iaitu sebelum kajian sebenar dijalankan. Selain itu, ia juga bertujuan untuk mengetahui sejauh mana responden memahami item yang dikemukakan. Ini bertujuan supaya penyelidik dapat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menjadikannya sebagai panduan memperbaiki soalan-soalan yang dikemukakan sebelum kajian sebenar dijalankan.

Pengkaji telah mengedarkan soal selidik kepada pelajar-pelajar yang terlibat dan terus mengambil semula pada hari yang sama. Pengkaji turut menguji kesahan soal selidik yang dijalankan untuk mengetahui ciri-ciri, pengetahuan, kemahiran dan sikap pelajar dalam bidang keusahawanan serta penglibatan pelajar dalam aktiviti keusahawanan di koperasi sekolah. Dapatan kajian rintis mendapati tahap kebolehpercayaan menggunakan analisis *Cronbach alpha* pada paras σ = 0.882 iaitu melebihi tahap minima kebolehpercayaan 0.7 di mana menurut McMillan dan Schumachor (2006) dalam Siti Soleha (2009) yang meletakkan nilai koofesien antara 0.7 hingga 0.8 sudah boleh dianggap sebagai mempunyai kebolehpercayaan yang agak tinggi. Manakala menurut Sekaran (1992) menyatakan kebolehpercayaan kurang daripada 0.60 adalah pada umumnya dikatakan sebagai lemah, di antara 0.70 dikatakan boleh diterima dan yang melebihi 0.80 adalah baik. Oleh kerana tahap kebolehpercayaan bagi setiap item adalah tinggi maka pengkaji tidak membuat sebarang perubahan kepada soal selidik dan soalan tersebut telah digunakan untuk menjalankan kajian sebenar. Jadual 3.8 di bawah menunjukkan nilai *alpha Cronbach* bagi dimensi yang diukur.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.8

Nilai Pekali Kebolehpercayaan *Alpha Cronbach* Bagi Setiap Item

Item	Nilai *Alpha Cronbach*
Ciri-ciri keusahawanan	0.723
Pengetahuan pelajar dalam bidang keusahawanan	0.727
Kemahiran pelajar dalam bidang keusahawanan	0.890
Sikap pelajar dalam bidang keusahawanan	0.747
Penglibatan pelajar dalam aktiviti keusahawanan	0.846
Keseluruhan item	0.882

3.6 Prosedur Pengumpulan Data

Untuk mengumpul data, pengkaji terlebih dahulu perlu mendapat kebenaran daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan (EPRD) Kementerian Pelajaran Malaysia. Setelah mendapat surat kebenaran daripada EPRD, pengkaji seterusnya menghantar surat kepada Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) negeri Kelantan bagi memohon kebenaran menjalankan kajian di sepuluh buah sekolah di negeri tersebut.

Proses pengumpulan data dalam kajian ini dilakukan pada Januari hingga Mac 2011. Sebanyak 150 set soal selidik telah diedarkan kepada para pelajar dan pengkaji mengutip terus soal selidik yang diedarkan. Kesemua soal selidik telah dikembalikan. Walau bagaimanapun tidak kesemua set soal selidik yang dikembalikan dijawab dengan lengkap. Menurut Cohen dan Manion (1994), kadar pulangan soal selidik antara 70 peratus hingga 80 peratus adalah mencukupi. Justeru, kadar pulangan soal selidik adalah tinggi dan menepati sasaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.7 Prosedur Analisis Data

Penganalisis data adalah satu bahagian yang penting dalam sesuatu kajian. Data-data yang diperolehi dari soal selidik merupakan bahan mentah yang perlu diproses atau dianalisis untuk mendapatkan hasil penyelidikan. Pemprosesan data ini merupakan suatu teknik untuk mengumpul, mengolah, menganalisis, menyimpan dan mengeluarkan data. Proses ini adalah bertujuan untuk mendapatkan maklumat yang berguna dan bermakna hasil daripada kajian yang dijalankan.

Justeru itu, data-data mentah yang diperolehi melalui soal selidik akan diproses dengan menggunakan perisian *Statistic Package for the Social Science* (SPSS) versi 16.0. Penyelidik akan menggunakan statistik deskriptif dan statistik inferensi untuk menghuraikan ciri-ciri pembolehubah dan menghuraikan perhubungan antara pembolehubah-pembolehubah. Analisis statistik deskriptif digunakan untuk menghuraikan secara menyeluruh tentang subjek kajian seperti jantina, bangsa dan latar belakang keluarga. Statistik deskriptif yang digunakan ialah dalam bentuk min, peratusan dan sisihan piawai. Analisis statistik inferensi pula digunakan untuk melihat perhubungan yang wujud antara dua pembolehubah yang dikaji iaitu pembolehubah tak bersandar dan pembolehubah bersandar. Statistik inferensi yang digunakan ialah Ujian-t, ANOVA, Korelasi Pearson dan Regresi.

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan analisis kolerasi dan paras signifikan ditentukan pada aras 0.05 untuk menolak atau menerima hipotesis nul. Pekali korelasi Pearson ‘r’ digunakan untuk melihat hubungan antara ciri-ciri keusahawanan, pengetahuan, kemahiran dan sikap pelajar dalam bidang keusahawanan dengan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penglibatan pelajar dalam aktiviti keusahawanan di koperasi sekolah. Pekali korelasi digunakan untuk menentukan keteguhan atau kekuatan hubungan antara dua pembolehubah-pembolehubah yang dikaji. Hubungan antara pembolehubah boleh diukur melalui pekali korelasi yang mengandungi dua elemen iaitu tanda dan nilai pekali. Tanda positif menunjukkan hubungan terus antara dua pembolehubah. Manakala tanda negatif pula menunjukkan hubungan yang songsang antara pembolehubah. Nilai pekali 1 atau menghampiri 1 menunjukkan hubungan yang kuat antara dua pembolehubah, manakala nilai pekali 0 atau mendekati 0 menunjukkan tiada hubungan atau hubungan yang lemah. Pengkelasan tafsiran korelasi ditunjukkan dalam jadual 3.9 seperti berikut:-

Jadual 3.9

Pengkelasan Tafsiran Pekali Korelasi

Nilai	Kekuatan
0.01 – 0.09	Boleh diabaikan
0.10 – 0.29	Hubungan lemah
0.30 – 0.49	Hubungan yang sederhana
0.50 – 0.69	Hubungan yang kuat
0.70 – 0.99	Hubungan yang sangat kuat
1.00	Hubungan yang sempurna

Sumber : Davies (1971)

Ujian-t pula digunakan untuk menguji perbezaan min antara dua kumpulan jantina iaitu lelaki dan perempuan. Jika didapati perbezaan min dan sisihan piawai salah satu kumpulan adalah lebih besar dan signifikan pada aras $p < 0.05$ maka wujud perbezaan sebenar antara dua kumpulan tersebut. Bagi menguji perbezaan antara tiga

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kumpulan pula ujian ANOVA digunakan, iaitu untuk menguji perbezaan min dan sisihan piawai bagi aliran pengajian pelajar.

3.8 Rumusan

Secara keseluruhannya bab ini telah menyentuh secara terperinci teknik dan kaedah yang digunakan oleh penyelidik di dalam memperolehi maklumat dan menganalisis data. Teknik pengumpulan data yang betul, penggunaan instrumen yang tepat sebelum penganalisisan data dijalankan adalah satu elemen terpenting dalam menentukan kejayaan, ketepatan dan kebolehpercayaan terhadap sesuatu kajian yang dihasilkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB IV

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Bab ini akan mengemukakan secara khusus tentang dapatan kajian setelah semua data yang diperoleh berdasarkan maklumat dari soal selidik kajian yang telah diedarkan di kalangan pelajar-pelajar yang terdiri daripada Ahli Lembaga Koperasi di sepuluh buah sekolah menengah yang terpilih di negeri Kelantan, dikumpulkan dan dianalisis menggunakan tata cara penganalisisan yang dinyatakan dalam bab yang terdahulu. Terdapat empat bahagian hasil penganalisisan data yang akan dihuraikan dalam bab ini.

Bahagian pertama menjelaskan profil demografi responden. Profil responden adalah berdasarkan data deskriptif yang melibatkan penggunaan frekuensi dan peratusan. Data profil responden meliputi taburan jantina, bangsa, aliran pengajian,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

umur, pekerjaan bapa atau penjaga, pekerjaan ibu atau penjaga, cita-cita, pengalaman berniaga dan pengalaman menjadi Ahli Lembaga Koperasi.

Bahagian kedua menerangkan latar belakang koperasi sekolah. Latar belakang koperasi sekolah adalah berdasarkan data deskriptif yang melibatkan penggunaan peratusan. Terdapat sepuluh buah sekolah yang di kaji yang terdiri daripada sekolah menengah harian yang tiada asrama, sekolah menengah harian yang mempunyai asrama dan sekolah berasrama penuh. Data tersebut meliputi aktiviti-aktiviti yang dijalankan di koperasi sekolah sama ada berbentuk ekonomi atau berbentuk sosial.

Bahagian ketiga merupakan analisis deskriptif yang menggunakan min dan sisihan piawai untuk memperihalkan ciri-ciri keusahawanan, pengetahuan pelajar dalam bidang keusahawanan, kemahiran pelajar dalam bidang keusahawanan, sikap pelajar dalam bidang keusahawanan dan penglibatan pelajar dalam aktiviti keusahawanan di koperasi sekolah.

Bahagian keempat pula mengemukakan hasil dapatan Ujian-t, ANOVA satu hala, ujian Korelasi dan Regresi berganda terhadap empat hipotesis nul kajian terhadap pembolehubah-pembolehubah yang telah ditetapkan.

4.2 Analisis Latar Belakang Responden

Bahagian A soal selidik kajian berkaitan dengan demografi responden kajian. Maklumat seperti jantina, bangsa, aliran pengajian, umur, pekerjaan bapa atau

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penjaga, pekerjaan ibu atau penjaga, cita-cita, pengalaman berniaga dan pengalaman menjadi Ahli Lembaga Koperasi terkandung dalam bahagian ini. Berdasarkan populasi kajian bilangan sampel yang dicadangkan ialah 150 orang. Semua soal selidik telah dijawab dengan lengkap dan telah diterima dari responden.

4.2.1 Jantina Responden

Jadual 4.1

Taburan Kekerapan Dan Peratusan Responden Mengikut Jantina

Jantina	Kekerapan	Peratus (%)
Lelaki	48	32.0
Perempuan	102	68.0
Jumlah	150	100.0

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.1 di atas, memaparkan taburan jantina responden. Dapatan menunjukkan 48 orang pelajar iaitu 32% adalah terdiri daripada responden lelaki. Manakala 102 orang pelajar iaitu 68% adalah responden perempuan. Ini menunjukkan pelajar perempuan lebih ramai menjadi Ahli Lembaga Koperasi di koperasi sekolah berbanding dengan pelajar lelaki.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.2 Bangsa Responden

Jadual 4.2

Taburan Kekerapan Dan Peratusan Responden Mengikut Bangsa

Bangsa	Kekerapan	Peratus (%)
Melayu	144	96.0
Cina	6	4.0
India	0	0
Lain-lain	0	0
Jumlah	150	100

Berdasarkan jadual 4.2, menunjukkan taburan kekerapan dan peratusan responden mengikut bangsa. Majoriti responden adalah berbangsa Melayu iaitu 144 orang (96%) dan bangsa Cina 6 orang (4%). Manakala bangsa India dan lain-lain bangsa adalah tiada. Ini adalah disebabkan majoriti para pelajar bagi setiap sekolah yang dikaji adalah berbangsa Melayu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.3 Aliran Pengajian Responden

Jadual 4.3

Taburan Kekerapan Dan Peratusan Responden Mengikut Aliran Pengajian

Aliran Pengajian	Kekerapan	Peratus (%)
Sains	68	45.3
Sastera Ikhtisas	61	40.7
Lain-lain	21	14.0
Jumlah	150	100

Aliran pengajian responden dibahagikan kepada tiga jenis iaitu aliran sains, sastera ikhtisas dan lain-lain. Berdasarkan jadual 4.3 di atas, dapatan kajian mendapati

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kebanyakan responden adalah daripada aliran sains iaitu 68 orang (45.3%), diikuti aliran sastera ikhtisas 61 orang (40.7%). Manakala lain-lain aliran ialah sebanyak 21 orang (14%).

4.2.4 Umur

Jadual 4.4

Taburan Kekerapan Dan Peratusan Responden Mengikut Umur

Umur	Kekerapan	Peratus (%)
13	0	0
14	5	3.3
15	19	12.7
16	32	21.3
17	94	62.7
Jumlah	150	100

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan jadual 4.4 di atas, majoriti responden terdiri daripada pelajar tingkatan lima iaitu sebanyak 94 orang (62.7%) dan diikuti oleh pelajar tingkatan empat sebanyak 32 orang (21.3%). Sementara itu, bilangan responden bagi tingkatan tiga ialah sebanyak 19 orang (12.7%) dan tingkatan dua ialah 5 orang (3.3%).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.5 Pekerjaan Bapa Atau Penjaga

Jadual 4.5

Taburan Kekerapan Dan Peratusan Responden Mengikut Pekerjaan Bapa Atau Penjaga

Pekerjaan Bapa Atau Penjaga	Kekerapan	Peratus (%)
Bekerja dengan kerajaan	55	36.7
Bekerja dengan syarikat swasta	26	17.3
Berniaga	41	27.3
Bersara	27	18.0
Jumlah	150	100.0

Berdasarkan jadual 4.5 di atas, menunjukkan jenis-jenis pekerjaan ibu bapa atau penjaga responden. Kebanyakan bapa atau penjaga responden adalah bekerja dengan kerajaan iaitu 55 orang (36.7%) diikuti dengan pekerjaan berniaga seramai 41 orang (27.3%). Bilangan bapa atau penjaga responden yang telah bersara adalah 27 orang (18%) dan bekerja dengan syarikat swasta ialah seramai 26 orang (17.3%).

4.2.6 Pekerjaan Ibu Atau Penjaga

Jadual 4.6

Taburan Kekerapan Dan Peratusan Responden Mengikut Pekerjaan Ibu Atau Penjaga

Pekerjaan Ibu Atau Penjaga	Kekerapan	Peratus (%)
Bekerja dengan kerajaan	40	26.7
Bekerja dengan syarikat swasta	10	6.7
Berniaga	10	6.7
Bersara	2	1.3
Suri rumah	88	58.7
Jumlah	150	100.0

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan jadual 4.6 di atas, menunjukkan pekerjaan ibu atau penjaga responden. Majoritinya adalah bekerja sebagai suri rumah tangga iaitu 88 orang (58.7%), 40 orang (26.7%) bekerja dengan kerajaan dan dikuti dengan bekerja dengan syarikat swasta 10 orang (6.7%). Manakala 10 orang (6.7%) bekerja sebagai peniaga dan hanya sebilangan kecil sahaja iaitu 2 orang (1.3%) telah bersara.

4.2.7 Cita-cita Responden

Jadual 4.7

Taburan Kekerapan Dan Peratusan Responden Mengikut Cita-cita

Cita-cita	Kekerapan	Peratus (%)
Bekerja dengan kerajaan	104	69.3
Bekerja dengan syarikat swasta	16	10.7
Berniaga	30	20.0
Jumlah	150	100.0

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan jadual 4.7 di atas, hasil kajian mendapati 104 orang (69.3%) responden menyatakan mereka mempunyai cita-cita untuk bekerja dengan kerajaan dan responden berminat dan bercita-cita bekerja sebagai peniaga ialah sebanyak 30 orang (20%) dan pilihan terakhir sekali ialah bekerja dengan syarikat swasta iaitu 16 orang (10.7%).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.8 Pengalaman Berniaga

Jadual 4.8

Taburan Kekerapan Dan Peratusan Responden Mengikut Pengalaman Berniaga

Pengalaman Berniaga	Kekerapan	Peratus (%)
Ada	102	68.0
Tiada	48	32.0
Jumlah	150	100.0

Hasil dapatan dari segi pengalaman berniaga pula menunjukkan 102 orang (68%) responden bersetuju menyatakan mereka mempunyai pengalaman berniaga dan hanya 48 orang (32%) responden tidak mempunyai pengalaman dalam bidang perniagaan. Ini bermakna kebanyakan pelajar yang memegang jawatan sebagai Ahli Lembaga Koperasi di koperasi sekolah telah mempunyai pengalaman berniaga.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.9 Pengalaman Menjadi Ahli Lembaga Koperasi

Jadual 4.9

Pengalaman Menjadi Ahli Lembaga Koperasi

Bilangan Tahun	Kekerapan	Peratus (%)
1-2 tahun	131	87.3
3-4 tahun	11	7.3
5-6 tahun	8	5.3
Jumlah	150	100

Berdasarkan jadual 4.9 di atas, menunjukkan pengalaman responden memegang jawatan sebagai Ahli Lembaga Koperasi. Kebanyakan pelajar memegang jawatan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tersebut dalam tempoh masa 1 hingga 2 tahun menunjukkan peratusan yang paling tinggi iaitu 131 orang (87.3%). Namun terdapat juga pelajar yang mempunyai pengalaman menjadi Ahli Lembaga Koperasi selama 3 hingga 4 tahun iaitu seramai 11 orang (7.3%) manakala 8 orang (5.3%) mempunyai pengalaman selama 5 hingga 6 tahun.

4.2.10 Anugerah Koperasi Cemerlang

Jadual 4.10

Anugerah Koperasi Cemerlang

Nama Sekolah	Pernah Memenangi Anugerah	Tidak Pernah Memenangi Anugerah
MRSM Pengkalan Chepa	/	
SMK Kota	/	
SMK Sultan Ibrahim (1)	/	
SMK Dato'Mahmud Paduka Raja (1)	/	
SMK Wakaf Bharu	/	
Sekolah Menengah Sultan Yahya Petra	/	
Sekolah Menengah Dato' Ahmad Maher	/	
Sekolah Menengah Teknik Bachok	/	
Sekolah Menengah Kebangsaan Berangan	/	
Sekolah Menengah Kebangsaan Hamzah	/	

Berdasarkan jadual 4.10 di atas, menunjukkan sepuluh buah sekolah yang pernah memenangi anugerah koperasi cemerlang iaitu Maktab Rendah Sains Mara Pengkalan Chepa, Sekolah Menengah Kebangsaan Kota, Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Ibrahim (1), Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Mahmud Paduka Raja (1),

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sekolah Menengah Kebangsaan Wakaf Bharu, Sekolah Menengah Sultan Yahya Petra, Sekolah Menengah Dato' Ahmad Maher, Sekolah Menengah Teknik Bachok, Sekolah Menengah Kebangsaan Berangan dan Sekolah Menengah Kebangsaan Hamzah.

4.3 Analisis Aktiviti Koperasi Sekolah

Bahagian B soal selidik kajian berkaitan dengan latar belakang koperasi sekolah iaitu tahun penubuhan koperasi, bilangan Ahli Lembaga Koperasi guru dan pelajar serta aktiviti koperasi sekolah. Berikut adalah dapatan kajian berkaitan dengan aktiviti koperasi sekolah di 10 buah sekolah di negeri Kelantan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.1 Tahun Penubuhan Koperasi Sekolah

Jadual 4.11

Tahun Penubuhan Koperasi Sekolah

Nama Sekolah	Tahun Penubuhan Koperasi
MRSM Pengkalan Chepa	1980
SMK Kota	1987
SMK Sultan Ibrahim (1)	1985
SMK Dato'Mahmud Paduka Raja (1)	1985
SMK Wakaf Bharu	1985
Sekolah Menengah Sultan Yahya Petra	1986
Sekolah Menengah Dato' Ahmad Maher	1980
Sekolah Menengah Teknik Bachok	1986
Sekolah Menengah Kebangsaan Berangan	1981
Sekolah Menengah Kebangsaan Hamzah	1982

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan keputusan ujian korelasi dalan jadual 4.45 di atas menunjukkan pekali korelasi r = 0.242, p = 0.003. Korelasi adalah signifikan iaitu p < 0.05. Dapatan ini menunjukkan hubungan yang lemah antara pemupukan ciri-ciri keusahawanan dengan penglibatan pelajar dalam aktiviti di koperasi sekolah. Oleh itu hipotesis Ho1 yang menyatakan tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara pemupukan ciri-ciri keusahawanan dengan penglibatan pelajar dalam aktiviti di koperasi sekolah adalah di tolak. Ini menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara pemupukan ciri-ciri keusahawanan dengan penglibatan pelajar dalam aktiviti di koperasi sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ho2 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara pengetahuan pelajar mengenai keusahawanan dengan penglibatan pelajar dalam aktiviti di koperasi sekolah

Berdasarkan keputusan ujian korelasi dalan jadual 4.45 di atas menunjukkan pekali korelasi r = 0.156, p = 0.056. Korelasi adalah tidak signifikan iaitu p > 0.05. Dapatan ini menunjukkan hubungan yang lemah antara pengetahuan pelajar mengenai keusahawanan dengan penglibatan pelajar dalam aktiviti di koperasi sekolah. Oleh itu hipotesis Ho2 yang menyatakan tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara pengetahuan pelajar mengenai keusahawanan dengan penglibatan pelajar dalam aktiviti di koperasi sekolah adalah diterima. Ini menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara pengetahuan pelajar mengenai keusahawanan dengan penglibatan pelajar dalam aktiviti di koperasi sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ho3 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara kemahiran pelajar mengenai keusahawanan dengan penglibatan pelajar dalam aktiviti di koperasi sekolah

Berdasarkan keputusan ujian korelasi dalan jadual 4.45, menunjukkan pekali korelasi r = 0.214, p = 0.009. Korelasi adalah signifikan iaitu p < 0.05. Dapatan ini menunjukkan hubungan yang lemah antara kemahiran pelajar mengenai keusahawanan dengan penglibatan pelajar dalam aktiviti di koperasi sekolah. Oleh itu hipotesis Ho3 yang menyatakan tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara kemahiran pelajar mengenai keusahawanan dengan penglibatan pelajar dalam aktiviti di koperasi sekolah adalah di tolak. Ini menunjukkan terdapat hubungan yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

signifikan di antara kemahiran pelajar mengenai keusahawanan dengan penglibatan pelajar dalam aktiviti di koperasi sekolah.

Ho4 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara sikap pelajar terhadap keusahawanan dengan penglibatan pelajar dalam aktiviti di koperasi sekolah

Berdasarkan keputusan ujian korelasi dalan jadual 4.45 di atas menunjukkan pekali korelasi $r = 0.214$, $p = 0.009$. Korelasi adalah signifikan iaitu $p < 0.05$. Dapatan ini menunjukkan hubungan yang lemah di antara sikap pelajar terhadap keusahawanan dengan penglibatan pelajar dalam aktiviti di koperasi sekolah. Oleh itu hipotesis Ho4 yang menyatakan tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara sikap pelajar terhadap keusahawanan dengan penglibatan pelajar dalam aktiviti di koperasi sekolah adalah di tolak. Ini menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara sikap pelajar terhadap keusahawanan dengan penglibatan pelajar dalam aktiviti di koperasi sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.5.4 Ringkasan Keputusan Analisis Ujian Korelasi Terhadap Hipotesis Nul Kajian

Jadual 4.46

Ringkasan Keputusan Analisis Ujian Korelasi Terhadap Hipotesis Nul Kajian

		Hipotesis	Keputusan Ujian
Ho1	:	Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara pemupukan nilai-nilai keusahawanan dengan penglibatan pelajar dalam aktiviti di koperasi sekolah	Ditolak
Ho2	:	Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara pengetahuan pelajar mengenai keusahawanan dengan penglibatan pelajar dalam aktiviti di koperasi sekolah	Diterima
Ho3	:	Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara kemahiran pelajar mengenai keusahawanan dengan penglibatan pelajar dalam aktiviti di koperasi sekolah	Ditolak
Ho4	:	Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara sikap pelajar terhadap keusahawanan dengan penglibatan pelajar dalam aktiviti di koperasi sekolah	Ditolak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.6 Keputusan Analisis Ujian Regresi

Jadual 4.47

Keputusan Analisis Ujian Regresi

Pembolehubah tak bersandar	Beta	Signifikan
Ciri-ciri keusahawanan	0.242	0.003
Pengetahuan keusahawanan	0.114	0.160
Kemahiran keusahawanan	0.124	0.176
Sikap keusahawanan	0.000	1.000

Rajah 4.47 di atas menunjukkan sumbangan keempat-empat pembolehubah tak bersandar seperti ciri-ciri keusahawanan, pengetahuan keusahawanan, kemahiran keusahawanan dan sikap pelajar dalam bidang keusahawanan. Berdasarkan dapatan kajian menunjukkan ciri-ciri keusahawanan telah menyumbang sebanyak 24.2% kepada pembolehubah bersandar iaitu penglibatan pelajar dalam aktiviti keusahawanan di koperasi sekolah. Manakala pembolehubah kemahiran keusahawanan menyumbang 12.4% dan pengetahuan keusahawanan sebanyak 11.4%. Sikap pelajar dalam bidang keusahawanan tidak menyumbang langsung kepada penglibatan pelajar dalam aktiviti keusahawanan di koperasi sekolah. Dapatan kajian juga menunjukkan 52.0% sumbangan kepada penglibatan pelajar kemungkinan adalah disebabkan oleh faktor-faktor yang lain seperti galakan daripada guru, sokongan daripada pentadbir sekolah dan sebagainya.

Ujian regresi digunakan untuk mengenalpasti perubahan dalam dua atau lebih faktor pembolehubah tak bersandar yang menyumbang kepada perubahan dalam satu pembolehubah bersandar. Persamaan regresi adalah seperti di bawah:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

$$\hat{Y} = b_1 X_1 + b_2 X_2 + \ldots\ldots b_K X_K + a$$

Dimana:

- b merupakan pekali regresi untuk setiap pembolehubah peramal
- a ialah pemalar regresi

Dalam Regresi pelbagai, pembolehubah tak bersandar (X) dinamakan pembolehubah peramal, manakala pembolehubah bersandar ialah penglibatan pelajar dalam aktiviti di koperasi sekolah ($\hat{Y}$) dinamakan sebagai pembolehubah kriterion. Skor pembolehubah kriterion diramal dengan menggunakan k iaitu pembolehubah peramal (X_1, X_2…dan X_K) dimana $K \geq 2$. Dengan menggunakan regresi pelbagai, pengkaji dapat mengesan pembolehubah tak bersandar yang mana menyumbang kepada penglibatan pelajar dalam aktiviti di koperasi sekolah. Dalam kajian ini terdapat empat pembolehubah tak bersandar iaitu pemupukan ciri-ciri keusahawanan, pengetahuan mengenai keusahawanan, kemahiran mengenai keusahawanan dan sikap terhadap keusahawanan. Manakala terdapat hanya satu pembolehubah kriterion iaitu penglibatan pelajar dalam aktiviti di koperasi sekolah.

4.7 Rumusan

Hasil daripada analisis data yang dilakukan, menunjukkan bahawa koperasi sekolah mampu mendidik pelajar dalam menerapkan ciri-ciri keusahawanan, menambahkan pengetahuan, kemahiran dan sikap pelajar terhadap bidang keusahawanan. Berdasarkan dapatan yang diperolehi menerusi analisis deskriptif dan inferensi, ciri-ciri keusahawanan, pengetahuan keusahawanan dan penglibatan pelajar dalam bidang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

keusahawanan adalah berada pada tahap yang tinggi manakala kemahiran pelajar dan sikap pelajar dalam bidang keusahawanan adalah berada pada tahap yang sederhana tinggi. Hasil kajian juga menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara pemupukan ciri-ciri keusahawanan, kemahiran pelajar mengenai keusahawanan dan sikap pelajar mengenai keusahawanan dengan penglibatan pelajar dalam aktiviti di koperasi sekolah. Namun tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan pelajar terhadap keusahawanan dengan penglibatan pelajar dalam aktiviti di koperasi sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB V

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.1 Pengenalan

Bab ini mengandungi lima bahagian iaitu perbincangan dapatan kajian, kesimpulan dapatan kajian, cadangan kajian bagi meningkatkan lagi penglibatan pelajar dan cadangan kajian lanjutan. Dalam bahagian perbincangan dapatan kajian menyatakan semula dapatan kajian mengikut urutan persoalan kajian dan seterusnya membincangkan sama ada dapatan ini menyokong atau tidak dapatan kajian-kajian lepas. Seterusnya dibincangkan kesimpulan dapatan kajian dan pengkaji akan membuat perbincangan dan rumusan berdasarkaan kepada hasil dapatan kajian yang diperolehi dalam bab IV. Berdasarkan hasil kajian tersebut, pengkaji akan membuat beberapa cadangan untuk memperbaiki dan meningkatkan penglibatan pelajar dalam aktiviti keusahawanan di koperasi sekolah. Akhir sekali bahagian cadangan kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

lanjutan, pengkaji akan mengutarakan cadangan lanjutan yang sesuai dijalankan pada masa akan datang.

5.2 Perbincangan Dapatan Kajian

5.2.1 Latar Belakang Responden

Jumlah responden dalam kajian ini ialah seramai 150 orang yang terdiri daripada 102 orang pelajar perempuan (68%) dan 48 orang pelajar lelaki (32%). Hal ini jelas menunjukkan bahawa penglibatan pelajar perempuan dalam koperasi sekolah adalah lebih ramai berbanding dengan pelajar lelaki. Dapatan ini menyokong kajian oleh Halimahtun Nursaedah (2004) yang mendapati 100 orang (55.6%) adalah di kalangan pelajar perempuan manakala 80 orang (44.4%) responden yang terlibat adalah di kalangan pelajar lelaki. Kajian tersebut turut disokong oleh Asmawati (2002) yang menjalankan kajian ke atas ahli jawatankuasa koperasi sekolah yang terdiri daripada majoritinya ialah di kalangan pelajar perempuan iaitu 72.5% manakala pelajar lelaki yang terlibat ialah hanya 27.5% sahaja. Zaidatol, et al. (2002) turut mendapati jumlah pelajar yang terlibat dalam kajian majoritinya ialah pelajar perempuan iaitu 901 orang (67%) manakala 426 orang (32%) adalah pelajar lelaki.

Hasil kajian mendapati majoriti pelajar yang terlibat dengan koperasi sekolah adalah terdiri daripada pelajar di tingkatan lima iaitu sebanyak 94 orang (62.7%). Keputusan ini selaras dengan dapatan kajian oleh Mc Lure (1990) yang menyatakan semakin meningkat umur seseorang pelajar maka semakin positif pemikiran mereka

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

terhadap kegiatan organisasi perniagaan mereka. Kajian ini turut disokong oleh dapatan kajian yang dilakukan oleh Khalina (2003) dan Halimahtun Nursaedah (2004) yang mendapati majoriti pelajar yang aktif berkoperasi adalah di kalangan pelajar tingkatan empat dan lima.

Dari segi bangsa pula, majoriti responden kajian adalah berbangsa Melayu iaitu 144 orang (96%) dan bangsa Cina seramai 6 orang (4%). Dapatan ini jelas menunjukkan bahawa bangsa Melayu lebih berminat menyertai koperasi sekolah berbanding dengan bangsa Cina. Kenyataan yang menyatakan kaum bumiputera kurang berminat terhadap perniagaan mungkin telah berubah sejajar dengan peredaran zaman yang banyak menggalakkan kaum bumiputera menceburi bidang perniagaan. Dapatan kajian ini di sokong oleh Halimahtun Nursaedah (2004) yang mendapati 124 orang (68.9%) responden kajian terdiri daripada bangsa Melayu dan diikuti oleh bangsa Cina seramai 45 orang (25.0%) dan India 11 orang (6.1%). Manakala kajian oleh Asmawati (2002) juga menunjukkan jumlah responden di kalangan bangsa Melayu adalah paling ramai iaitu 90.2% dan diikuti oleh bangsa Cina sebanyak 7.8% dan India 2.0%. Selain dari itu, kajian oleh Khalina (2003) juga turut menyokong kenyataan tersebut yang menunjukkan majoriti responden yang dikaji adalah terdiri daripada bangsa Melayu.

Dari segi bilangan Ahli Lembaga Koperasi bagi setiap sekolah yang dikaji adalah mencukupi iaitu mematuhi syarat Undang-undang Kecil Koperasi. Dalam undang-undang Kecil Koperasi telah menetapkan sekurang-kurangnya bilangan Ahli Lembaga Koperasi di kalangan guru dan pelajar ialah lima belas orang. Dapatan ini bertepatan dengan hasil kajian oleh Halimahtun Nursaedah (2004) yang mendapati

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ahli Lembaga Koperasi yang dilantik adalah mengikut Undang-undang Kecil Koperasi.

5.2.2 Latar Belakang Koperasi Sekolah

Kebanyakan koperasi sekolah yang di kaji adalah terdiri daripada koperasi yang telah beroperasi bermula tahun 1980-an lagi. Hasil kajian mendapati aktiviti-aktiviti yang dijalankan di koperasi sekolah adalah terdiri daripada menjual peralatan sekolah, perkhidmatan fotostat, penjualan makanan, menjual keperluan asrama, kantin, kedai runcit, mengadakan kelas tambahan, menyediakan tempat letak kereta berbayar, dobi, mengadakan lawatan, mengadakan sambutan Hari Koperasi Sekolah dan Pelancongan Koperasi Sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kebanyakan sekolah menjalankan lima hingga lapan aktiviti sahaja. Aktiviti yang dijalankan bergantung kepada jenis sekolah tersebut. Hasil kajian mendapati sekolah harian biasa yang tidak mempunyai asrama menjalankan aktiviti yang lebih sedikit berbanding dengan sekolah harian biasa yang mempunyai asrama dan sekolah berasrama penuh. Kajian ini di sokong oleh dapatan kajian Khalina (2003) yang mendapati majoriti sekolah yang dikaji menceburi lima atau enam aktiviti sahaja. Namun dapatan ini bercanggah dengan hasil kajian oleh Mastor (2003) yang mendapati kebanyakan koperasi sekolah yang dikaji menceburi tiga aktiviti sahaja. Begitu juga dengan dapatan oleh Halimahtun Nursaedah (2004) yang menunjukkan kebanyakan sekolah yang dikaji hanya mewujudkan dua atau tiga aktiviti sahaja untuk diceburi oleh anggota-anggotanya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ini menunjukkan bilangan aktiviti yang dijalankan di koperasi sekolah adalah berlainan di antara satu sama lain. Sekiranya koperasi sekolah hanya menjalankan beberapa aktiviti sahaja ianya menyebabkan penglibatan anggota koperasi terhad kepada aktiviti tersebut sahaja. Selain itu, didapati aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh koperasi sekolah yang dikaji merupakan aktiviti yang rutin dijalankan di kebanyakan koperasi di sekolah-sekolah yang lain.

Hasil kajian menunjukkan kesemua koperasi sekolah (100%) menjual peralatan sekolah, makanan dan mengadakan sambutan Hari Koperasi Sekolah. Sembilan buah sekolah (90%) menyediakan perkhidmatan fotostat dan kedai runcit, tujuh buah sekolah (70%) mengadakan Pelancongan Koperasi Sekolah, enam buah sekolah (60%) menyediakan tempat letak kereta dan mengadakan lawatan, lima buah sekolah (50%) menjual keperluan asrama, hanya dua buah sekolah (20%) menyediakan perkhidmatan dobi dan satu buah sekolah sahaja (10%) yang mengambil tender kantin dan mengadakan kelas tambahan sebagai aktiviti di koperasi sekolah. Dapatan kajian ini tidak meyokong kajian oleh Halimahtun Nursaedah (2004) yang mendapati semua koperasi (100%) menjalankan aktiviti menjual peralatan sekolah, 70% menjual makanan, 50% mengadakan perkhidmatan fotostat dan 40% mengadakan lawatan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.2.3 Ciri-ciri Keusahawanan Pelajar

Dapatan kajian menunjukkan ciri-ciri keusahawanan yang dimiliki oleh para pelajar adalah berada pada tahap yang tinggi (min = 4.08). Dapatan ini disokong oleh Siti Nurashikin (2005) dan Roslan (2003) yang menunjukkan wujud ciri-ciri keusahawanan yang tinggi di kalangan pelajar. Ini menunjukkan pelajar-pelajar ini mempunyai potensi untuk dilatih dan dibentuk sebagai usahawan. Namun dapatan ini bercanggah dengan dapatan kajian oleh Asmawati (2002), Norasmah (2002) dan Kasim (2000) yang mendapati tahap pencapaian dalam diri pelajar adalah sederhana.

Hasil kajian juga mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara ciri-ciri keusahawanan di kalangan pelajar berdasarkan faktor jantina. Walau bagaimanapun tahap ciri-ciri keusahawanan pada pelajar perempuan adalah lebih tinggi berbanding dengan pelajar lelaki. Kajian ini disokong oleh Wee Liang Tan, et al. (1995), Juhaida (2007) dan Jamar (2009). Namun dapatan ini tidak bersesuaian dengan hasil kajian oleh Sharifah (1996), Zaidatol, et al. (1998), Nor Azizah (2000), Zaidatol, et al. (2002) dan Chek Pit Chow (2002) yang menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan di antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan dari segi ciri-ciri keusahawanan. Namun mereka juga mendapati pelajar perempuan mempunyai ciri-ciri keusahawanan yang lebih tinggi berbanding dengan pelajar lelaki. Walau bagaimanapun kajian yang dilakukan Siti Nurashikin (2005) pula menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan dari segi ciri-ciri keusahawanan. Namun pelajar lelaki menunjukkan ciri-ciri keusahawanan yang lebih tinggi berbanding dengan pelajar perempuan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dari segi bangsa pula, hasil kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan di antara ciri-ciri keusahawanan di kalangan pelajar berdasarkan faktor bangsa. Walau bagaimanapun pelajar berbangsa Melayu mempunyai ciri-ciri keusahawanan yang lebih tinggi berbanding dengan pelajar Cina. Dapatan ini bersesuaian dengan Zaidatol, et al. (2002) yang mendapati terdapat perbezaan di antara pelajar bumiputera dengan pelajar berbangsa lain dan pelajar bumiputera menunjukkan ciri-ciri yang lebih tinggi berbanding dengan bangsa lain. Namun dapatan ini bercanggah dengan hasil kajian oleh Chek Pit Chow (2002) yang mendapati bahawa pelajar Cina mempunyai ciri-ciri keusahawanan yang lebih tinggi berbanding dengan pelajar Melayu dan India. Walau bagaimanapun hasil kajian yang dilakukan oleh Siti Nurashikin (2005) menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi setiap ciri-ciri keusahawanan berdasarkan bangsa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hasil kajian juga menunjukkan pelajar-pelajar yang memiliki ciri-ciri keusahawanan mempunyai latar belakang keluarga yang terlibat dengan perniagaan iaitu sebanyak 34%. Dapatan ini disokong oleh Wee Liang Tan, et al. (1995) yang mendapati 61.5% pelajar yang memiliki ciri-ciri keusahawanan mempunyai latar belakang keluarga yang terlibat dengan perniagaan. Namun dapatan ini bercanggah dengan Sharifah (1996) yang mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar yang mempunyai latar belakang keluarga yang terlibat dengan perniagaan dengan yang tidak terlibat dengan perniagaan.

Dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara ciri-ciri keusahawanan di kalangan pelajar berdasarkan aliran pengajian. Pelajar-pelajar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

daripada aliran sastera ikhtisas menunjukkan ciri-ciri keusahawanan yang paling rendah berbanding dengan aliran sains dan lain-lain.

5.2.4 Pengetahuan Keusahawanan Pelajar

Hasil kajian mendapati tahap pengetahuan pelajar dalam bidang keusahawanan di sepuluh buah sekolah di negeri Kelantan adalah sederhana tinggi. (min = 3.99). Dapatan ini tidak selaras dengan dapatan Nor Azizah (2000), Norhatta (2003) dan Norzarina (2006) yang mendapati tahap pegetahuan pelajar dalam bidang keusahawanan adalah sederhana. Hasil kajian juga bercanggah dengan dapatan Susila (2006) yang mendapati tahap pengetahuan keusahawanan di kalangan pelajar tingkatan empat di sekolah-sekolah menengah di daerah Seremban adalah sederhana rendah (min = 2.65). Manakala menurut Wahid (2002) pula pengusaha percaya kemahiran berniaga dan pengetahuan mengenainya adalah penting dalam menjayakan perniagaan. Kurangnya pengalaman dan pengetahuan keusahawanan akan menyebabkan pelajar kurang mempunyai aspirasi terhadap bidang keusahawanan.

Hasil kajian Singh, Hills dan Lumpkin (1999) mendapati faktor individu yang mempengaruhi seseorang mengenal peluang perniagaan adalah berdasarkan faktor jantina, latar belakang keluarga, pengalaman, pengetahuan dan luasnya jaringan sosial seseorang tetapi kajian tersebut tidak melibatkan faktor umur dan latar belakang pendidikan individu. Manakala menurut Shane (2000) pengetahuan tentang sesuatu bidang menyediakan seseorang individu supaya boleh mengenal peluang perniagaan tertentu. Beliau juga turut menyatakan bahawa seseorang individu yang mengetahui

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mengenai masalah pelanggan lebih mudah untuk menemui banyak peluang perniagaan. Dapatan kajian Zaleha (2004) mendapati pendidikan formal dan pencapaian akademik membolehkan mereka berupaya mengenal peluang perniagaan yang wujud di sekitar mereka.

Dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara tahap pengetahuan keusahawanan berdasarkan faktor jantina. Namun pelajar lelaki mempunyai pengetahuan yang lebih tinggi berbanding dengan pelajar perempuan. Dapatan ini di sokong oleh Susila (2006), Muhammad (2002), Shamsuddin (2001), Chek Pit Chow (2001), Halimah dan Roslan (2001) dan Norhatta (2004).

Dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan tahap pengetahuan keusahawanan di antara pelajar berdasarkan faktor bangsa. Dapatan ini memperlihatkan tahap pengetahuan di kalangan pelajar Melayu adalah lebih tinggi berbanding dengan pelajar Cina. Kajian ini disokong oleh Susila (2006) di mana hasil kajian beliau menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan tahap pengetahuan keusahawanan di kalangan pelajar yang berlainan bangsa.

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa terdapat perbezaan tahap pengetahuan keusahawanan di kalangan pelajar berdasarkan aliran pengajian. Hasil kajian mendapati pengetahuan pelajar dari aliran sains adalah lebih rendah berbanding dengan aliran sastera ikhtisas dan lain-lain. Dapatan ini di sokong oleh Susila (2006). Kajian yang dilakukan oleh Halimah dan Roslan (2001) juga mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan budaya keusahawanan antara pelajar-pelajar yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mengikuti pelbagai aliran di Politeknik. Pelajar-pelajar aliran sastera ikhtisas sememangnya memperoleh pengetahuan keusahawanan melalui mata pelajaran elektif seperti Perdagangan, Ekonomi Asas dan Prinsip Perakaunan. Elemen-elemen keusahawanan tidak terdapat dalam mata pelajaran sains tulen. Ini adalah faktor yang menyebabkan pelajar-pelajar aliran sains tulen kurang mempunyai pengetahuan keusahawanan.

5.2.5 Kemahiran Keusahawanan Pelajar

Dapatan kajian menunjukkan tahap kemahiran keusahawanan di kalangan pelajar di sepuluh buah sekolah di negeri Kelantan adalah sederhana tinggi (min = 3.42). Dapatan ini tidak menyokong dapatan oleh Nor Azizah (2000), Norhatta (2003) dan Norzarina (2006) yang mendapati tahap kemahiran keusahawanan pelajar adalah sederhana. Dapatan ini bercanggah dengan dapatan Susila (2006) yang mendapati bahawa tahap kemahiran keusahawanan di kalangan pelajar tingkatan 4 sekolah-sekolah menengah di daerah Seremban adalah sederhana rendah (min = 2.57).

Menurut Shamsuddin (2002) seseorang usahawan mestilah mempunyai kemahiran keusahawanan supaya dapat mengintegrasikan semua aktiviti perniagaannya untuk mencapai matlamat perniagaan. Kurangnya kemahiran keusahawanan akan menyebabkan pelajar kurang mempunyai aspirasi terhadap bidang keusahawanan. Adalah menjadi perkara asas bagi setiap usahawan mempunyai kemahiran tertentu dalam perniagaan yang diceburi oleh mereka. Kemahiran-kemahiran ini berkaitan dengan perkara yang teknikal, pengurusan atau kemanusiaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kemahiran-kemahiran tersebut dapat diperoleh oleh pelajar-pelajar secara formal iaitu mengikuti latihan dalam bilik darjah atau secara tidak formal iaitu melalui pengalaman bekerja, membaca dan sebagainya.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan tahap kemahiran keusahawanan di antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan. Didapati pelajar perempuan mempunyai tahap kemahiran keusahawanan yang lebih tinggi berbanding dengan pelajar lelaki. Dapatan ini di sokong oleh Shamsuddin (2001), Chek Pit Chow (2001), Halimah dan Roslan (2001), Muhammad (2002), dan Norhatta (2004) yang mendapati pelajar perempuan mempunyai kemahiran keusahawanan yang lebih tinggi berbanding dengan pelajar lelaki. Namun hasil kajian ini bercanggah dengan kajian oleh Susila (2006) menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan tahap kemahiran keusahawanan di antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan. Didapati pelajar lelaki mempunyai tahap kemahiran keusahawanan yang lebih tinggi berbanding dengan pelajar perempuan.

Dapatan kajian juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap pengetahuan keusahawanan di kalangan pelajar yang berlainan bangsa. Dapatan ini memperlihatkan tahap kemahiran di kalangan bangsa Cina adalah lebih tinggi berbanding dengan bangsa Melayu. Dapatan ini tidak di sokong oleh Susila (2006) yang menunjukkan tidak terdapat perbezaan tahap pengetahuan keusahawanan di kalangan pelajar yang berlainan bangsa. Dapatan ini memperlihatkan tahap kemahiran di kalangan ketiga-tiga bangsa iaitu Melayu, Cina dan India adalah adalah sederhana tinggi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan tahap kemahiran keusahawanan di antara pelajar berdasarkan aliran pengajian. Hasil kajian mendapati pelajar-pelajar dari aliran sastera ikhtisas mempunyai tahap kemahiran yang lebih rendah berbanding dengan aliran sains dan lain-lain. Dapatan ini bercanggah dengan dapatan oleh Susila (2006) yang menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan tahap kemahiran keusahawanan di antara pelajar aliran sains dan sastera ikhtisas.

5.2.6 Sikap Keusahawanan Pelajar

Dapatan kajian menunjukkan tahap sikap keusahawanan di kalangan pelajar di sepuluh buah sekolah di negeri Kelantan adalah sederhana tinggi (min = 3.74). Hasil kajian juga mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara sikap pelajar dalam bidang keusahawanan berdasarkan faktor jantina. Walau bagaimanapun pelajar perempuan menunjukkan sikap yang lebih tinggi berbanding dengan pelajar lelaki. Kajian ini disokong oleh Baharu (1994), Janom (1997), Zaidatol, et al. (1998), Zaidatol, et al. (2002), Norhatta (2003) dan Sabariah (2005) yang mendapati tidak terdapat hubungan yang signifikan antara sikap pelajar berdasarkan jantina. Mereka juga mendapati sikap pelajar perempuan adalah lebih tinggi berbanding dengan pelajar lelaki.

Dari segi bangsa pula, hasil kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara sikap pelajar dalam bidang keusahawanan berdasarkan bangsa. Namun pelajar berbangsa Melayu mempunyai sikap yang lebih tinggi berbanding dengan pelajar Cina. Hasil kajian ini disokong oleh Jumaat, et al. (2004),

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Zaidatol, et al. (2005) dan Zaidatol, et al. (2009) yang mendapati pelajar Melayu mempunyai sikap yang lebih tinggi berbanding dengan bangsa lain. Namun hasil kajian tersebut bercanggah dengan Baharu (1994) yang mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara sikap pelajar berdasarkan bangsa. Namun hasil kajian mendapati pelajar berbangsa India mempunyai sikap yang lebih tinggi berbanding dengan bangsa lain. Walau bagaimanapun dapatan tersebut tidak menyokong dapatan kajian oleh Mastura (2008) yang mendapati pelajar Cina mempunyai sikap yang lebih tinggi berbanding dengan bangsa lain.

Hasil kajian juga turut mendapati terdapat perbezaan yang signifikan antara sikap pelajar dalam bidang keusahawanan berdasarkan aliran pengajian. Dapatan menunjukkan pelajar dari lain-lain aliran mempunyai sikap yang lebih rendah berbanding dengan aliran sains dan sastera ikhtisas.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.2.7 Penglibatan Pelajar Dalam Aktiviti Keusahawanan

Dapatan kajian menunjukkan penglibatan pelajar dalam bidang keusahawanan berada pada tahap yang tinggi (min = 4.59). Dapatan ini bercanggah dengan hasil dapatan oleh Sawiyah (1997) yang mendapati hanya 33.3% sahaja pelajar terlibat dalam aktiviti keusahawanan yang dianjurkan oleh koperasi sekolah.

Walaupun dapatan kajian mendapati penglibatan pelajar adalah tinggi namun ianya hanya melibatkan penglibatan di kalangan Ahli Lembaga Koperasi sahaja dan ianya tidak menggambarkan penglibatan secara menyeluruh daripada para pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Ahmad Marzuki (2004) penglibatan anggota koperasi dalam aktiviti koperasi sekolah secara langsung mencerminkan kesedaran, kesetiaan dan keyakinan anggota terhadap faedah serta kepentingan berkoperasi dalam diri mereka. Beliau juga menyatakan bahawa pertumbuhan koperasi dan pertambahan anggota koperasi sekolah merupakan satu cabaran kepada SKM, MKM dan ANGKASA dalam usaha memastikan pihak pentadbiran dan pengurusan sekolah peka terhadap penglibatan pelajar dalam kegiatan ekonomi dan sosial.

5.3 Kesimpulan Dapatan Kajian

Daripada perbincangan yang dibuat, secara kesimpulannya dapatan kajian dapat dirumuskan seperti berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

i. Pada umumnya, tahap ciri-ciri keusahawanan dalam diri responden dari segi ciri kreatif, berani mencuba, bersedia menghadapi risiko dan bertanggungjawab adalah tinggi (min = 4.08).

ii. Pengetahuan pelajar dalam bidang keusahawanan terutamannya berkaitan dengan maksud usahawan, maksud peniaga, ciri-ciri usahawan, peranan usahawan, perbezaan antara peniaga dan usahawan, kelebihan menjadi usahawan, risiko-risiko keusahawanan, jenis-jenis pemilikan perniagaan, dokumen-dokumen perniagaan dan sumber-sumber modal kewangan adalah sederhana tinggi (min = 3.99).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iii. Kemahiran pelajar dalam bidang keusahawanan dari aspek kemahiran dalam pasaran, kemahiran dalam kewangan dan kemahiran dalam pengurusan perniagaan adalah berada pada tahap sederhana tinggi (min = 3.42).

iv. Sikap pelajar dalam bidang keusahawanan terutamanya dari segi keinginan untuk cemerlang, kesungguhan untuk berniaga, kawalan dalam diri yang tinggi dan inovatif adalah berada pada tahap yang sederhana tinggi (min = 3.74).

v. Hasil kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara ciri-ciri keusahawanan pelajar dalam aktiviti di koperasi sekolah berdasarkan faktor jantina. Walau bagaimanapun pelajar perempuan mempunyai ciri-ciri keusahawanan yang lebih tinggi berbanding dengan pelajar lelaki.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

vi. Dapatan kajian mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pengetahuan pelajar dalam bidang keusahawanan berdasarkan faktor jantina. Namun pelajar lelaki mempunyai tahap pengetahuan yang lebih berbanding dengan pelajar perempuan.

vii. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kemahiran pelajar dalam bidang keusahawanan berdasarkan faktor jantina. Hasil kajian mendapati pelajar perempuan mempunyai kemahiran yang lebih berbanding dengan pelajar lelaki.

viii. Hasil kajian juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara sikap pelajar dalam bidang keusahawanan berdasarkan faktor jantina.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Walau bagaimanapun dapatan menunjukkan pelajar perempuan mempunyai sikap yang lebih positif berbanding dengan pelajar lelaki.

ix. Dari segi bangsa pula didapati terdapat perbezaan yang signifikan antara bangsa Melayu dan Cina dari segi pemupukan ciri-ciri keusahawanan. Bangsa Melayu mempunyai ciri-ciri keusahawanan yang lebih tinggi berbanding dengan bangsa Cina.

x. Hasil kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pengetahuan pelajar dalam bidang keusahawanan berdasarkan bangsa. Namun hasil kajian mendapati bangsa Cina mempunyai pengetahuan yang lebih tinggi berbanding dengan bangsa Melayu.

xi. Dapatan kajian mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kemahiran pelajar dalam bidang keusahawanan berdasarkan bangsa. Namun didapati bangsa Cina mempunyai kemahiran yang lebih tinggi berbanding dengan bangsa Melayu.

xii. Terdapat perbezaan yang signifikan antara sikap pelajar dalam bidang keusahawanan berdasarkan bangsa. Bangsa Melayu mempunyai sikap yang lebih baik berbanding dengan bangsa Cina.

xiii. Keputusan Ujian Anova satu hala menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan di antara ciri-ciri, pengetahuan, kemahiran dan sikap pelajar dalam bidang keusahawanan berdasarkan aliran pengajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

xiv. Hasil kajian juga mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara penglibatan pelajar dalam aktiviti keusahawanan berdasarkan faktor aliran pengajian.

xv. Analisis korelasi menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara pemupukan ciri-ciri keusahawanan dengan penglibatan pelajar dalam aktiviti di koperasi sekolah. Maka Ho1 ditolak.

xvi. Dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara pengetahuan pelajar mengenai keusahawanan dengan penglibatan pelajar dalam aktiviti di koperasi sekolah. Oleh itu, Ho2 diterima.

xvii. Hasil kajian juga mendapati terdapat hubungan yang signifikan di antara kemahiran pelajar mengenai keusahawanan dengan penglibatan pelajar dalam aktiviti di koperasi sekolah. Dapatan tersebut menyebabkan hipotesis Ho3 ditolak.

xviii. Hasil ujian korelasi menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara sikap pelajar terhadap keusahawanan dengan penglibatan pelajar dalam aktiviti di koperasi sekolah. Ini menyebabkan hipotesis HO4 ditolak.

xix. Analisis ujian regresi menunjukkan ciri-ciri keusahawanan telah menyumbang sebanyak 24.2% kepada penglibatan pelajar dalam aktiviti keusahawanan di koperasi sekolah. Manakala kemahiran keusahawanan menyumbang 12.4% dan 11.4% disumbangkan oleh pengetahuan pelajar dalam bidang keusahawanan. Sikap pelajar dalam bidang keusahawanan tidak menyumbang langsung kepada penglibatan pelajar dalam aktiviti keusahawanan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.4 Cadangan Kajian

Cadangan kajian perlu dikemukakan agar ianya dapat memberi panduan kepada Ahli Lembaga Koperasi, pihak pengurusan sekolah dan anggota-anggota koperasi sekolah serta pihak-pihak lain yang terlibat bagi mempertingkatkan lagi penglibatan pelajar dalam aktiviti keusahawanan di koperasi sekolah. Dapatan kajian menunjukkan adanya reaksi yang positif daripada para pelajar terhadap penglibatan mereka dalam bidang keusahawanan melalui aktiviti di koperasi sekolah. Namun dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara pengetahuan pelajar mengenai keusahawanan dengan penglibatan pelajar dalam aktiviti di koperasi sekolah. Sehubungan dengan itu beberapa cadangan ingin pengkaji kemukakan iaitu:-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(i) Ahli Lembaga Koperasi (ALK) dan anggota-anggota koperasi

ALK dan anggota-anggota koperasi perlu memastikan tahap penguasaan pembudayaan keusahawanan yang tinggi dalam diri mereka. Oleh itu, usaha untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dalam bidang keusahawanan dan perniagaan perlu diwujudkan. Ini perlu dilakukan dengan memberi pendedahan kepada ALK dan anggota-anggota koperasi mengikuti kursus-kursus secara formal yang ditawarkan di institusi-institusi latihan kerajaan dan swasta ataupun secara tidak formal dengan menghadiri seminar, ceramah dan konvensyen keusahawanan yang dianjurkan oleh pihak-pihak yang berkaitan. ALK dan anggota-anggota koperasi juga perlu peka dan sentiasa mengikuti perkembangan semasa berkaitan dengan bidang keusahawanan dan perniagaan. Mereka juga perlu mengetahui dan mengikuti peluang-peluang yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

disediakan oleh pelbagai agensi seperti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, SKM, MKM dan sebagainya.

(ii) Pihak pengurusan sekolah

Pihak pengurusan sekolah perlu mengadakan program kerjasama dengan mana-mana koperasi yang cemerlang. Koperasi yang lemah dari segi pentadbiran dan pengurusan perniagaan dicadangkan agar mengadakan program kerjasama dengan mana-mana koperasi yang cemerlang bagi memperolehi maklumat dan pengetahuan serta mempelajari kemahiran-kemahiran tertentu yang boleh meningkatkan lagi perkhidmatan di koperasi sekolah.

Pentadbir sekolah perlu memberikan sokongan ke atas aktiviti keusahawanan yang dianjurkan oleh koperasi sekolah. Pihak pentadbir boleh memaklumkan dan memberi perangsang kepada guru-guru teknik dan vokasional dan guru-guru yang memegang jawatan ALK supaya mengikuti kursus-kursus keusahawanan anjuran Kementerian Pelajaran Malaysia, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, ANGKASA, MKM dan sebagainya. Pentadbir sekolah juga disarankan agar memberi galakan kepada pelajar untuk terlibat secara aktif dalam kegiatan di koperasi sekolah seperti mana pelajar bergiat aktif dalam aktiviti ko kurikulum yang lain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(iii) Pihak-pihak lain yang terlibat

Pihak-pihak lain yang terlibat seperti ANGKASA, MKM dan SKM perlu merancang program yang boleh membantu koperasi-koperasi yang baru ditubuhkan seperti dengan memperkenalkan program mentor-mentee. Program ini adalah bertujuan bagi membantu koperasi-koperasi yang baru ditubuhkan dalam menjalankan aktiviti keusahawanan. Koperasi yang cemerlang boleh memberikan tunjuk ajar secara langsung dalam aspek memahami keperluan dan kehendak pasaran. Pihak-pihak yang berkenaan digalakkan menetapkan nama sekolah yang perlu menjadi mentor dan mentee bagi memudahkan proses penyeliaan dan pengawasan.

5.5 Rumusan

Sebagai rumusan, dapatan yang diperoleh daripada kajian ini mendapati tahap ciri-ciri keusahawanan pelajar dan penglibatan pelajar dalam aktiviti keusahawanan adalah tinggi. Pengetahuan, kemahiran dan sikap pelajar pula berada pada tahap sederhana tinggi. Dapatan ini jelas menunjukkan bahawa para pelajar mempunyai minat yang tinggi dalam bidang keusahawanan. Adalah diharapkan semoga dapatan yang diperoleh ini boleh dijadikan panduan kepada pihak tertentu bagi merangka dan menyusun strategi yang lebih berkesan supaya penglibatan pelajar dalam aktiviti keusahawanan di koperasi sekolah akan terus meningkat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

RUJUKAN

Ab Aziz Yusuf (2003). Prinsip Keusahawanan. Kuala Lumpur : Prentice Hall.

Ab. Aziz Yusof (2010). Pengenalan Kepada Usahawan Dan Keusahawanan. Kuala Lumpur : Scholarmind Publishing.

Ab. Aziz Yusof dan Zakaria Yusof (2004). Prinsip Keusahawanan. Edisi Ke-2. Malaysia : Prentice Hall.

Abdul Aziz Mohamad Yunus (2009). ANGKASA Terajui Program Latihan Koperator. Pelancar 36(5) : 5-8.

Abdul Aziz Mohamad Yunus (2010). Lahirkan Modal Insan Yang Kompeten Dan Berbudaya Keusahawanan. Pelancar 37(7) : 46-47.

Ahmad Marzuki Ismail (2004). Jati Diri Dalam Gerakan Koperasi Sekolah. Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Ahmad Marzuki Ismail (2004). Panduan Asas Gerakan Koperasi Sekolah Di Malaysia. Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Ahmad Marzuki Ismail (2004). Tadbir Urus Koperasi Sekolah. Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Ahmad Marzuki Ismail (2005). Dasar Koperasi Negara (2002-2010) Impian Dan Harapan. Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

